



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 18 **Selasa** **11 Ogos 2020**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 14)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020 (Halaman 48)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 47)

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2019 (Halaman 51)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Selasa, 11 Ogos 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah langkah-langkah atau program-program jangka masa pendek dari segi *upskilling* dan *reskilling* untuk pekerja-pekerja di industri pelancongan yang terkesan oleh COVID-19.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka beberapa program *reskilling* dan *upskilling* kepada penggiat industri pelancongan yang telah terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 ini.

Antara inisiatif khusus bagi membantu *stakeholders*, dengan izin, dalam industri pelancongan adalah dengan menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara atas talian yang merangkumi sembilan topik yang terpilih dengan kerjasama Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) dan *Malaysian Tourist Guides Council* (MTGC) kepada pemandu pelancong berlesen yang akan tamat tempoh pada tahun ini.

MOTAC turut melaksanakan Kursus Mesra Malaysia di seluruh negara khususnya kepada pemandu pelancong dan kakitangan barisan hadapan (*frontliners*) bagi meningkatkan kemahiran dalam perkhidmatan pelanggan (*customer service*).

Selain itu, MOTAC juga turut menjalankan program seperti program pemasaran pelancongan digital kepada penggiat industri bagi meningkatkan kemahiran untuk

menjalankan perniagaan dan mempromosikan pelancongan domestik secara atas talian.

Tuan Yang di-Pertua, penggiat perusahaan kraf juga turut disokong dengan pelbagai program untuk mempertajam dan menambah kemahiran mereka. Antaranya ialah:-

- (i) kursus-kursus e-usahawan yang dilakukan secara *video conferencing*;
- (ii) Makmal Pengeluaran Produk Tekstil Ikat Celup dan Jahitan Produk *Soft Toy* dan Beg;
- (iii) Makmal Kajian Pewarnaan Naphthol yang antara lain telah berjaya menghasilkan sebanyak 87 resepsi warna ataupun *monochrome naphthol* dengan jumlah keseluruhan 174 benang; dan
- (iv) Seminar *Creating Own Design As Own Brand*.

Kesemua program *reskilling* dan *upskilling* kepada penggiat industri pelancongan dilaksanakan melalui pembiayaan di bawah peruntukan sedia ada kementerian dalam usaha membantu industri pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 ini. Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi memilih soalan saya dan terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah peruntukan yang diberikan untuk program-program sedemikian? Juga, saya nak terangkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa pada realitinya, adakah program ini berkesan? Adakah ia diadakan satu kali untuk satu peserta ataupun ia berlanjutan? Kalau ia hanya menyertai satu program sahaja satu kali, mungkin ia tidak berkesan.

Juga, tentang promosi. Saya nak minta maaf dulu kalau saya terkasar sedikit, Yang Berhormat Menteri. Di mana apabila saya merujuk kepada mereka yang terlibat dalam industri pelancongan ini, mereka rata-rata kata tidak tahu tentang program-program yang dijalankan oleh kementerian. Jadi, yang saya risau ialah di peringkat Menteri, kementerian di Putrajaya ada jalankan banyak program sedemikian tetapi tidak tersampai di luar sana. Ini adalah realiti ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Seterusnya, saya nak minta akhirnya ialah tentang di Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu soalan tambahan sahaja, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Di Melaka merupakan satu bandar raya warisan yang telah diiktiraf oleh UNESCO di mana salah satu daripada produknya ialah penarik beca. Penarik beca di Melaka ada lebih kurang 400 penarik beca, mereka terjejas amat teruk. Sehingga hari ini hanya sekadar 10 peratus sahaja kembali. Jadi, sejak COVID-19 daripada Mac sehingga hari ini, hanya mereka terima RM600 daripada pihak kerajaan. Jadi, sudah lima bulan hanya terima RM600, itu amat menyusahkan mereka. Jadi, saya harap supaya kementerian dapat menumpukan perhatian kepada penarik beca di Melaka ini.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Melaka. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat di atas pertanyaan. Ada tiga seksyen pertanyaan tadi.

Pertama ialah mengenai program-program yang telah dianjurkan, bagaimana mereka boleh memanfaatkan.

■1010

Ingin saya berkongsi di sini, kalau dikira terutama sekali mereka yang tergolong dalam *tourist guide* itu – itu salah satu daripada contohnya sahaja. Mereka perlu menduduki – satu program adalah RM50, kalau mereka kena mengambil program itu untuk sendiri sebelum mereka mendapat *license* ataupun untuk *renew license*. Jadi, untuk satu tahun, mereka akan berbelanja RM150 untuk seorang, kerana dia memerlukan tiga program untuk mendapatkan *license* ataupun *renew-kan license*.

Kita ada sembilan jenis program. Semasa MCO ini Yang Berhormat, kita telah menganjurkan program ini secara percuma. Sembilan program yang mana kalau mereka ambil sendiri yang biasanya mereka ambil tiga program bermakna RM150. Akan tetapi, apabila kerajaan membentuk program ini mereka boleh mengambil sembilan program yang kita adakan dari bulan Mei sehingga bulan November ini. Dengan ini, mereka boleh memanfaatkan peruntukan daripada kerajaan iaitu sembilan program untuk tiga tahun Yang Berhormat. Itu adalah dari sudut program dan kursus tadi.

Kedua, Yang Berhormat menyentuh mengenai promosi. Saya berterima kasih kerana mungkin ada mereka yang tidak mengetahuinya. Kita mengambil maklum ini Yang Berhormat kerana kita tidak mengetahui semua orang dapat atau tidak mengetahui

promosi kita. *Insya-Allah* kita akan memperluaskan lagi promosi. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas makluman tersebut.

Mengenai penarik beca tadi Yang Berhormat. Ya, betul. Mereka mendapat sejumlah RM600 *one-off* seperti mana yang telah dibantu oleh kerajaan melalui PRIHATIN. Banyak lagi yang terjejas Yang Berhormat sebab ini bukan di bawah bidang kuasa kita untuk memberi peruntukan tersebut. Namun, apa yang boleh kami lakukan seperti mana Yang Berhormat bawa ke dalam Dewan ini, kami akan membawanya kepada pihak berwajib. Kita ada pihak Kementerian Kewangan yang sering kali mendengar rayuan kami untuk membantu mereka yang terjejas Yang Berhormat. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas maklum balas daripada Yang Berhormat ini. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa negara luar tidak boleh masuk ke negara kita tetapi kita juga tahu bahawa negara luar itu ada yang statusnya hijau. COVID-19 sudah tidak ada di negara itu. Misalnya New Zealand. Adakah tidak kita bercadang untuk membenarkan negara-negara pelancong daripada negara yang sebegini masuk ke negara kita? Itu soalan pertama.

Kedua, pelancongan domestik sepatutnya diusahakan dengan segala promosi daripada kementerian. Apakah yang telah dibuat sekarang ini untuk mengembangkan pelancong domestik?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Pertama, mengenai zon hijau. Sebenarnya memang kita sudah mengenal pasti negara-negara yang kita labelkan sebagai zon hijau. Namun begitu, kita perlu realistik Yang Berhormat. Oleh sebab kalau kita melihat dari sudut zon hijau itu adalah sebagai sebuah negara ia tidak praktikal. Misalnya kita telah mengenal pasti negara seperti Australia misalnya ataupun New Zealand tadi.

Kalau kita hanya mengenal pasti ia sebagai zon hijau dan kita mahu bekerjasama dengan mereka, maka mereka juga perlu membuka kepada kita Malaysia ini. Jadi, ini semuanya adalah satu proses yang berterusan di mana kita sentiasa berbincang melalui MOTAC, *Ministry of Health* (MOH) dengan izin dan juga *Ministry of Foreign Affairs* (MOFA) dengan izin. Kami bekerjasama untuk mengetahui keadaannya.

Selain daripada itu juga, mungkin sekarang ini kita menggunakan destinasi. Tidak melihat dari sudut negaranya sebab destinasi misalnya Australia, kita melihat keseluruhan negara itu tidak dapat dilabelkan sebagai hijau keseluruhannya kerana Melbourne baru terkena, *second wave*. Jadi, kita boleh melihat dari sudut Malaysia

dengan Perth misalnya. Itu adalah dalam proses perancangan dan juga proses kajian kita. Akan tetapi, selagi ia tertakluk kepada negara tersebut, kalau dia membuka ruang untuk kita. Kita memang sentiasa *continuously* dengan izin, mengenal pasti negara-negara yang dianggap ataupun dilabel sebagai zon hijau. Oleh sebab ada yang kena *second wave*.

Seterusnya ialah domestik tadi dari segi promosinya. Yang Berhormat, kita sentiasa akan meneruskan promosi kita. Pada masa ini, kita turun padang sendiri untuk mempromosikan. Malah ada juga saya ada *engagement* dengan izin dengan *Facebookers* yang mempromosikan '*Cuti-Cuti Malaysia*', yang mempromosikan makanan Malaysia dan tempat-tempat mereka. Ini memang original kata orang, memang orang yang suka pergi melawat di dalam negara kita dan mereka berkongsi dengan kita dan juga kita minta mereka supaya berkongsi melalui sosial media mengenai tempat, adat budaya dan makanan yang mereka rasa yang boleh dipromosikan untuk tempat-tempat di mana yang mereka hendak promosikan. Terima kasih sekali lagi.

2. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah perkhidmatan kereta api terus daripada Tumpat, Kelantan melalui Pasir Mas, Tanah Merah seterusnya ke Kuala Lumpur dan sebaliknya dapat beroperasi semula selepas ditiadakan bermula tahun 2014.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat buat masa ini kerajaan sedang memberi keutamaan kepada kerja-kerja menaik taraf serta membaik pulih kerosakan yang dialami oleh rangkaian kereta api bagi Jajaran Keretapi Gemas-Tumpat termasuk kerosakan akibat bencana banjir pada penghujung tahun 2014.

Banjir yang melanda sektor Pantai Timur pada 22 Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada infrastruktur landasan, peralatan persembahan dan juga jentera penyelenggara landasan yang telah ditenggelami air. Antara kerosakan infrastruktur landasan yang dialami adalah tanah runtuh, landasan terhakis dan ditenggelami air serta jambatan kereta api yang telah dihanyutkan air. Selain itu, berlaku kerosakan teruk terhadap bangunan pejabat stesen dan kuarters terutamanya di kawasan Manek Urai, Dabong, Kemubu, Kuala Krai dan Chegar Perah.

Dalam hal ini, kerajaan telah memperuntukkan dana sejumlah RM874.7 juta bagi membaik pulih infrastruktur landasan dan stok kereta di sektor Pantai Timur. Peruntukan ini terdiri daripada dana berjumlah RM778 juta bagi projek membaik pulih infrastruktur

landasan bagi sektor Gemas ke Tumpat dan RM96.7 juta bagi program pemulihan stesen dan lain-lain infrastruktur kereta api yang terjejas akibat musibah banjir besar yang telah melanda negeri di Pantai Timur.

Keseluruhan kerja membaik pulih infrastruktur landasan di sektor Pantai Timur ini dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2021. Maklumat mengenai projek membaik pulih infrastruktur landasan bagi sektor Gemas ke Tumpat adalah seperti berikut:-

- (i) pemulihan landasan dari Gemas hingga Mentakab oleh Syarikat Hikmat Asia Sdn. Bhd., dengan kos RM216.9 juta. Kemajuan projek hingga Julai 2020 adalah 86.44 peratus;
- (ii) pemulihan landasan dari Mentakab hingga Gua Musang oleh Syarikat Fajarbaru Builder Group Bhd., dengan kos RM259.7 juta. Kemajuan projek sehingga Julai 2020 adalah 97.08 peratus; dan
- (iii) pemulihan landasan dari Gua Musang hingga Tumpat oleh Syarikat Emrail Sdn. Bhd. dengan kos RM301.4 juta. Kemajuan projek sehingga Julai 2020 adalah 75 peratus.

Kerajaan bersedia untuk menimbalangkan pembukaan semula perkhidmatan kereta api ekspres dari Kuala Lumpur ke Tumpat setelah projek baik pulih dan naik taraf ini selesai sekiranya terdapat keperluan dan permintaan tinggi serta ketersediaan set-set tren yang boleh beroperasi di sektor tersebut. Sebagai alternatif, pengguna masih boleh memilih untuk menggunakan kereta api sebagai pengangkutan daripada Kuala Lumpur ke Tumpat dengan menaiki ETS dari Kuala Lumpur ke Gemas seterusnya menaiki perkhidmatan tren antara bandar dari Gemas ke Tumpat. Sekian terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti satu persatu Yang Berhormat Menteri tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, di Dewan ini pada 4 Julai 2019, soalan yang sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tumpat dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri itu persatu, ayatnya sama seperti jawapan pada 4 Julai 2019, cuma ditukar perkataan akan siap pada penghujung tahun 2019 tetapi Yang Berhormat Menteri kata penghujung tahun 2021.

■1020

Akan tetapi, itu tidak kisahlah, yang penting saya mahu komitmen daripada kerajaan bahawa adakah di sana – apa halangan sebenarnya untuk disiapkan pembaikan landasan ini sehingga memakan masa bertahun-tahun dengan berbagai janji dikemukakan? Adakah juga landasan tren *diesel multiple unit* (DMU) akan digunakan

kerana pengetahuan saya tren itu mempunyai kerusi yang agak tidak sesuai untuk diduduki dalam satu perjalanan yang panjang dari Tumpat ke Kuala Lumpur? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya meneliti soalan tambahan itu. Ada beberapa perkara yang saya ingin terangkan. Pertama, projek ini walaupun kerosakan berlaku disebabkan oleh banjir besar pada penghujung tahun 2014 tapi ia hanya bermula pada tahun 2016. Pada mulanya, antara 24 bulan hingga 36 bulan untuk siapkan.

Akan tetapi, ada cabaran, kenapa? Tumpat ke kawasan Kuala Lipis, kita masih ada perkhidmatan tren tidak ekonomi, bermaksud pelajar-pelajar yang hendak ke sekolah kita masih sediakan. Itu antara cabaran. Apabila ia digunakan, ya pembaikan itu kena buat atas landasan yang masih lagi lah *live line* bermaksud bukan *greenfield* itu yang pertama. Masa untuk bekerja empat jam dan bergantung pada ketepatan masanya.

Kedua, memang benar dari segi kita melihat tiga kontraktor itu ada yang lebih kompeten, ada yang lambat 25 peratus. Kita sudah ambil tindakan, kalau dia lambat kita akan saman mereka. Kita akan minta dia bayar LAD...

Ketiga, kita bagi syarat kena siap juga pada pertengahan tahun ini. Saya tahu ada antara faktor cuaca, kemudian MCO pula. Sebelum itu disebabkan *live line project*, ia kena melalui proses itu, hanya dibenarkan bekerja empat jam. Itu antara cabaran.

Untuk soalan kedua, Yang Berhormat tanya tentang DMU, ya kita sediakan. Kita sedar bahawa dari Pantai Timur, Tumpat sampai ke Johor Bahru, itu adalah satu perkhidmatan yang cukup selesa di mana kita sediakan katil dan itu adalah satu perkhidmatan yang cukup baik seperti yang saya katakan. Walaupun sekarang sembilan gerabak untuk *break-even*, jangan kata untung. Kita perlu 22 gerabak dan *full train, full load*. Ini menyebabkan setiap kali kita kena bagi RM80 ribu subsidi untuk satu tren.

Walau bagaimanapun, kerajaan bagi juga kerana kita kena menjaga rakyat di Pantai Timur untuk datang ke kawasan Kuala Lumpur atau selatan. Jadi mengenai DMU yang akan menggantikan sistem ini, kita akan gunakan DMU sebagai pelengkap dan kita juga akan lihat mana tren ada yang terus hendak bermalam sampai ke Johor Bahru tidak ada masalah tetapi kalau DMU disediakan ia akan– saya bagi jaminan apa yang baik ialah kalau DMU yang kita *design* ini memang ia adalah untuk tidak seperti katil yang kita sediakan tapi keselesaan itu tetap ada tapi untuk 12 jam, 13 jam itu biasanya katil lebih sesuai.

Jadi itu jawapan saya, kalau Yang Berhormat, saya boleh sedia memberi taklimat kepada Yang Berhormat apa yang kita akan sediakan demi rakyat di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Menteri, soalan tambahan yang kedua...

Tuan Wong Chen [Subang]: Soalan tambahan, Kota Bharu Kelantan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Johor Bahru ada sebut tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Kalau boleh ada Yang Berhormat daripada Kelantan. Sila Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Kulim orang Kedah tapi isteri orang Kelantan, dengan izin. Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri boleh menerima kalau saya katakan bahawa secara relatifnya perkhidmatan jalur Pantai Barat jauh lebih selesa, lebih berkualiti berbanding dengan perkhidmatan kereta api laluan ke Pantai Timur dari segi kekerapan, dari segi kualiti, koc, talian perkhidmatan kereta api elektrik dan sebagainya.

Jadi, *moving forward* atau bergerak ke hadapan ketika insiden banjir 2014 dengan kerosakan yang begitu besar, perkhidmatan yang disebut sahabat saya Yang Berhormat Pasir Mas itu tergendala sekian lama, sudah masuk tahun yang keenam. Itu menyusahkan penduduk. Dari sudut keadilan agihan pembangunan dan perkhidmatan kepada rakyat ternyata Pantai Timur itu sangat tertinggal.

Jadi, saya tahu KTM adalah satu agensi yang terus mengalami kerugian. Tadi Yang Berhormat Menteri pun sahkan subsidi bagi laluan yang tidak menguntungkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalannya Yang Berhormat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Akan tetapi, dengan mengambil kira semua halangan itu. Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri *share*. Katakanlah Yang Berhormat Menteri kekal pada kedudukan sebagai Menteri Pengangkutan ini, apakah gambaran perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu untuk perkhidmatan Pantai Timur yang Yang Berhormat impikan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Bagi ada mimpi dulu. Buat tidak buat itu cerita lain, boleh tidak boleh, cerita lain. Bagi ada mimpi, gambaran bagaimana? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih. Yang Berhormat suka bermimpi tapi saya suka kepada realiti ya. *[Tepuk]* Bagi saya selaku Menteri Pengangkutan itu menjadi tanggungjawab saya. Yang Berhormat bagi satu soalan bola tanggung kepada saya. Apa yang kita buat sekarang untuk melengkapkan jaringan sistem kereta api kita sebab itu kerajaan kita akan teruskan ECRL. ECRL yang kita akan buat ia pelengkap kepada sistem KTMB yang ada. Ini pertama.

Di samping kita membaik pulih *track* yang ada dari Tumpat sampai ke Gemas, itu pertama dan kita masih memikirkan jangka panjang. Saya sedar bahawa Yang Berhormat cakap itu Pantai Barat dari segi jaringan kereta api ia jauh lebih baik daripada Pantai Timur. Akan tetapi, inilah masanya kita membantu negeri di Pantai Timur. *[Tepuk]* Oleh sebab itu ECRL itu perlu dan dalam proses kita hendak memuktamadkan.

Saya berharap semua kerajaan negeri termasuk Selangor dan negeri-negeri yang berkaitan, kita sama-sama mencari satu formula. Ini adalah satu kata orang *game changer* untuk penduduk di Pantai Timur datang ke sini. Bayangkan kalau tren kita, kalau ECRL dengan kelajuan lebih daripada 160 kilometer ia boleh sampai ke Kuala Lumpur dalam tempoh berapa jam? Empat jam, lima jam. Ini akan selesaikan masalah kita.

Kalau sekarang kita kena sampai ke Gemas, Gemas naik ETS dua jam setengah sampai Kuala Lumpur. Itu sudah lambat tapi sebab itulah kita kena buka koridor ekonomi untuk Pantai Timur dengan menghubungkan untuk tren penumpang dan kargo pergi ke sana. Oleh sebab itulah kita memikirkan soal negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ini jaminan kerajaan, kita akan teruskan secara bermusyawarah dengan semua negeri.

Yang Berhormat kata tadi, betul, apa impian saya. Ya, kita hendak melengkapkan sistem jaringan kereta api dan bukan setakat itu sebab itu saya kata ECRL *connection* mesti tidak boleh buat secara silo, ia kena dihubungkan kepada sistem pengangkutan awam yang ada. Begitu juga KTMB, kalau kita hendak sambung mesti ada tempatnya di mana, kalau di Mentakab, Mentakab akan jadi satu stesen di mana kalau ERCL dengan KTM, ia akan bertembung dan di situlah orang hendak tukar ke ECRL ke mana, tidak menjadi masalah.

Saling hubungan itu sangat penting bagi kita untuk menjamin Pantai Timur ini dipelihara bukan sahaja oleh Yang Berhormat di sana tapi bagi kita lebih mementingkan, kita komited untuk menjayakan agenda negara ini. Terima kasih.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan kepada pertanyaan Menteri. Seterusnya, menjemput Yang Berhormat Simpang Renggam.

3. Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah dan inisiatif terkini pihak kementerian dalam menjaga dan mempertingkatkan kualiti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) supaya standard pengajaran guru-guru di sekolah-sekolah sentiasa berada pada tahap yang cemerlang.

Menteri Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk memperkasa pendidikan guru bagi melahirkan guru yang terlatih dan kompeten.

Antara usaha yang dilaksanakan adalah memperkuatkkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG). Ini turut melibatkan aspek pemilihan calon dan kurikulum. Melalui program ini KPM akan mendapat menyediakan guru yang berkualiti untuk meningkatkan standard pendidikan selaras dengan aspirasi dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Bermula pada tahun 2013, calon PISMP dipilih dalam kalangan pelajar cemerlang lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh minimum gred cemerlang dalam lima mata pelajaran termasuk memenuhi syarat pengkhususan bidang yang dimohon.

■1030

Seterusnya, semua calon yang memenuhi kelayakan akademik mengikut opsyen mata pelajaran, perlu melepassi saringan Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG). Calon yang melepassi UKCG akan dipanggil untuk temu duga. Secara keseluruhan, calon dipilih berdasarkan merit markah yang diperoleh meliputi akademik, kurikulum dan prestasi temu duga. Ini jelas menunjukkan bahawa hanya pelajar yang terbaik dipilih untuk mengikuti PISMP.

Dalam aspek kurikulum pula, KPM sentiasa berusaha memantapkan kualiti kurikulum PISMP agar sejajar dengan keperluan pendidikan semasa. Semakan semula keseluruhan kurikulum latihan perguruan dilaksanakan setiap empat tahun. Semakan

terkini telah bermula pada tahun 2019 dan dijangka selesai pada tahun 2021. Kurikulum baharu ini akan digunakan pada bulan Jun 2022.

Dalam pada itu, KPM melaksanakan penambahbaikan berterusan untuk setiap bidang yang diajar, mengambil kira perkembangan semasa. Sebagai contoh, dasar pembelajaran digital IPG diperkenalkan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran bagi memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0. Selain itu, pembangunan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna atau *New Pedagogies for Deep Learning* (NPDL) juga dilaksanakan sebagai pedagogi kontemporari.

Ini bagi menyediakan pensyarah dan pelajar dengan ilmu dan kemahiran untuk menghasilkan pembelajaran bermakna melalui pemanfaatan teknologi digital terkini. Di samping itu, dalam usaha untuk melahirkan guru yang berwibawa dan berketerampilan, penekanan turut diberikan kepada kemahiran insaniah, kognitif, digital, numeralisasi dan keusahawanan.

Dalam aspek persediaan guru untuk mengajar di sekolah pula, PISMP mewajibkan pelajar menjalani tiga kali Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) dan dua fasa praktikum, masing-masing selama 12 minggu. Pemantapan seterusnya menerusi *internship* pada tahun akhir melibatkan tempoh antara empat hingga 12 minggu.

Bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan secara berterusan, KPM melaksanakan penilaian terhadap guru lepasan PISMP. Selepas setahun ditempatkan di sekolah, KPM akan mendapatkan maklum balas daripada pentadbir sekolah mengenai prestasi guru lepasan IPG. Berdasarkan maklum balas bagi tahun 2015 sehingga 2019, prestasi guru baharu IPG adalah cemerlang dan memenuhi keperluan sekolah dengan skor purata 92 peratus ke atas.

Secara umumnya, prestasi ini menunjukkan pentadbir sekolah berpuas hati dengan kualiti guru baharu lepasan IPG. Melalui peringkat pemilihan calon dan pengisian program sepanjang tempoh mengikuti pengajian, KPM yakin, guru lepasan IPG yang mengikuti PISMP adalah guru yang terlatih, berkualiti dan telah bersedia untuk berkhidmat dengan cemerlang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Simpang Renggam. Soalan tambahan pertama, 30 saat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan, panjang lebar. Saya menyambut baik segala usaha berterusan yang pihak kementerian lakukan dalam meningkatkan kualiti dan profesionalisme guru-guru kita. Cuma dalam

soal kualiti untuk melahirkan guru yang terlatih dan kompeten, ia juga berkait rapat dengan soal piawaian.

Piawaian pengambilan pelajar yang diterima masuk ke Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Saya ingin memetik kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikeluarkan pada 19 Julai 2020 yang mengatakan bahawa, “*UEC telah mendapat pengiktirafan sebahagian ataupun partial recognition...*”. Ini kali pertama digunakan istilah tersebut. “*...apabila UEC diterima untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)*”.

Maka dalam konteks ini, soalan saya ialah, saya ingin tahu pendirian Yang Berhormat Menteri, sama ada kementerian ingin meneruskan pengiktirafan sebahagian ataupun *partial recognition* sijil UEC sedangkan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pagoh dalam kenyataan yang sama ketika menafikan pengiktirafan UEC, menegaskan bahawa UEC perlu mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Soal ini penting, ada kaitan. Ini kerana ia berkaitan dengan piawaian ambilan pelajar yang diterima. Jika dikatakan para pelajar diterima untuk masuk ke PISMP kerana mereka telah lulus sijil SPM dan memperoleh kepujian dalam Bahasa Melayu, maka apakah wujud keperluan untuk menyebut kelulusan sijil UEC mereka? Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Radzi bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Pertama, program yang disebutkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi bermula semenjak tahun 2011. Pada waktu Yang Berhormat Simpang Renggam menjadi Menteri juga, program tersebut juga dilaksanakan. Jadi, perkara ini dalam pengetahuan Yang Berhormat Simpang Renggam. Itu jelas. Apa yang saya ingin sebutkan tadi...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Akan tetapi tidak digunakan perkataan “*partial recognition*” ataupun “*pengiktirafan sebahagian*”.

Dr. Radzi bin Jidin: Duduk. Ini soal jawab kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Menteri akan jawab.

Dr. Radzi bin Jidin: Ini soal jawabkah? Okey, apa yang disebutkan tadi, program ini telah ada semenjak tahun 2011. Masa Yang Berhormat menjadi Menteri, program ini diteruskan. Apa nama sahaja pun, hakikatnya, dasar itu adalah berlaku pengambilan

pelajar kelulusan UEC untuk tujuan kemasukan ke IPG bagi mata pelajaran Bahasa Cina untuk SJK(C). Itu jelas.

Jadi pada waktu itu, pada waktu Yang Berhormat menjadi Menteri, program ini juga dilaksanakan. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk memenuhi keperluan di SJK(C) berkaitan dengan pendidikan Bahasa Cina. Jadi, itu kita perlu jelas, bahawa perkara ini telah ada semenjak 2011 dan diteruskan pada zaman Yang Berhormat Simpang Renggam sebagai Menteri. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan kedua, saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan mutakhir ini terdapat ramai guru sekolah kementerian yang memiliki ijazah sarjana dan bahkan peringkat Ph.D tetapi mereka masih lagi berkhidmat sebagai guru biasa di sekolah-sekolah kementerian.

Soalan saya ialah, apakah langkah-langkah pihak kementerian bagi memanfaatkan kepakaran mereka dan meletakkan mereka di post-post yang sepatutnya serta menilai kenaikan pangkat dan gaji yang berpatutan dengan kepakaran? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Menteri. Dua minit.

Dr. Radzi bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Berkaitan dengan guru-guru yang berkemahiran, mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi di peringkat Ph.D dan sebagainya, pihak kementerian sentiasa meneliti kebolehan guru-guru di semua peringkat bagi membolehkan adanya laluan yang terbaik untuk mereka berdasarkan kepakaran yang ada pada mereka.

Jadi, kita sentiasa melihat apakah stok yang ada, jumlah guru, kepakarannya, bidangnya, Ph.D bidang apa sebagai contoh, untuk melihat bagaimanakah dan apakah kaedah yang terbaik bagi membolehkan kita menggunakan kepakaran tersebut demi untuk kebaikan sistem pendidikan kita dalam jangka masa panjang. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Soalan tambahan, Kulai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Ahli Yang Berhormat, masa telah tamat. Ahli Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua.

*Si anak tani letih bertani,
Bermata layu,
Setia senyum manis berseri-seri,
Soalan saya nombor satu.*

Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri KPLB.

1. **Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiyan [Sik]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah kementerian untuk menggalakkan pekebun kecil menjalankan aktiviti keusahawanan bagi menjana pendapatan selain hasil getah.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]:

Tuan Yang di-Pertua,

*Batang bukan sebarang batang,
Batang keras macam batu,
Datang bukan sebarang datang,
Datang hendak jawab soalan nombor satu. [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sik. Cara bagaimana Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil langkah untuk mengerakkan pekebun kecil getah dalam bidang keusahawanan adalah melalui dua cara. Satu, anak, melalui anak iaitu RISDA. Satu lagi melalui bapa iaitu kementerian itu sendiri. Jadi melalui RISDA, kita menjalankan program pertama, Program Pembangunan Usahawan. Kedua, kita memperkuatkan aktiviti ekonomi tambahan (AET) yang melibatkan perkhidmatan makanan, service, dengan izin, pembuatan, pertanian.

■1040

Selain daripada itu, kita juga memperkuatkan program pembangunan produk yang akan— kalau saya hendak elaborate dengan lebih mendalam mungkin ambil masa yang lebih lama. Kita juga mengadakan program pemasaran dan promosi. Ini semua di

bawah RISDA. Selain daripada itu, sebagai bapa kita memahami pembangunan usahawan untuk pekebun kecil getah tetapi juga kita ambil maklum bahawa KPLB ini besar. Ia melibatkan pekebun kecil kelapa sawit dan juga *regional development territory* seperti PERDA, KEDA, KESEDAR.

Justeru, untuk RISDA ini sahaja sehingga 30 Mei 2020 kita telah melibatkan seramai 7,749 pekebun kecil menerima manfaat daripada program tersebut. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Dalam laporan RISDA sendiri pada tahun lepas, daripada seramai 552,000 pekebun kecil hanya seramai 16,000 lebih kurang yang terlibat dalam usahawan yang diurus oleh RISDA sendiri. Jadi, jumlah ini masih kecil. Apa yang dilihat di bawah sana iaitu realitinya para pekebun kecil ini mereka dalam keadaan dilema dan serba salah. Ketika mana komoditi getah ini sentiasa tidak stabil dan harga yang saya rasa rendah. Namun, mereka mengatakan hanya mampu untuk terus menoreh getah dan mereka tidak ada kemahiran lain.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian mempunyai program pengupayaan motivasi kendiri untuk lebih serius. Para pegawai turun ke bawah ke desa memperluaskan lagi seramai mungkin para pekebun ini terlibat dalam usahawan niaga dan tani.

Kedua, soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah pihak kerajaan akan membuat dasar baharu untuk membantu para pekebun kecil ini iaitu apabila umur pokok getah sudah matang dan hasil pengeluaran mula bertambah selepas enam tahun, apakah kerajaan berhasrat untuk memberi geran tahunan kepada mereka? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sik. Terima kasih Yang Berhormat Sik kerana saya faham Yang Berhormat Sik pengundi-pengundi Yang Berhormat Sik semua majoritinya adalah pekebun kecil getah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, betul Yang Berhormat Menteri. Betul.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Saya prihatin dan berasa amat ihsan dan kasihan kepada rakan-rakan di Sik. Saya sudah beberapa kali pergi ke situ sewaktu Yang Berhormat belum jadi wakil rakyat lah.

Justeru itu, untuk memastikan yang program motivasi dan kendiri—saya akui bahawa total pekebun kecil ada seramai 200,000. Bilangan yang saya nyatakan itu

memang kecil iaitu 7,000. Akan tetapi, sejak kebelakangan ini kita memberi tumpuan yang khusus. Kalau dahulu kita hanya beri peruntukan kepada RISDA sejumlah RM20 juta setahun dengan bantuan maksimum umpamanya AET maksimumnya sebanyak RM20,000 maksimum. Akan tetapi, sempena COVID-19 ini untuk tahun ini kita tambah jadi RM40 juta. Jadi, lebih ramai. Saya berbincang dengan pegawai-pegawai bahawa kita mementingkan bukan sangat kepada output tetapi kepada *outcome*. Berapa banyak yang kita beri bantuan kepada mereka pegawai kita *follow-up* supaya mereka ini betul-betul kendiri dan keluar daripada kemiskinan dan tidak bergantung pada hasil getah semata-mata.

Jawapan kedua Tuan Yang di-Pertua, sama ada kerajaan akan berhasrat untuk menambah geran. Ya, satu hingga lima tahun itu daripada wang ses mereka. Kebanyakan pekebun-pekebun kecil kata duit mereka. Ini kerana sembilan sen untuk produktiviti getah di simpan oleh RISDA untuk ses. Sejumlah empat sen itu kita bagi kepada Lembaga Getah iaitu empat sen untuk *research*. Memang tidak cukup tetapi kalau ada idea daripada Yang Berhormat Sik supaya daripada enam ke 20 tahun akan diwujudkan satu geran tahunan khusus bagi memastikan yang produk lateks itu yang bersesuaian dengan COVID-19, sebab produk ini akan digunakan. Ini adalah satu cadangan yang baik. Kita akan bincang dan kita akan kaji secara mendalam. Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pergi ke Mersing mencari pari,
Singgah ke pekan mencari sarapan,
Terima kasih Yang Berhormat Menteri,
Mohon jawapan soalan tambahan.*

Yang Berhormat Menteri, kita tahu bahawa dalam sektor getah ini di peringkat huluan kita sentiasa berhadapan dengan cabaran kemiskinan. Akan tetapi, di peringkat hiliran kita ada syarikat konglomerat besar yang menjana keuntungan berbilion. Jadi, apakah kementerian mempunyai cadangan untuk mencari jalan bagaimana untuk memastikan agar pekebun-pekebun kecil ini dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dengan satu pendekatan yang lebih holistik bagi menyesuaikan ketidakstabilan ini. Ketidakadilan pada saya di peringkat huluan miskin, di peringkat hiliran kaya. Jadi, yang ini saya percaya Yang Berhormat Menteri mungkin ada perancangan ke arah itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Sepatutnya, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya boleh jawab sewaktu Yang Berhormat menjadi Timbalan di kementerian yang agak sama yang menjaga pekebun kecil. Jadi, Yang Berhormat tidak perlu tanya saya. Yang Berhormat perlu tanya diri sendiri. *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Jawablah *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Eh, tetap jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan bahawa memang betul RISDA sejak tahun 1973 ia dibina untuk membantu pekebun kecil. Ekoran daripada itu, kita bantu pekebun kecil dan memastikan mereka sentiasa dibela. Pada waktu yang sama, teknologi berkembang sehingga produk-produk yang berkaitan dengan getah apatah lagi dalam suasana COVID-19 mendapat pendapatan berlipat ganda. Akan tetapi, jangan bimbang kita suka mereka berlipat ganda kerana setiap satu ringgit yang mereka untung sebanyak 26 sen pergi kepada Lembaga Hasil Negara. Itu kita tidak payah bimbang.

Akan tetapi, kalau RISDA hendak berkecimpung dalam *downstream* yang melibatkan jutaan ringgit kita tidak akan *compete* dengan mereka. Kita ada cadangan di mana Lembaga Getah mempunyai satu IP yang saya difahamkan sedang dibina daripada IP ini daripada lateks kilang yang biasa kita semua tahu air busuk lah. Air busuk ini kalau kita wujudkan— IP sudah ada. Kita akan dapat satu sejenis protein untuk makanan *animals. Animal protein food.*

Kalau ini kita dapat bangunkan dengan secara bersekala besar, RISDA boleh menjadi rakan kongsi kepada IP ini dan dia akan dapat menyelesaikan jurang yang Yang Berhormat Hang Tuah Jaya beritahu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah rasional kementerian meningkatkan harga maksima topeng muka tiga lapis daripada 80 sen sekeping ke RM1.50 sekeping.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan daripada Yang Berhormat Mantan Timbalan Menteri KPDNHEP.

Hendak ke Marang singgahlah di Temerloh,

Sudah terang lagi bersuluhan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapannya terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Rasah yang

dijadualkan pada 25 Ogos 2020. Ini kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan serta menyentuh berkenaan mekanisme penetapan harga pelitup muka.

Pada 1 April 2020, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mewartakan harga maksimum topeng muka tiga *ply* iaitu tiga lapis pembedahan untuk perubatan pada harga borong RM1.45 satu unit dan harga runcit RM1.50 satu unit melalui Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (No.2) (Pindaan) 2020.

■1050

Pada ketika itu, penetapan harga dibuat dengan mengambil kira maklum balas daripada pihak pengilang dan pengimport seperti mana berikut:

- (i) kekurangan bekalan dan penawaran topeng muka untuk memenuhi permintaan masyarakat dalam menghadapi pandemik yang bermulanya pada ketika itu iaitu pandemik COVID-19;
- (ii) analisis perbandingan harga dan margin keuntungan oleh industri di saat negara sedang menghadapi pandemik COVID-19 ini juga salah satu faktornya; dan
- (iii) kos pengangkutan udara yang tinggi disebabkan pandemik COVID-19 yang dihadapi di seluruh dunia dan kos pengimportan bahan mentah dan topeng muka dari luar negara terutamanya dari negara China semakin meningkat disebabkan pertukaran mata wang adalah dalam nilai USD ataupun *US Dollars*.

Trend semasa menunjukkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan USD pada ketika itu juga. Jadi, kementerian menghargai –sebenarnya ketika dilaksanakan PKP mulai 18 Mac 2020, keluaran atau *production* tempatan pelitup muka 3-*ply* yang dijual tertakluk kepada harga had maksimum pada ketika itu 80 sen satu helai tidak mencukupi. Semua kilang tempatan tidak dapat menampung keperluan atau permintaan. Jadi isunya adalah *availability* ataupun keberadaan dan apabila harga maksimum runcit pelitup muka dinaikkan daripada 80 sen ke RM1.50, ini membuka peluang kepada pengimportan pelitup muka dari negara China dan telah membantu meredakan keadaan masalah ketidakcukupan bekalan pelitup muka pada masa itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kementerian menghargai juga pengilang-pengilang tempatan yang turut memberikan sokongan kepada kerajaan dengan membantu memulihkan keberadaan pelitup muka di pasaran tempatan. Sokongan antaranya ialah tidak mengeksport ke luar negara dapat meredakan keresahan yang berlaku dan turut menyumbang kepada kecukupan bekalan domestik. Kementerian juga telah

melaksanakan kerjasama bersama Kementerian Kewangan bagi meningkatkan perbekalan bekalan topeng muka di dalam pasaran tempatan dengan memberi pengecualian duti import dan cukai jualan kepada pengilang dan pengimport topeng muka.

Jadi, cadangan penurunan harga maksimum pelitup muka sekarang ini telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 17 Julai 2020 dan kerajaan telah bersetuju untuk menurunkan harga maksimum pelitup muka 3-ply ini daripada RM1.45 seunit ke RM1.15 seunit di peringkat borong yang mengakibatkan nanti RM1.50 seunit ke RM1.20 seunit di peringkat runcit. Akan tetapi harga maksimum ini akan berkuat kuasa pada 15 Ogos 2020 dan turut terpakai kepada pelitup muka untuk kanak-kanak dan pembedahan iaitu untuk perubatan juga.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya nak terangkan lagi. Dia bukan setakat ini sahaja ya, kerajaan telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan mewajibkan orang ramai untuk memakai pelitup muka mulai 1 Ogos 2020 di dalam pengangkutan awam dan tempat-tempat tumpuan sesak. Jadi susulan arahan tersebut, telah berlaku peningkatan permintaan ke atas pelitup muka di pasaran. Sebagai kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap keperluan pengguna, saya ingin memaklumkan bahawa buat masa ini, bekalan pelitup muka adalah mencukupi dan pengeluaran sedang dipertingkatkan malahan harga jualan pelitup muka juga yang dijual oleh pengilang juga semakin menurun di bawah harga maksimum yang dikawal oleh kerajaan.

Susulan daripada perkembangan tersebut, saya ingin memaklumkan bahawa harga pelitup muka jenis 3-ply ini atau tiga lapisan ini akan diturunkan lagi kepada RM1.00 seunit di peringkat runcit, maknanya 95 sen seunit di peringkat pemborong berdasarkan penilaian berterusan ke atas kedudukan bekalan dan harga pelitup muka oleh kementerian. Para yang *last*, penurunan harga maksimum pelitup muka adalah langkah yang bersifat *soft landing approach* bagi membolehkan stok-stok yang dibawa masuk terdahulu dengan kos yang terlebih tinggi dengan menggunakan pengangkutan udara dapat dijual juga bagi mengurangkan kerugian pengimport akibat daripada penurunan harga ini. Jadi kementerian bersedia untuk menurunkan lagi harga siling tersebut ke paras yang lebih rendah daripada semasa ke semasa di masa akan datang.

Jadi, usaha ini diharap dapat membantu mengurangkan beban ibu bapa yang perlu menyediakan pelitup muka buat anak-anak yang sudah memulakan persekolahan dan untuk kegunaan orang ramai seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Rasah juga yang begitu prihatin kepada kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyambut baiklah pengumuman Yang Berhormat Menteri yang kata akan turun lagi harga siling *3-ply face mask*. Akan tetapi, apa yang berlaku adalah sejak Jun atau Julai 2020, kos produksi dan penawaran topeng muka telah balik ke tahap sebelum COVID-19 berlaku iaitu walaupun ia dijual pada tahap 80 sen sekeping iaitu tahap *price ceiling* sebelum penularan COVID-19, masih ada keuntungan yang besar untuk peniaga-peniaga. Kalau Yang Berhormat ada pergi *check* dalam pasaran, sekarang 40 sen atau 50 sen pun boleh dapat beli *3-ply face mask*.

Akan tetapi malangnya kerajaan telah menetapkan harga siling pada tahap RM1.50 dan walaupun pemakaian topeng muka diwajibkan bermula 1 Ogos 2020, akan tetapi penurunan harga siling akan berkuat kuasa pada 15 Ogos 2020. Ini tak masuk akal dan juga apa yang berlaku adalah nampaknya tindakan dan reaksi kementerian terhadap perubahan pasaran ini adalah lambat sikit. *Not only one step behind the changes of market forces* tetapi ada *two or three step behind the changes of market forces*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta ringkaskan pertanyaan, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: Oleh itu saya rasa akibatnya pengguna-pengguna terjejas kerana mereka terpaksa... *[Dewan riuh]* ...membayar harga siling topeng muka yang terlalu tinggi. Soalan saya, soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, soalannya sila Yang Berhormat Stampin.

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: Soalan saya adalah walaupun ada cadangan untuk menurunkan lagi harga siling topeng muka tetapi ia memang merupakan satu bebanan untuk mereka yang B40 khususnya untuk keluarga B40 di mana anak-anak mereka bersekolah. Apakah bantuan yang akan diberi oleh kerajaan terhadap golongan itu dan soalan kedua saya adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu soalan tambahan sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: Apakah standard atau jaminan yang akan diberikan oleh kerajaan bahawa kualiti atau mutu topeng muka yang dijual ini adalah efektif untuk membendung penularan COVID-19. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey. Tuan Yang di-Pertua, dua soalanlah. Satu soalan tadi, apa jaminan. Itulah sebabnya kita berhati-hati, kerajaan berjaga-jaga sebab kalau kita hendak menurunkan, ada yang mengatakan di pasaran ada yang jual

dengan harga 40 sen tetapi apa kualitinya? Kita tak tahu. Jadi kita harus berjaga-jaga. Sebab itu kita meletakkan dalam satu tahap yang telah kita bincang juga dengan semua *stakeholders* iaitu pengguna, pengilang dan yang lain-lain.

Jadi, kami walaupun mungkin benar bertindak macam lambat tetapi kami pasti ia akan menyelamatkan pengguna-pengguna. Itu yang penting. Bukan sekadar hendak bermain politik. Hendak jadi popular, kita turunkan kepada satu harga yang mungkin bagus untuk politik tetapi tidak berkesan untuk menjaga keselamatan pengguna. Itu yang penting yang harus Yang Berhormat tahu dan kepada soalan kedua, apakah langkah-langkah. Langkah-langkah akan berterusan. Tadi saya telah jelaskan supaya difahamkan RM1.00 seunit di peringkat runcit ini tidak akan berakhir di situ sahaja.

■1100

Kita akan tengok dan kita akan kaji lagi bersama semua *stakeholders*. Kita akan turunkan lagi, ya. Itu jaminan kementerian ataupun kerajaan yang prihatin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah, Rasah, Rasah.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis, Tanjung Manis, Tanjung Manis.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Beaufort, Beaufort.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Sebelah sini. [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebenarnya Yang Berhormat Stampin sudah tambah soalan. Habis semua dan tidak dapat soalan dua tambahan. [*Dewan riuh*] Ahli Yang Berhormat, oleh kerana telah panjang perbincangan ini, saya ingin teruskan kepada pertanyaan Jawab Lisan yang seterusnya. Saya menjemput Yang Berhormat Betong.

3. **Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]** minta Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menambahkan kemudahan logistik seperti enjin bot, bot *fiber glass* serta kenderaan pacuan empat roda (*pick-up truck*) bagi kegunaan anggota di Balai Bomba Betong untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan memandangkan kawasan di bawah jagaan balai ini begitu luas sehingga ke Daerah Lubok Antu dan Daerah Pusa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Mutalib]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Betong yang cukup prihatin tentang keselamatan masyarakat di negara kita, khususnya di kawasan beliau sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Balai Bomba dan Penyelamat Betong merupakan sebuah balai bomba kategori C dengan kekuatan anggota seramai 24 orang. Pada masa kini, Balai Bomba dan Penyelamat Betong dilengkapi dengan dua jenis jentera *fire rescue tender* (FRT), satu jentera *water tanker*, dua bot aluminium dan dua kenderaan utiliti pacuan empat roda.

Secara keseluruhannya, kementerian ini sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan kebombaan dengan menambah dan menaik taraf jentera serta peralatan kebombaan di seluruh negara. Justeru, kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat masa kini sedang dalam proses melaksanakan perolehan kenderaan pacuan empat roda dan *fire boat* dengan izin, buat kegunaan di seluruh negara termasuk di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di negeri Sarawak.

Saya bagi pihak kerajaan dan kementerian serta bomba khususnya mengucapkan jutaan terima kasih kepada anggota bomba di kawasan Betong khususnya kerana menjalankan tanggungjawab yang cukup besar dengan kawasan yang begitu luas. Menyedari kawasan jagaan , Balai Bomba dan Penyelamat Betong adalah sangat luas dan menyukarkan pencapaian tempoh masa bertindak awal 10 minit. Dengan itu, kementerian ini telah merancang untuk membina balai bomba kategori E seperti di Lubok Antu pada tahun 2021, manakala untuk kawasan Daerah Pusa, akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 mengikut keutamaan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat Betong, kawasan Betong juga kini mendapat khidmat kebombaan daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Pekan Betong dengan jumlah keahlian seramai 61 orang yang dilengkapi dengan sut baju api, sebuah jentera Proton Arena, pam angkut, hos dan juga lain-lain keperluan yang diperlukan di peringkat bomba sukarela ini.

Saya mengucapkan terima kasih banyak kepada keprihatinan Yang Berhormat atas membela masa depan perkhidmatan bomba di negara kita, khususnya di kawasan Betong dan di kawasan yang berdekatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Betong, soalan tambahan pertama.

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]: Soalan tambahan saya mengenai bomba sukarelawan. Adakah kementerian mempunyai peruntukan bagi membantu bomba sukarelawan dari segi peralatan serta latihan? Sekiranya ada, berapakah peruntukan yang disediakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri. Satu minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Kita ada dua pasukan bomba yang membantu bomba khas ini. Pertama ialah Bomba Sukrela di mana bomba sukrela ini diletakkan di bawah seksyen 62(1)(ca) Akta Perkhidmatan Bomba dan kedua ialah bomba komuniti. Ini perlu saya jawab dan beritahu kemudian Tuan Yang di-Pertua.

Tentang persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, sekarang ini kita telah berusaha untuk menaikkan elauan bomba bantuan ini daripada RM6 kepada RM8 sejam seperti mana perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti RELA, APM dan sebagainya. Kita sebenarnya bersedia membantu bomba-bomba sukrela. *Insya-Allah* Yang Berhormat, kalau ada masalah di tempat Yang Berhormat, bolehlah beritahu kepada kita, *insya-Allah*, kita akan bantu mana yang boleh.

Setakat ini sebenarnya kita sedang berusaha untuk membuat perolehan kepada peralatan-peralatan yang diperlukan oleh pasukan bomba bukan saja bomba di jabatan-jabatan bomba dan di balai-balai bomba, bahkan juga kepada perkhidmatan-perkhidmatan bomba sukrela. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]: Lubok Antu. [*Tidak jelas*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan kedua, saya jemput Yang Berhormat Lubok Antu.

Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kawasan saya, pekan Lubok Antu, hanya ditempatkan bomba sukarelawan dan masa sekarang, kelengkapan adalah satu *pick-up* dan hanya menampung atau memuatkan dua orang bomba sukarelawan iaitu pemandu dan juga seorang lagi. *Bucket* itu hanya cukup untuk menempatkan peralatan bomba.

Jadi, persoalan saya sekarang, keadaan itu tidak sesuai di kawasan luar bandar sebab kemampuan *pick-up* itu tidak dapat menyangga bebanan. Sebagai contoh, air yang berdekatan, ia tidak dapat akses pergi ke tempat yang berdekatan dengan sumber air yang ada. Ini sebab ia tidak menggunakan pacuan empat roda. Kedua, kemampuan dua orang itu memang agak sukar untuk melaksanakan tugas itu.

Jadi, saya cadangkan pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk naikkan taraf pengangkutan daripada *pick-up* kepada pacuan empat roda. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Lubok Antu. *Insya-Allah* kita ambil perhatian dan kita akan cari jalan bagaimana boleh membantu bomba sukarela ini. Akan tetapi, untuk makluman yang baik untuk Yang Berhormat Lubok Antu, sebenarnya kita telah merancang untuk menyenaraikan senarai bomba, pejabat bomba, balai bomba di Lubok Antu pada tahun hadapan.

Insya-Allah, berdoalah dan berikan sokongan kepada saya dan kepada kementerian, bagi kita melaksanakan. Kita minta supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan luluskan, kalau boleh pada tahun hadapan di mana bomba Lubok Antu ini, kosnya lebih kurang peringkat awal ialah RM500,000. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin teruskan pertanyaan Jawab Lisan dengan menjemput Yang Berhormat Batu Kawan.

4. Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun di dalam Pusat Tahanan Henry Gurney dan tahanan imigresen secara terperinci mengikut lokasi pusat tahanan dan tahanan imigresen serta pecahan kewarganegaraan mereka; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat untuk menangani isu kanak-kanak dalam tahanan imigresen, termasuk status implementasi projek *Alternative to Detention* (ATD) yang telah dipersetujui oleh Menteri KPWKM dan Menteri KDN?

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Kawan dan Ahli-ahli sidang Parlimen yang dihormati. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 30 Jun 2020, terdapat seramai 274 penghuni kanak-kanak berusia di bawah 18

tahun dengan pecahan 266 penghuni adalah warganegara Malaysia dan baki seramai lapan penghuni adalah warganegara asing yang sedang menjalani pemulihan di Sekolah Henry Gurney di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut seramai:

- (i) 205 penghuni ditempatkan di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka;
- (ii) 40 penghuni di Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah; dan
- (iii) 29 penghuni ditempatkan di Sekolah Henry Gurney Puncak Borneo, Sarawak.

Sebagai perbandingan, Jabatan Imigresen Malaysia pada 7 Julai 2020, merekodkan 588 orang tahanan kanak-kanak berusia di bawah 18 tahun yang ditempatkan di 14 buah Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara. Pecahan kewarganegaraan tahanan kanak-kanak tersebut adalah seperti berikut:

Negara	Bilangan (Orang)
Bangladesh	4
Kemboja	26
China	25
Indonesia	163
Myanmar	323
Nigeria	1
Filipina	44
Sri Lanka	2
Tidak dapat ditentukan kewarganegaraan	3
Thailand	9
Vietnam	8
JUMLAH	588

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu Kawan, Kementerian Dalam Negeri juga sedang meneliti kaedah alternatif bagi memastikan kesejahteraan tahanan kanak-kanak di bawah tahanan imigresen. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Dalam Negeri bersama-sama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah dalam usaha untuk melaksanakan projek rintis *Alternative to Detention* secara berperingkat yang disarankan kepada tahanan kanak-kanak.

Projek rintis yang dirangka ini melibatkan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Imigresen Malaysia sebagai agensi pelaksana serta turut dibantu oleh pertubuhan bukan kerajaan. Untuk tambahan, statistik kanak-kanak 18 tahun di depot tahanan imigresen mengikut tarikh 7 Julai 2020 adalah:

Depot Tahanan	Bilangan (Orang)
Ajil, Terengganu	23
Bekenu, Sarawak	38
Belantek, Kedah	106
Bukit Jalil	192
Juru, Pulau Pinang	4
Kemayan	22
KLIA	10
Langkap	50
Lenggeng	16
Machap Umboo	10
Pekan Nenas	4
Semenyih, Selangor	89
Simunjan	6
Tanah Merah	58
JUMLAH	588

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Batu Kawan, soalan tambahan pertama, 30 saat.

■1110

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan soalan saya ada dua bahagian, saya harap Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk bertanyakan soalan saya mengikut jawapan yang telah diberikan.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu, apakah usaha kerajaan dan jenis latihan untuk membantu kanak-kanak dari Henry Gurney apabila mereka keluar dari pusat tahanan mereka untuk menyambung kehidupan mereka selepas menjalani hukuman penjara? Apakah bilangan kanak-kanak yang ditahan tanpa penjaga sama ada ibu atau bapa yang bersama dengan mereka? Ataupun kanak-kanak ini memang tiada penjaga ataupun ada? Sila senaraikan. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh berikan jawapan bertulis.

Saya ingin juga— bahagian kedua soalan saya, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkaskan ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Kenyataan media Koalisi Buruh Migran Berdaulat dan Komnas Hak Asasi Manusia melaporkan keadaan yang kotor dan tidak selamat bagi pelarian yang ditahan di pusat tahanan Sabah yang diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Di antara Februari hingga Jun tahun ini, ada saksi yang telah melihat tiga wanita yang telah melahirkan anak tanpa apa-apa bantuan perubatan mahupun dengan pegawai, ketiadaan air selama tiga hari, air yang kotor dan berbau dan sebanyak dua botol air mineral diberikan untuk mandi. Ini saksi oleh seorang yang berumur 10 tahun.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini sudah ucapan ini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tahanan dipukul dan ditumbuk. Saya ingin tahu, apakah pelan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyiasat apa yang telah dilaporkan?

Juga, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dikatakan tadi, yang alternatif *to detention*, apakah pelan tindakan? Maksudnya, yang diberitahu akan dilaksanakan secara berperingkat tetapi saya ingin mohon penjelasan yang lebih mendalam apakah usaha-usaha— saya faham JKM, NGO, imigresen semua itu terlibat. Akan tetapi, apakah yang telah dilakukan atau apakah yang akan dilakukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Akhir sekali, adakah makanan serta susu dan kain lampin cukup untuk tahanan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Lama mana soalan?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sama ada wujud perkhidmatan perubatan dan vaksinasi bagi bayi-bayi yang dilahirkan dalam tahanan sama ada mereka bersama dengan ibu bapa atau tidak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada empat soalan tambahan di situ. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Jonathan bin Yasin: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Banyak soalan yang dikemukakan.

Pertama yang saya ingin Yang Berhormat Batu Kawan faham, kita di dalam negara Malaysia ini memang prihatin terhadap apa pun masalah yang berlaku baik kepada warganegara kita sendiri atau warga asing yang mungkin berada dalam negara kita dan mereka mungkin di dalam tahanan. Sebagaimana kita tahu bahawa kita ini memang sentiasa memperhatikan— bahkan mereka yang dalam tahanan pun diberi makanan yang cukup dan makanan mereka itu sesuai dengan apa yang dinasihatkan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kawan berkenaan dengan apakah usaha di Henry Gurney selepas hukuman penjara, untuk makluman Yang Berhormat Batu Kawan, sebenarnya semasa di dalam pemenjaraan pun kerajaan sudah mempunyai

alternatif untuk bagaimana memberi peluang kepada mereka untuk bersekolah dan sebagainya.

Saya bagi contoh. Dalam tahanan Henry Gurney, seramai 193 orang tahanan yang telah menduduki peperiksaan SPM dan 29 guru bertugas untuk mengajar mereka. Bahkan lima orang dapat 6A semasa mereka dalam tahanan Henry Gurney. Sebelum itu pun ada yang dapat 9A. Jadi, tidak semestinya selepas keluar daripada Henry Gurney baru kita perhatikan. Di dalam tahanan pun sudah diberi perhatian tentang pendidikan mereka dan segala yang mereka perlukan demi menjaga kesihatan dan sebagainya untuk mereka yang ditahan ini.

Kedua— jika saya diizinkan terus walaupun masa sudah sedikit berlalu. Saya ingin menjawab juga bahawa berkenaan dengan tuduhan daripada Koalisi Buruh Imigresen, ini kita akan teliti dan kaji apa yang telah berlaku. Sebab kita sebagai peguam, saya ingat, kita harus mendengar kedua-dua pihak sebelum membuat rumusan. Jawapan bertulis akan kita beri nanti kepada Yang Berhormat Batu Kawan.

Lain-lain tentang susu dan sebagainya, ini kita akan bagi maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat Batu Kawan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri ruang satu soalan tambahan kedua di sebelah sini. Yang Berhormat Jerantut.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Bukan Jerantut, Tuan Yang di-Pertua, Jelebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang Berhormat Jelebu. Maaf.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Fasal dah jauh, Tuan Yang di-Pertua, takkanlah tak nampak. Tak patut Tuan Yang di-Pertua buat saya macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan. 30 saat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: 30 saat boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Saya teliti jawapan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kita kena terima hakikat bahawa pelajar Henry Gurney ini, Tuan Yang di-Pertua— tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap ada dapat pelajar cemerlang. Soalan saya yang pertama, berapa pencapaian cemerlang di kalangan semua pelajar yang ada di Henry Gurney pada tahun 2019?

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, penglibatan syarikat swasta ini. Saya hendak baca satu *statement* ya, Tuan Yang di-Pertua. “*Pada September 2019, UMW Holdings Sdn Bhd telah menganjurkan program UMV Trust 2019 di Sekolah Henry Gurney*”. Ini

satu contoh yang dibuat oleh syarikat-syarikat swasta. Soalan saya ialah, sejauh mana penglibatan pihak swasta dalam membantu memulihkan pelajar Henry Gurney dan seterusnya memberikan latihan dan pekerjaan kepada pelajar-pelajar ini apabila mereka keluar daripada latihan dan tahanan?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana nampak saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Tuan Jonathan bin Yasin: Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Jelebu. Berkaitan dengan pencapaian akademik tahanan Henry Gurney pada tahun 2019, datanya tidak ada pada saya pada masa sekarang. Jawapan bertulis akan diberikan.

Begitu juga dengan kegiatan syarikat-syarikat swasta yang turut bekerjasama untuk memberikan kursus dan sebagainya kepada mereka yang ditahan di dalam Henry Gurney ini, kita akan beri jawapan bertulis juga kepada Yang Berhormat Jelebu.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, Segambut.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Minta jasa baik, satu soalan sahaja.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan. Saya sudah bagi ruang dan masa yang agak lama juga.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Agak penting.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Akan tetapi soalan tambahan itu tak ada jawapan. Semua bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Soalan lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan dengan menjemput Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, Yang Berhormat Jerantut.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya sampaikan serangkap pantun. Saya lembut sikit, tak keras macam Yang Berhormat Jelebu.

*Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,
Tidak terkira beri ruang kepada saya untuk berbicara,
Yang Berhormat Menteri teruskanlah bicara,
Soalan 5 Jerantut harap diambil kira.*

5. **Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah peruntukan geran kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) bagi tahun ini masih dilaksanakan atau sebaliknya.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]:

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri bermesyuarat pada 8 Julai 2020 bersetuju, pertama, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ini dan juga Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) ditukar kepada nama Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) dan juga Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP).

Justeru itu, pemberian geran sebanyak RM10,000 telah diberhentikan ekoran daripada wabak COVID-19 yang menyebabkan kerajaan perlu mengutamakan perbelanjaan kepada perkara yang lebih mendesak dan mustahak. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma, saya inginkan kepastian lagilah. Satunya, bila agaknya kita hendak menguatkuasakan pelantikan semua ini dan apakah peruntukan-peruntukan lain yang dapat diberikan kepada JPKK dan JPKKP? Seperti contohnya, adakah mereka ini diberikan projek kecil yang mungkin perlu di kawasan-kawasan mereka, berikan peruntukan khas berdasarkan kriteria-kriteria tertentu untuk membolehkan mereka ini memastikan kawasan kawalan mereka itu lebih berfungsi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk geran RM10,000 ini, kita berhadapan dengan isu *governance*. Kita gunakan wang rakyat. RM10,000 ini kita perlu ada kertas kerja. Ekoran daripada kecelaruan apabila memohon itu, ada isu-isu *governance*. Ada, yang dahulunya MPKK, dia minta lawatan ke luar negara. Jadi, tak bolehlah hendak *entertain*, Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi, kita tidak menafikan hak-hak JPKK untuk memohon apa juga kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pelbagai agensi. Umpamanya, di bawah KPLB, dia boleh mohon jalan perhubungan desa, bekalan elektrik luar bandar, lampu kampung, bantuan rumah, baik pulih, bantuan mesin, peralatan, program *amenities social*.

■1120

Semua ini masih berjalan seperti biasa. Tuan Yang di-Pertua pun sudah minta peruntukan. Terima kasih.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Saya telah meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kata sebab geran itu ada yang digunakan untuk buat lawatan ke luar negeri dan sebagainya. Saya setuju kalau luar negeri kita jangan bagi, tetapi banyak lagi program yang saya percaya kebanyakannya diadakan di peringkat kampung. Tidak kira apa nama dia sama ada MPKK kah, JPKK kah dan sebagainya.

Saya mohon supaya kerajaan mempertimbangkan semula. Ini kerana, walaupun kawasan saya banyak kepada kawasan bandar tetapi saya mempunyai hampir lebih 30 MPKK di bawah Parlimen Rasah yang mana perlukan peruntukan sebegini. Misal kata untuk bulan kebangsaan kita. Kalau ada geran RM10,000 itu dengan kertas kerja— saya rasa kertas kerja bukan isu. Pihak MPKK ataupun JPKK mempunyai kewibawaan untuk menyiapkan kertas kerja. Jadi, apakah kalau macam bulan ini bulan kebangsaan dan sebagainya program sebegini yang untuk kepentingan bersama antara masyarakat dan komuniti kampung. Saya harap kerajaan boleh mempertimbangkannya. Jangan sebab dana itu digunakan untuk penggunaan lain dan sebagainya.

Ini kerana, kalau satu kampung diperlukan dengan jumlah maksimum geran RM10,000 keseluruhannya pun berapa juga sahaja. Jadi, mohon pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Untuk RM10,000 satu kampung kita ada sejumlah 15,757 kampung. Ada sebanyak 873 Kampung Orang Asli. Kalau darab RM10,000, hampir RM200 juta, banyak itu. Jadi, sebab itu kita tidak boleh joli-joli dalam suasana COVID-19 ini. Kita beri kepada sasaran yang tepat dan betul. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat— Yang Berhormat ada juga peruntukan RM100,000 untuk pembangkang. Takkan tidak boleh bagi dekat kampung itu, bagilah sikit.

6. Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah kerajaan untuk memastikan kebajikan pekerja dalam sektor ekonomi gig tidak ditindas oleh majikan atau syarikat pengendali aplikasi.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pekerjaan ekonomi gig merupakan norma baharu yang wujud dalam landskap pekerjaan di seluruh dunia. Ini termasuklah pekerja seperti penghantar makanan dan *e-hailing services* yang semakin berkembang dan menarik minat ramai rakyat Malaysia. Kerajaan amat prihatin dengan perkembangan baharu ini terutamanya mengenai kebajikan mereka dalam aspek pekerjaan dan keselamatan sosial.

Daripada aspek keselamatan sosial, golongan ini adalah dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] menerusi Skim Bencana Kerja. Antara faedahnya adalah faedah perubatan, faedah hilang upaya sementara dan faedah orang tanggungan.

Daripada segi perlindungan hak pekerja, kementerian juga sedang mengambil langkah-langkah positif dan proaktif dengan mengkaji beberapa model bagi memastikan pekerja ekonomi gig boleh dilindungi tanpa menjelaskan fleksibiliti ekonomi gig. Ini termasuklah penelitian dan kajian amalan di negara lain berhubung situasi ini bagi panduan industri ini selanjutnya. Antara opsyen yang dikaji adalah kebolehpakaian undang-undang buruh sedia ada seperti Akta Kerja 1955 yang mengawal selia pekerja ekonomi gig. Walau bagaimanapun, memandangkan *nature of work* golongan ini amat berbeza daripada pekerja sektor formal yang biasa, pemakaian undang-undang buruh hendaklah tidak menjelaskan fleksibiliti bagi pekerja dan syarikat dalam ekonomi gig.

Memandangkan kesukaran memastikan wujudnya elemen *contract of service* dalam pekerjaan ekonomi gig, peruntukan-peruntukan Akta Kerja 1955 semasa masih tidak begitu sesuai digunakan dalam mengawal selia pekerjaan mereka. Kerajaan juga tidak bercadang untuk meminda Akta Kerja 1955 bagi menyesuaikan dengan kaedah pekerjaan ekonomi gig. Sehubungan itu, kerajaan juga meneliti kemungkinan untuk mewujudkan satu undang-undang khusus bagi memastikan kebijakan pekerja ekonomi gig terbela.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ya, dari segi perlindungan sosial ini saya ucapkan terima kasih kerana PERKESO mengambil tanggungjawab. Itu pun berdasarkan kepada dana daripada PenjanaGig yang telah pun diperuntukkan oleh pihak kerajaan untuk membayai perlindungan sosial melalui skim PERKESO ini untuk satu tahun. Akan tetapi, adakah selepas ini dikuatkuasakan dan diwajibkan ke atas mereka ataupun pekerja-pekerja ekonomi gig ini? Adakah kerajaan akan terus menyuntik untuk membayai mereka untuk pada tahun-tahun berikutnya ataupun mereka harus membayai sendiri.

Keduanya ialah berkaitan dengan soal keselamatan mereka. Mereka ini tidak diberikan apa-apa kursus dan latihan kerana mereka begitu mengejar untuk mendapatkan *trip* untuk mendapat pulangan keuntungan yang lebih lumayan. Jadi, seharusnya mereka ini diberikan kursus dan latihan keselamatan berada di jalan raya oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk mendidik mereka dan diberikan satu garis panduan kepada mereka sama ada melalui bercetak ataupun *online*.

Akhir sekali ialah, bilakah undang-undang khas yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi itu akan diwujudkan untuk memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja ekonomi gig ini?

Datuk Seri M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keprihatinan mantan Timbalan Menteri Sumber Manusia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah PenjanaGig kerajaan membiayai sebanyak 70 peratus bayaran caruman iaitu sejumlah RM160 manakala baki 30 peratus lagi RM69.80 disumbangkan oleh platform penyedia perkhidmatan di bawah caruman pelan kedua untuk tempoh perlindungan selama setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil keputusan ini mengambil kira keadaan semasa dan mengambil kira COVID-19. Ini adalah satu rancangan sementara. Akan tetapi, walau bagaimanapun *gig economy* akan menjadi satu budaya. Kalau kita lihat hari ini di seluruh dunia *gig economy* telah pun menjadi suatu budaya. Maka, kerajaan akan mengambil langkah-langkah positif untuk meneruskan usaha untuk membantu golongan ini. Golongan ini sebahagian besarnya adalah golongan belia.

Seterusnya, dari segi latihan, di bawah HRDF ataupun Pembangunan Sumber Manusia kita menjalankan latihan-latihan khas untukkekalkan mereka dari pelbagai aspek keselamatan dan sebagainya.

Seterusnya, dari segi memperkenalkan satu undang-undang baharu khusus untuk golongan *gig economy* adalah amat penting dan kerajaan sedang mengkaji untuk mengamalkan dalam masa terdekat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Beaufort— belakang. Sila.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak ikut ekonomi gig ini merupakan satu ekonomi yang akan menjadi satu norma baharu pada masa akan datang. Saya difahamkan bahawa jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi menyelesaikan beberapa isu ekonomi gig yang anggotanya ialah Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jadi, sejauh manakah setakat ini, masalah-masalah yang dihadapi dalam ekonomi gig ini telah dapat dikenal pasti dan juga ditangani oleh jawatankuasa yang ditubuhkan ini. Terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, *gig economy* ini merupakan satu norma baharu dan satu budaya baharu maka kita perlukan masa sedikit lebih daripada apa yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja ekonomi gig menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] mulai 1 Januari 2020. Terima kasih.

7. **Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan cadangan tindakan melebarkan ataupun membina *sky bridge* di Bukit Paren Binong, Jalan Serian-Tebedu.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Serian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Serian-Tebedu Sarawak yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan FT 21. Berdasarkan semakan Kementerian Kerja Raya dengan data daripada *Road Traffic Volume Malaysia* (RTVM) dengan izin, bagi tahun 2019 menunjukkan Jalan Serian-Tebedu tersebut berada pada tahap *Level of Service*—A. Sehubungan dengan itu setakat ini tiada sebarang perancangan untuk melebarkan ataupun membina *sky bridge* di Bukit Paren Binong, Jalan Serian-Tebedu ini.

■1130

Kementerian menyedari akan kejadian tanah runtuh melibatkan tujuh lokasi di laluan FT 21 Jalan Serian-Tebedu. Sehubungan dengan itu, status terkini lokasi cerun tersebut dalam proses pembaikan oleh syarikat konsesi pembawaan cerun secara arahan kerja dengan kos sebanyak RM5.018 juta. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan RM5 juta akan digunakan untuk membaik pulih Bukit Paren Binong. Terima kasih.

Soalan saya adalah mengenai perlunya atau cadangan untuk membina *sky bridge* atau *hanging bridge* di Bukit Paren Binong. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa tidak ada dalam peruntukan, tidak ada perancangan tetapi saya cadangkan memandangkan *sky bridge* atau *hanging bridge* ini akan menjadi tarikan pelancong. Mengapa tidak masukkan cadangan saya ini dalam Rancangan Malaysia Ke-12? Jadi, mohon Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Serian. Memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Serian bahawa kawasan jalan

ini agak menarik daripada segi bentuk muka bumi dan saya sedia menyokong permohonan Yang Berhormat untuk membawa permohonan ini ke agensi pusat khususnya EPU bagi memasukkan untuk Rancangan Malaysia Ke-12.

Kita akan *insya-Allah* membuat kajian, melantik konsultan ataupun pihak JKR untuk membuat kajian di kawasan ini. Cuma untuk makluman Yang Berhormat, kita sebenarnya juga telah melalui JKR Sarawak, mendapat maklumat kalau untuk membuat keseluruhan kawasan ini dinaiktarafkan, kosnya agak besar, lebih daripada RM20 bilion. Oleh sebab itu, apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat, memfokuskan kepada *sky bridge* ini mungkin sesuatu yang baik untuk menambah tarikan pelancongan di kawasan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan usaha Kementerian untuk membudayakan gaya hidup hijau (*green lifestyle*) dalam kebiasaan baharu pasca pandemik.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Hulu Selangor yang sudi bertanyakan tentang persoalan mengenai pembudayaan gaya hidup hijau ataupun *green lifestyle* dalam kebiasaan pasca atau *post* pandemik COVID-19.

Tahniah juga saya ucapan kepada Yang Berhormat kerana begitu cakna atau prihatin tentang isu alam sekitar dan juga isu *green lifestyle* ini. Untuk makluman Dewan sekalian, Kementerian Alam Sekitar dan Air amat sedar bahawa ketika berlakunya pandemik COVID-19, bumi kita kelihatan seperti berehat daripada aktiviti-aktiviti pembangunan dan pengeluaran karbon secara besar-besaran. Oleh sebab itu, kita dapat lihat langit semakin cerah, air semakin jernih dan udara juga semakin segar.

Dalam usaha kita untuk membudayakan amalan ataupun budaya *green lifestyle* ini dalam kebiasaan hidup rakyat Malaysia, perkara yang amat penting yang perlu diberikan penekanan dan dititikberatkan oleh kita semua melalui Kementerian KASA ini adalah berkenaan dengan perubahan *mindset* ataupun pemikiran. Untuk itu, bagi memastikan bahwasanya perubahan pemikiran ini dapat dilaksanakan, dilakukan secara tuntas maka Kementerian Alam Sekitar dan Air telah pun mempergiatkan usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran ataupun dengan izin, *knowledge and awareness* mengenai *green lifestyle* ini.

Ini bermaksud rakyat perlu difahamkan dan disedarkan bahawa pembangunan yang pesat, sistem pengangkutan dan infrastruktur serta pembangunan yang berlebihan di bandar-bandar di seluruh negara akan mengakibatkan lebih daripada 90 peratus pelepasan karbon ke udara di sekitar bandar-bandar utama. Justeru itu, saya menyarankan agar kita perlu memulakan amalan-amalan hijau dan aplikasi teknologi hijau di dalam persekitaran bandar, pengangkutan bandar, infrastruktur dan juga bangunan serta segala-galanya agar gaya hidup hijau ini dapat dilaksanakan dan dibudayakan.

Selain itu, kepada Dewan dan semua Ahli Dewan, kempen-kempen kesedaran dan *awareness* mengenai *green lifestyle* ini akan dilaksanakan secara berterusan. Sebagai contohnya, inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui program dikatakan sebagai *Program Green Campus Tour* dan ini merupakan satu program kesedaran yang diterajui oleh KASA khusus untuk golongan mahasiswa di universiti-universiti awam di seluruh negara yang telah dimulakan pada 26 Jun 2020 di Universiti Sains Malaysia.

Kempen di kampus ini adalah penting kerana ini adalah salah satu daripada usaha untuk memastikan kita dapat menyedarkan golongan muda tentang pentingnya *green lifestyle* ini. Ini akan memberikan satu nilai tambah kepada masyarakat kerana golongan mahasiswa ini adalah golongan yang dikatakan sebagai *catalyst* atau pemangkin dalam masyarakat. Sekali gus ini akan memastikan kita dapat membudayakan warga universiti kepada satu budaya yang berkaitan dengan *green lifestyle* yang lebih kepada budaya *green campus* ataupun *low carbon campus*, dengan izin.

Jadi, itu sahaja untuk jawapan permulaan kepada soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor. Terima kasih.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Kita sedia maklum bahawa kitar semula plastik juga adalah salah satu budaya gaya hidup hijau. Namun, negara kita masih dihantui permasalahan kilang pemprosesan plastik dan logam kitar semula yang beroperasi secara haram.

Oleh itu, adakah kementerian bersedia untuk melaksanakan tindakan drastik seperti menyenaraihitamkan pemilik kilang serta memotong bekalan elektrik dan air semasa membuat tindakan bersepada bersama dengan PBT yang dilakukan bagi memastikan masalah ini dapat dibanteras secara total dalam usaha kita mengurangkan pengeluaran karbon yang mencemarkan alam sekitar, adalah salah satu usaha untuk

membudayakan gaya hidup hijau. Oleh itu, adakah kementerian bersedia untuk mengimplementasikan sebagai contoh, Program Hari Tanpa Kenderaan menjadikan satu acara wajib untuk dilaksanakan secara berkala di negara kita sebagai satu usaha dalam mengurangkan pelepasan karbon secara bersepada.

Untuk menggalakkan rakyat untuk bercucuk tanam, adakah kementerian mempertimbangkan cadangan usaha supaya 1Kampung 1Tanaman khususnya di kawasan di luar bandar sebagai satu usaha bersama rentas kementerian bagi menghijaukan kembali alam sekitar? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih atas soalan tambahan berkenaan. Memang kita di pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air begitu konsisten dalam usaha untuk memastikan penguatkuasaan dibuat ke atas sebarang bentuk penyalahgunaan ataupun sebarang bentuk kegiatan yang dilakukan oleh mana-mana kilang, tidak kira sama ada kilang plastik ataupun apa-apa kilang sekalipun, selagi ia melanggar peraturan alam sekitar, maka ia akan dikenakan tindakan.

Dalam hal ini, saya suka menyebut, memberitahu Dewan bahwasanya telah terdapat lebih daripada 200 kilang plastik haram telah pun ditutup oleh pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui usaha dibuat secara berterusan dan usaha dibuat secara kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar dan juga agensi-agensi yang lain. Dalam hal ini juga, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada PBT yang juga telah bekerjasama dalam memastikan operasi kilang-kilang plastik haram ini juga telah dapat ditutup.

Untuk soalan yang kedua iaitu sama ada kita bersedia ataupun tidak untuk mengadakan Hari Tanpa Kenderaan dan sebagainya, itu adalah satu usaha yang baik. Saya yakin *insya-Allah*, bila sampai waktu dan ketikanya, kita akan bergerak ataupun berusaha untuk memastikan ia dapat dilaksanakan dengan berkesan. Inisiatif 1Kampung 1Tanaman untuk menghijaukan alam ini, saya fikir adalah satu usaha yang harus disahut dan saya yakin, kementerian kita di bawah Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air akan memastikan ia dapat dilaksanakan sebaik yang mungkin, *insya-Allah*.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, semua maklum tentang letusan Gunung Berapi Sinabung di Sumatera, Indonesia semalam dan sudah tentu letusan ini akan memberi impak terhadap kualiti udara kita. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah gaya hidup hijau ini dapat memberi kesedaran kepada rakyat untuk berhadapan dengan keadaan iklim luar jangka misalnya, berhadapan dengan masalah

jerebu yang mungkin akan melanda negara pada bila-bila masa. Apakah langkah-langkah yang sewajarnya yang akan diambil oleh kerajaan untuk menanganinya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

■1140

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Yang Berhormat Igan. Saya fikir ini adalah salah daripada pertanyaan yang menjangkau kepada keadaan semasa sekarang. Kita perlu sedar bahawasanya dalam keadaan sekarang kita telah pun masuk kepada satu keadaan di mana negara kita akan berhadapan dengan musim kemarau yang panjang. Dalam hal ini, saya yakin bahawasanya negara kita mempunyai mekanisme. Melalui KASA ini, kerajaan telah pun sentiasa bersiap siaga menghadapi keadaan cuaca panas dan kering dengan mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran yang dibuat secara terbuka dan berpotensi menyebabkan jerebu di peringkat tempatan.

Sehubungan dengan itu, untuk makluman Ahli Dewan sekalian, kerajaan telah mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) sejak dari 7 Januari 2020 lagi. Kita bersama dengan agensi-agensi pelaksana yang seperti Bomba, NADMA dan sebagainya. Kedua, kerajaan juga telah mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka dan SOP Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut sejak dari 6 Januari 2020. Ketiga, ada empat inisiatif kesemuanya. Ketiga ialah mempertingkatkan rondaan darat dan pemantauan menggunakan *drone* ataupun teknologi terkini di kawasan yang telah dikenal pasti mudah terbakar. Terakhir, untuk pengetahuan Yang Berhormat Igan dan juga Ahli Dewan sekalian, kerajaan telah mempertingkatkan penguasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan-kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepadu bersama dengan agensi-agensi kerajaan dan juga pihak berkuasa tempatan yang lain.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua Dewan, sebelum saya tutup. Kerajaan juga telah melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar melalui pembinaan infrastruktur utama yang mana sehingga kini, ingin saya maklumkan kita telah membina sebanyak 292 buah *check dam*, 89 buah *tube well*, 15 buah kolam takungan dan 5 buah menara tinjau keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Satu saja. Satu soalan. Banyak kali sangat bangun. Tidak manislah.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa. Ketua WHIP bagi saya. Saya bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, terima kasih. Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 30 saat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, apakah kementerian bercadang untuk bersama-sama dengan NGO-NGO untuk merancang strategi baru mengenai alam sekitar? Oleh sebab ada juga NGO yang mungkin kementerian tidak rasa *comfortable*, dengan izin. Apakah kita mengambil pandangan yang terbuka, berbincang dengan semua NGO yang berminat tentang alam sekitar? Apakah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dipinda? Adakah undang-undang yang lebih ketat ataupun keras ataupun hukuman denda yang lebih ketat akan dikenakan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya memang bersetuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Arau berkenaan dengan penglibatan NGO ataupun badan-badan bukan kerajaan dalam usaha mereka untuk membantu kerajaan. Dalam hal ini, untuk pengetahuan dan makluman dan juga Yang Berhormat Arau, dalam usaha untuk meningkatkan kempen-kempen kesedaran ini, *communication, education and public awareness* (CEPA) ini, kita akan memastikan bahawasanya satu forum yang khas akan dibuat atau dilaksanakan dan dialog bersama akan dibuat untuk memastikan bahawasanya suara-suara yang datang daripada komuniti ini, *community leaders*, dengan izin, ini dan juga datang daripada NGO-NGO ini dapat kita angkat ke peringkat kementerian untuk memastikan bahawasanya isu penjagaan alam sekitar ini adalah isu bersama. Bukan isu kementerian saja tapi juga ialah isu masyarakat, NGO dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, jawapan ini memang selalulah kita akan buat. Saya hendak tanya bila, bila akan dilaksanakan? Oleh sebab

NGO-NGO ada juga dok kompelin, dia kata tidak mahu berjumpa. Jadi, kita hendak tahu, bilakah akan dilaksanakan? Bukan jawapan secara umum.

Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad: Yang Berhormat Arau, *insya-Allah* dengan Kerajaan Perikatan Nasional ini kita akan pastikan bahwasanya ruang kepada mereka dibuka seluas-luasnya. *Insya-Allah.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Gerik, Dato' Hasbullah bin Osman.

9. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah langkah-langkah alternatif oleh pihak kementerian bagi golongan peniaga yang gagal meneruskan perniagaan akibat COVID-19 dan apakah program mitigasi untuk mengelakkan mereka daripada terputus pendapatan akibat menganggur.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Langkah-langkah alternatif dan juga program mitigasi yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi golongan peniaga yang gagal meneruskan perniagaan akibat pandemik COVID-19 ini merangkumi program pembiayaan, latihan dan juga pembangunan kapasiti. Pelan pemulihan ini mengandungi lebih kurang 29 program jangka pendek dan juga sederhana di bawah enam strategi yang dijangka akan memanfaatkan lebih kurang 20 ribu penerima. Peruntukan yang dianggarkan sebanyak RM362.79 juta bagi pelaksanaan bagi tahun 2020 dan juga tahun 2021.

Enam strategi telah dirangka khusus bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera serta memastikan usahawan kekal berdaya saing dan juga mampan. Objektif utama pelaksanaan Pelan Pemulihan ini adalah bagi memastikan pemulihan serta kelestarian operasi perniagaan usahawan yang terjejas akibat COVID-19 ini. Tempoh masa pelaksanaan adalah lebih kurang satu tahun dan terbahagi kepada dua fasa seperti berikut; bermula daripada Mei 2020 hingga Disember 2020 dan fasa yang kedua; Januari hingga Mei 2021.

Antara program yang terlibat adalah sebagaimana yang telah pun selesai iaitu *COVID Business Recovery Micro (CBRM)* iaitu di bawah TEKUN dan juga yang keduanya, *TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)* dan Program *TEKUN Mobile Preneur* di bawah TEKUN Nasional, manakala di bawah *SME Technology*

Transformation Fund (FTTF) dan Skim SME Go di bawah SME Bank dan juga BR Cash dan Bizz Lady khusus untuk usahawan wanita di bawah Bank Rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan yang pertama, sila Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang cukup lengkap. Soalan saya, adakah penetapan kadar 3.5% setahun bagi pembiayaan Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN sesuai dengan keadaan semasa? Adakah sebarang perancangan untuk mengurangkan kadar faedah pembiayaan ini? Oleh kerana kita kerajaan, kalau boleh bagi 1% pun tidak apa. Oleh kerana kita hendak membantu penduduk luar bandar. Bagaimana kedudukan pinjaman Amanah Ikhtiar yang cukup popular di kalangan rakyat luar bandar ketika ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

Datuk Wira Hajah Mas Ermeyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat Gerik yang begitu cukup prihatin kepada peminjam-peminjam TEKUN ya. Untuk makluman, kadar yang telah dikenakan di bawah- sebelum ini kita ada CBRM, kita tidak mengenakan sebarang faedah pun, yang mana RM200 juta yang telah diberikan oleh pihak kerajaan hanya diberikan maksimum RM10 ribu dan 0%, yang itu yang pertama. Itu sudah selesai iaitu dinamakan *COVID Business Recovery Micro (CBRM)*, sudah selesai. Tambahan di bawah PENJANA sebanyak RM100 juta ini dikenakan sebanyak 3.5% setahun dan ianya lebih rendah daripada kadar caj TEKUN yang sedia ada sebelum ini iaitu TEKUN Niaga sebanyak 4%. TEKUN dalam perancangan untuk menurunkan kadar caj ini sebab ada permintaan sebagaimana Yang Berhormat yang prihatin, begitu juga dengan ramai pihak yang mohon untuk kita lihat dan untuk memberikan rebat kepada usahawan selepas tamat tempoh pembiayaan sekiranya bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, AIM bukan di bawah MEDEC tetapi kita mengalu-alukan mana-mana agensi untuk menyediakan pembiayaan untuk sama-sama kita membantu usahawan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan yang kedua, saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah rancangan oleh kementerian dalam membantu peniaga ini, terutama dalam era pasca pandemik yang memerlukan satu langkah efektif dan kreatif. Tolong terangkan secara terperinci. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, satu minit.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Yang Berhormat Padang Serai ini, memang saya memang suka betul dengan Yang Berhormat Padang Serai ini, dia punya soalan selalu berkisarkan tentang melihat kebijakan rakyat dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita di bawah MEDEC, kita bukan saja hendak membantu. Hasrat daripada Yang Berhormat Menteri untuk kita melihat, terutama sekali sektor informal dan juga mikro. Di bawah agensi di bawah MEDEC ini kita melihat bahawa secara keseluruhannya apabila berhadapan dengan pandemik ini kita harus bantu usahawan dengan segera. Oleh sebab itulah kita memperlihatkan contoh seperti TEKUN. Kalau sebelum ini TEKUN Niaga memerlukan lebih kurang dalam 17 dokumen. Akan tetapi hari ini di bawah *TEKUN Business Recovery Scheme (TBRM)*, daripada 17 dokumen, kita pendekkan hanya empat saja dokumen iaitu SSM ataupun PBT dokumennya, utiliti, bil-bil api ataupun bil air *and then* IC dan juga akaun bank yang mana dipermudahkan. Kalau dulu ambil masa dalam sebulan tetapi kita kreatifkan, kita pendekkan lima ke tujuh hari dan itu sebenarnya hasrat di bawah MEDEC untuk membantu usahawan. Terima kasih.

■1150

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, ini mustahak ini tentang COVID-19.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan sebab masa terhad. Saya ingin seterusnya menjemput Tuan William Leong Jee Keen, Yang Berhormat Selayang.

10. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana Liberation Tigers of Tamil Ealam yang tidak wujud lagi sejak tahun 2009 adalah satu ancaman keselamatan negara dan mengapa ia tidak dikeluarkan dari senarai organisasi pengganas di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Selayang. Mengikut maklumat yang kita terima pada tahun 2014, KDN telah menyenaraikan LTTE ini sebagai identiti yang ditentukan di bawah seksyen 66B(1) di bawah Akta Penjajahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001.

Kenapa kita letakkan atau senaraikan LTTE ini sebagai identiti ditentukan kerana di bawah seksyen 66B menyatakan bahawa mana-mana kumpulan atau individu yang boleh menjelaskan ancaman keselamatan menjelaskan ketenteraman awam dan juga keselamatan negara kita, aktiviti ini mestilah kita bendung dan supaya segala ideologi mereka ini tidak merebak ke dalam negara kita. Di bawah seksyen 66B juga tidak semestinya kumpulan ini bergerak aktif baru kita hendak lepaskan daripada senarai kerana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa yang khusus untuk mengekalkan dan kumpulan LTTE ini di bawah senarai identiti yang ditentukan.

Keduanya, ada beberapa negara lagi yang telah mengekalkan LTTE ini sebagai senarai yang telah ditentukan dan identiti yang ditentukan seperti di India, di Kanada, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah kerajaan apabila membuat keputusan sama ada memasukkan atau keluarkan kumpulan daripada senarai pengganas AMLA ini mengambil kira sama ada kumpulan ini adalah pengganas atau dengan izin *liberation movement exercising the right of self determination* itu ialah matlamat LTTE.

Kedua ialah sama ada keperluan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan dipenuhi kerana Tamil Tigers tidak pernah melakukan keganasan di Malaysia ataupun mengancam keselamatan Malaysia dan bila mereka telah ditahan di bawah SOSMA kerana di dalam senarai AMLA ini mereka yang ditahan telah hilang hak jaminan mereka khususnya Perkara 5, 9, 10 dan 13 kerana hanya mereka yang dipercayai benar-banar terlibat dalam keganasan boleh ditahan demi keselamatan Malaysia yang terjamin bukan untuk keselamatan negara yang lain. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Selayang. Yang Berhormat Selayang boleh merujuk kepada seksyen AMLA ini tahun 2001 iaitu di bawah seksyen 66B dan juga di bawah seksyen 66B(1) dan seksyen 66B(9). Kalau kita sebut di bawah 66B(9) ini ada setiap enam bulan sekali Menteri mempunyai kuasa untuk menyemak atau

jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menyemak sama ada kumpulan LTTE ini atau mana-mana kumpulan yang telah kita letakkan di bawah senarai yang telah ditentukan untuk kita lepaskan mereka ini daripada senarai pengganas di dalam negara kita.

Jangan bimbang Yang Berhormat, matlamat kerajaan adalah untuk memastikan negara kita terus selamat, ketenteraman awam kita terjamin dan *insya-Allah* setiap enam bulan kita akan kaji kumpulan-kumpulan ini. Terima kasih.

11. Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan statistik bilangan pekerja yang diberhentikan kerja dalam tempoh Januari hingga Jun 2020 mengikut pecahan negeri serta usaha-usaha yang telah dilakukan untuk membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan akibat wabak COVID-19.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berhubung pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai. Sebagaimana sedia maklum, pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada ekonomi global keseluruhannya termasuk di Malaysia. Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), kes kehilangan pekerjaan dari bulan Januari 2020 sehingga 31 Julai 2020 adalah seramai 67,068 orang pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, laporan kehilangan pekerjaan atau dengan izin *loss of employment* mengikut pecahan negeri dari bulan Januari sehingga 31 Julai 2020 adalah seperti berikut:-

Negeri	Bilangan Pekerja (orang)
Johor	5,549
Kedah	3,498
Kelantan	360
Melaka	1,170
Negeri Sembilan	620
Pahang	1,943
Perak	2,226
Perlis	309
Pulau Pinang	7,426
Sabah	2,897
Sarawak	2,227
Selangor	19,914
Terengganu	748
W.P. Kuala Lumpur	17,970
W.P. Labuan	167
W.P. Putrajaya	73

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawab soalan kedua, kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN dan beberapa penambahbaikan di bawah PENJANA untuk membantu majikan agar dapat mengekalkan pekerja mereka dan juga mengekang dari berlakunya pemberhentian secara besar-besaran.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Soalan tambahan.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan dan saya mengambil maklum bahawa sebanyak 67,000 orang hilang pekerjaan di seluruh negara kita kepada ketika ini.

Sehubungan itu, saya ingin minta penjelasanlah sebab JobsMalaysia ialah sistem penjodohan pekerjaan automatik atas talian yang disediakan oleh kementerian Yang Berhormat Menteri. Sejauh manakah dalam tempoh COVID-19 ini keberkesanan sistem ini dalam mengurangkan pengangguran di negara kita? Mohon penjelasan.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, dari segi mengurangkan pengangguran, kita perlu lihat keseluruhan program-program daripada PERKESO bukan hanya sahaja JobsMalaysia. Kalau kita lihat keseluruhan sebab mengatasi pengangguran adalah satu usaha keseluruhan. Maka, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil pelbagai usaha yang pertama daripada ELP iaitu program ini merupakan bantuan secara *immediate financial assistance* dengan izin sebanyak RM600 sebulan kepada majikan bagi setiap pekerja yang diminta bercuti tanpa gaji.

Program kedua adalah Program Subsidi Upah (PSU). Program ini bertujuan membantu majikan yang terkesan daripada segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Selanjutnya juga adalah program seperti Program Insentif Pengambilan Pekerja or *hiring incentive* dengan izin di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi dan program *MyFutureJobs* adalah untuk mereka yang telah kehilangan peluang pekerjaan mendaftar supaya Kementerian Sumber Manusia mengenal pasti peluang-peluang yang sedia ada dan menyediakan peluang pekerjaan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua, silakan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seramai 67,068 orang yang telah pun diberhentikan. Jadi saya hendak tanya adakah majikan yang memberhentikan mereka itu tidak diberikan subsidi upah atau tidak mendapat subsidi upah? Oleh sebab tujuan subsidi upah ini ialah untuk mengekalkan pekerjaan. Tiba-tiba angka ini meningkat daripada masa ke semasa dan sekarang sudah seramai 67,068 orang dan adakah mereka ini tidak mendapat subsidi upah ataupun sebaliknya?

Keduanya, apakah bidang-bidang pekerjaan yang terbabit dalam pemberhentian ini, bidang-bidang pekerjaan ini?

■1200

Akhir sekali ialah berapa jumlah pekerja daripada warganegara yang diberhentikan dan berapa jumlah pekerja yang bukan warganegara dalam angka 67,068 orang yang diberhentikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, kebetulannya kerajaan telah memberi Program Subsidi Upah untuk semua sektor tidak kira sama ada sektor yang beroperasi atau tidak beroperasi semua sektor dapat. Akan tetapi ada juga majikan-majikan yang memilih tidak boleh meneruskan operasi. Contohnya daripada sektor-sektor tertentu seperti perhotelan, pelancongan dan sebagainya.

Sektor-sektor yang terlibat kebanyakannya adalah daripada sektor perhotelan, perkhidmatan dan pelancongan. Hal yang mengenai statistik berapa jumlah pekerja tempatan dan pekerja asing, memandangkan ini melibatkan statistik saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat semua sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Usul Menteri sekarang.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.02 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan di peringkat dasar dan diputuskan bacaan kali kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 12 Ogos 2020”.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat seperti mana yang semua maklum negara kita sedang dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dalam usaha membendung dan mencegah penularan wabak COVID-19 yang sedang menular seluruh dunia pada ketika ini. Oleh yang demikian terdapat beberapa *Standard Operating Procedure* (SOP) yang perlu dipatuhi sebagai langkah mencegah penularan wabak COVID-19.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua, di antara SOP yang telah dilaksanakan adalah penjaraikan sosial dan fizikal. Oleh yang demikian bagi sesetengah tempat atau kawasan kapasiti maksimum individu yang berada dalam tempat kawasan tersebut adalah dihadkan kurang daripada kapasiti asal. Contohnya jumlah penumpang di dalam lif yang mana kapasiti maksimum yang dibenarkan dalam SOP adalah lima orang sahaja berbanding kapasiti asal iaitu 10 hingga 15 orang bagi setiap lif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada mengambil kira SOP mencegah penularan wabak COVID-19, saya juga mengambil kira jarak perjalanan antara blok utama, yang menempatkan Dewan Rakyat dengan blok Ahli Parlimen dan pentadbiran. Hal ini kerana pada persidangan kali ini blok Ahli Parlimen dan pentadbiran tersebut telah mula beroperasi dan diguna pakai oleh semua Ahli Yang Berhormat dan

kementerian sebagai pejabat di Parlimen Malaysia. Memandangkan jarak antara kedua-dua blok ini agak jauh dan mengambil kira pelaksanaan SOP mencegah penularan wabak COVID-19 ini, agak sukar bagi semua Ahli Yang Berhormat untuk berada di dalam Dewan dalam tempoh masa dua minit sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat setelah meneliti perkara ini saya mengambil keputusan untuk membuat petua berdasarkan Peraturan Mesyuarat 12(2), 46(4) dan 99 bagi proses *belah bahagian* di mana setiap kali proses *belah bahagian* dijalankan loceng akan dibunyikan selama dua minit, kemudian persidangan mesyuarat akan ditempohkan selama 10 minit bagi memberi masa kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berada di dalam Dewan untuk mengambil bahagian dalam proses *belah bahagian* tersebut.

Kemudian loceng akan dibunyikan semula selama dua minit selepas persidangan mesyuarat ditempohkan bagi membolehkan persidangan dijalankan dan proses *belah bahagian* dilaksanakan. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon supaya saringan COVID ini dibuat sekali lagi kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga orang-orang lain yang sentiasa berinteraksi di Parlimen ini dengan agak hebat. Jadi kita sudah buat saringan yang pertama dulu sekarang ini saya minta kalau boleh buat saringan sekali lagi kerana interaksi yang hebat telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Arau, saya akan meminta nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Kesihatan yang berkenaan dan akan mengikut nasihat yang diberikan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2019) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang ini untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu" dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan Perbelanjaan Mengurus Pertama Tahun 2019 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan dan tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Bajet 2019 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2019 yang dibentangkan adalah berjumlah RM7,005.7 juta untuk pembiayaan perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM7,005.7 juta yang telah diringkaskan seperti berikut:-

Sebanyak RM1,071.8 juta adalah untuk pindaan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan 2019 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 - peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2019 yang berjumlah RM54,173.2 juta. Bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman.

Sebanyak RM778.6 juta adalah bagi merekodkan semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2019 seperti mana yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 tahun 2020 dan sebanyak RM5,155.3 juta adalah merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian atau jabatan yang telah diberi kebenaran untuk berbelanja melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2019.

Kementerian-kementerian yang terlibat di dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:-

■1210

- (i) Kementerian Kewangan sebanyak RM3,628.8 juta;
- (ii) Kementerian Kesihatan sebanyak RM1,179.9 juta;
- (iii) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM635.9 juta;
- (iv) Kementerian Pendidikan sebanyak RM623.7 juta;
- (v) Kementerian Pertahanan sebanyak RM362.9 juta;

- (vi) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM313.2 juta;
- (vii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM77.1 juta;
- (viii) Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebanyak RM58.2 juta;
- (ix) Kementerian Industri Utama sebanyak RM40.3 juta;
- (x) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebanyak RM39.4 juta;
- (xi) Kementerian Kerja Raya sebanyak RM16.1 juta;
- (xii) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM15.6 juta;
- (xiii) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM13.9 juta; dan
- (xiv) Kementerian Pengangkutan sebanyak RM50.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2019 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 2020 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 2020.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2019.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2019 adalah RM4,970.5 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,838.3 juta adalah merupakan pendahuluan yang telah dikeluarkan daripada Simpanan Luar Jangka. Anggaran tambahan ini diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud berikut:

- (i) Sebanyak RM2,660.4 juta untuk Kementerian Kewangan;
- (ii) Sebanyak RM1,312.3 juta adalah untuk Kementerian Pengangkutan;
- (iii) Sebanyak RM568.7 juta untuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- (iv) Sebanyak RM379 juta untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- (v) Sebanyak RM50 juta untuk Kementerian Belia dan Sukan.

Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda token sebanyak RM210 bagi beberapa kementerian. Peruntukan tanda ini adalah bagi mewujudkan butiran baharu untuk membolehkan pinda peruntukan dilakukan antara butiran. Penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2019 adalah seperti yang dinyatakan

dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan di sini bahawa anggaran perbelanjaan tambahan yang dipohon ini berjumlah RM7,005.7 juta untuk bekalan dan RM4,970.5 juta untuk perbelanjaan pembangunan adalah sebahagian daripada jumlah perbelanjaan sebenar tahun 2019 dan ia tidak menjelaskan defisit fiskal yang telah ditetapkan pada paras 3.4 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 selepas ucapan ini dan saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL.1) 2019

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka sekarang ini untuk diperbahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memperbahaskan perkara ini, izinkan saya memaklumkan bahawa perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020 adalah sehingga jam 5.00 petang dan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menggulung pada ketika itu. Ahli-ahli Yang Berhormat diberikan masa selama 15 minit seorang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Jadi, sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu untuk memulakan perbahasan. Silakan.

12.19 tgh.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* [Membaca selawat]. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana ruang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di peringkat dasar.

Saya meneliti peruntukan kali ini untuk Kementerian Kesihatan sebesar RM1.179 bilion iaitu Anggaran Perbelanjaan Mengurus. Pada asalnya Bajet Tahun 2020, Kementerian Kesihatan diperuntukkan sebesar RM28 bilion meliputi RM5.66 bilion untuk Kesihatan Awam dan RM14.2 bilion untuk Program Perubatan.

Kementerian ini yang sekarang merupakan pemain penting barisan hadapan mempunyai seramai 78,266 petugas untuk kesihatan awam berbanding 153,412 untuk perubatan.

■1220

Kita juga sedia maklum bahawa Kementerian Kesihatan ini adalah memikul tanggungjawab untuk kesihatan awam termasuk perkhidmatan penjagaan primer, kesihatan keluarga, pemakanan, kawalan penyakit dan pendidikan kesihatan. Umumnya kalau kita tengok perbelanjaan kesihatan di negara kita adalah bermain di sekitar angka empat peratus daripada KDNK. Kalau kita perhatikan di Amerika Syarikat,

18 peratus daripada KDNK atau dalam angka sebenar ialah USD4 trilion. Walau bagaimanapun, kes yang dilaporkan di sana jauh lebih besar, lebih 4 juta dengan kematian hampir 150,000.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya masih ingat semasa Kerajaan Pakatan Harapan masih lagi memegang jawatan ketika wabak COVID ini melanda sekitar November, Disember 2019, langkah awal ketika itu adalah empat perkara.

- (i) langkah melakukan saringan kesihatan di pintu masuk;
- (ii) membina keupayaan untuk ujian COVID-19 seawal Januari 2020;
- (iii) menyediakan PPE untuk petugas kesihatan serta kemudahan rawatan untuk pesakit COVID-19; dan
- (iv) memulakan konsultasi secara *online*.

Saya ucapkan terima kasih kerana Kementerian Kesihatan meneruskan gerak kerja yang lebih kemas dan tersusun bagi menghadapi wabak ini. Saya ingin mendapat penjelasan kementerian, wabak ini sudah tentu memberikan impak yang tersendiri. Di Malaysia, kematian akibat denggi ialah 0.2 peratus, kematian akibat tibi ialah 6.6 peratus. Kita tahu secara relatifnya kematian akibat COVID masih lagi rendah. Namun, impak COVID ini memberikan isyarat bahawa segala perancangan untuk satu atau dua tahun yang akan datang mestilah mengambil kira kesan COVID-19 dan juga langkah pencegahan.

Pertama ialah impak tidak langsung kerana sumber perkhidmatan kesihatan yang terhad terpaksa disalurkan untuk COVID-19. Rawatan pesakit biasa seperti kanser, strok, sakit jantung dan sebagainya terpaksa kita *compromise* atau kurangkan. Ini memberikan impak tidak langsung. Bolehkah kementerian memberikan secara perbandingan kematian yang berlaku atau istilahnya, dengan izin, *excess mortality* daripada kesemua kematian akibat COVID? Seluruh tenaga sekarang tumpuan lebih kepada COVID. Kos selepasnya adalah fokus kepada penyakit-penyakit biasa yang juga menjadi punca kematian. Bolehkah kementerian berkongsi fakta ini untuk memberikan kita satu pengetahuan?

Saya juga dapat bahawa— saya merujuk kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan yang memberikan angka sekitar 24 peratus daripada kalangan rakyat yang gagal mematuhi arahan kuarantin mengikut Akta 342. Saya memandang serius perkara ini kerana apakah ia merupakan kedegilan ataupun ia merupakan aspek kelemahan penguat kuasa kuarantin.

Yang terbaru berlaku Kluster Sivagangga misalnya, nun jauh di kawasan India sana tetapi sekarang bertapak di Kubang Pasu. Itu memberikan satu cabaran atau

ancaman baharu. Saya dapat melihat bagaimana kecewanya pasukan Kementerian Kesihatan melihat gejala ini. Aspek di situ yang boleh kita pelajari adalah pelanggaran terhadap arahan kuarantin. Di satu sisi lain adalah kelemahan dari segi penguatkuasaan kuarantin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil maklum menarik perhatian Dewan tentang wujudnya amaran bahawa kekurangan *test kit* masih lagi berleluasa dan ini menjadi masalah global. *COVID-19 testing* ini meliputi *PCR testing*, antigen *testing*, antibodi dan sebagainya. Ini memerlukan Kementerian Kesihatan untuk terus memberikan maklum balas yang berterusan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 5.4 juta orang murid prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara. Musim sekolah dibuka ini, ini memberikan satu keadaan yang membimbangkan. Satu, tidak semua di kalangan rakyat kita—walaupun tadi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengumumkan kesediaan harga topeng tetapi harus kita akui masih ada kalangan yang bergelut dengan pendapatan harian, apa lagi untuk dibelanjakan bagi kemudahan topeng muka.

Pada masa yang sama, ini sudah menjadi satu yang wajib. Seramai 5.4 juta orang pelajar sekolah ini boleh sahaja terdedah dan punya potensi untuk merebaknya lagi jika sekiranya aspek penguatkuasaan atau pemantauan tidak diberikan perhatian. Itu pilihan saya yang pertama.

Pilihan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah kesan COVID dari segi ekonomi pula ialah kepada rakyat terbanyak sama ada hilang punca pendapatan, hilang pekerjaan dan sebagainya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Negara kita sudah pun sedia— silakan.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, sebelum Yang Berhormat pergi ke topik yang lain.

Adakah Yang Berhormat sedar dalam kita mengurus COVID-19 ini, di sana terdapat satu *concern*, dengan izin, oleh Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang telah pun memaklumkan melalui siaran media bahawa mereka kecewa khusus dalam isu pembayaran elauan COVID-19 ini yang seharusnya diterima oleh para petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan dan

tidak diberi perhatian sewajarnya dengan alasan bahawa mereka terbabit atau terkesan dengan kerentak birokrasi? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

Secara kebetulan, saya juga menerima e-mel daripada mereka meminta supaya perkara ini dibawa untuk perhatian. Dari segi polisi dan kesungguhan untuk membantu itu kita nampak ada tetapi harus kita akui dari sudut penyampaian (*delivery*) itu masih ada kekurangan yang perlu diberi perhatian. Saya mohon pertanyaan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, negara kita...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bukit Mertajam.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membangkitkan satu isu sebelum saudara saya dari Kulim-Bandar Baharu masuk ke dalam isu ekonomi iaitu isu laporan data-data COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada asalnya, setiap hari diberikan laporan pecahan kes COVID positif di peringkat negeri. Selepas dituntut, KKM telah memberikan pecahan peringkat daerah dan kemudiannya sekarang di peringkat mukim. Saya hendak tanya di sini sama ada setujukah saudara saya dari Kulim-Bandar Baharu untuk KKM melaporkan juga pecahan yang lebih kecil lagi iaitu di peringkat taman perumahan? Saya faham mungkin ada justifikasi dari segi KKM tetapi dituntut oleh rakyat di bawah sana agar mereka mempunyai maklumat yang lebih jitu tentang laporan kes positif itu. Itu satu.

Keduanya ialah saya juga hendak mohon supaya KKM melaporkan, kalau tidak setiap hari, sekurang-kurangnya berkala, mungkin seminggu sekali ataupun dalam dua tiga hari sekali laporan ujian saringan yang telah dijalankan atau berapa ujian saringan yang telah dijalankan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keadaan kes COVID positif di negara kita. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih rakan saya dari Bukit Mertajam. Sudah tentu syor itu syor yang wajar, munasabah untuk dipertimbangkan. Ini kerana data harian boleh menjadi semakin menarik kalau kita *massage* sikit lagi untuk membuat *mapping* iaitu memberikan panduan yang lebih tepat dan membantu rakyat, khususnya orang ramai untuk mengikuti.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan tajuk saya untuk lima minit terakhir adalah berkenaan isu Lembaga Tabung Haji. Saya mengikuti dalam perbahasan Titah Diraja dua perkara. Pertama ialah *annual report* Tabung Haji yang tidak dibentangkan, tidak disiapkan dan itu ditohmah kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Kedua, suuk yang tidak ada jaminan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengikuti balik, *recall* balik, dengan izin, sewaktu terlibat dalam perjumpaan-perjumpaan Kabinet peringkat awal. Seingat saya, Laporan Kewangan Tabung Haji telah dibentangkan kepada Kabinet, telah pun dipersetujui. Menteri yang baharu sekarang pun telah meminta supaya ulasan baharu diberi daripada MOF, EPU dan ICU.

■1230

Laporan ini telah pun siap dicetak. Akan tetapi, gagal dikemukakan kerana sijil akuan Ketua Audit Negara hanya diterima hujung tahun lepas iaitu Mac yang pada ketika itu sidang Parlimen hampir berakhir. Sidang Mac kita cadang untuk bentang, tetapi berlaku peralihan kerajaan. Bulan Mei pula sidang satu hari. Kemudian, sampai sekarang tidak dibentangkan. Jadi, soalan sama ada laporan ini ada masalah dibentangkan atau tidak, harus dijawab oleh kerajaan yang ada sekarang kerana laporan itu telah pun siap. Ulasan baharu oleh MOF, EPU dan ICU juga, saya difahamkan tidak ada perubahan apa-apa.

Saya juga ingin berkongsi bahawa penemuan oleh Jabatan Audit Negara dan oleh *PricewaterhouseCoopers* menunjukkan bagaimana kedudukan kewangan Tabung Haji sudah pun bermasalah iaitu pada tahun 2014, tahun 2015, tahun 2016 dan tahun 2017. Tahun 2012 ada lebihan sejumlah RM1.8 bilion. Tahun 2013 ada lebihan RM2.45 bilion tetapi kedudukan kewangan Tabung Haji waktu tahun 2014 sudah ada defisit sebanyak RM352 juta, tahun 2015 defisit RM3 bilion, tahun 2016 defisit RM4 bilion, tahun 2018 pengurusan Lembaga Tabung Haji melaporkan untung, tetapi sebenarnya rugi.

Oleh sebab itu, Jabatan Audit Negara diarah tengok semula. Kabinet arah Yang Berhormat Parit Buntar lantik *PricewaterhouseCoopers* dan penemuannya mendapati pada ketika Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih, defisit Tabung Haji sudah pun membengkak sehingga sebanyak RM10 bilion.

Apa puncanya? Puncanya adalah kehilangan ataupun kerugian dalam pelaburan. Simpanan pendeposit tidak terganggu, tetapi pelaburan itu, beratus syarikat yang menyaksikan penurunan harga. Ini berlaku sebenarnya seawal tahun 2015. Kalau ada yang mengatakan bahawa penurunan itu berlaku sebenarnya pada ketika Pakatan Harapan memerintah saya tolak. Ini kerana, penemuan oleh Jabatan Audit Negara, Bank

Negara dan *PricewaterhouseCoopers* menyebut dengan jelas bahawa, “*Prestasi lemah pasaran ekuiti terutamanya pada tahun 2015*”.

Ini antara penyebab kepada kedudukan defisit berlaku. Isunya adalah apa kita buat? Caranya adalah dengan menyelamatkan Tabung Haji. Ini kerana, mengikut Akta Tabung Haji 1995, simpanan Tabung Haji dijamin kerajaan. Jadi, caranya adalah kita pindahkan kepada *special purpose vehicles* iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) dan dijamin kerajaan. Kenapa saya kata dijamin kerajaan? Ini kerana, ia tertera dalam laporan yang disebut sebagai Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2020, muka surat 59 dan muka surat 60 saya quote sumber Kementerian Kewangan.

“*Komitmen kerajaan bagi pemulihan Tabung Haji, Seksyen 5 Risiko Fiskal dan Liabiliti, Jadual 5.3 Komitmen Jaminan, Urus Harta Jemaah Sendirian Berhad RM20 bilion*” kerajaan jamin. Jadi kalau ada yang...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Sila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih. Komitmen Yang Berhormat, bukan jaminan. Komitmen Yang Berhormat sebut tadi itu tidak ada jaminan. Satu lagi perkara Yang Berhormat, untuk makluman dalam Laporan Kewangan Tabung Haji untuk tahun 2014, tahun 2015, tahun 2016 dan tahun 2017—maksud saya yang tahun 2016 itu keluar pada tahun 2017 ada tertera bahawa ia ada kerugian. Akan tetapi, bukan kerugian tak *realize* lagi.

Maknanya perkara itu tidak jual lagi, aset tersebut. Jadi, tidaklah boleh ditangkap muat kata kononnya waktu tahun 2017 dibayar gunakan duit *reserve* dan pendeposit. Sesungguhnya, saya berani menyatakan di sini sebagai bekas Penggerusi Tabung Haji yang lama, pada tahun 2017 pembayaran hibah atas hasil keuntungan bersih. Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya mohon berbeza pendapat Tuan Yang di-Pertua kerana ini fakta penting. Saya mohon tambahan satu dua minit. Saya hendak sebut. Rekod di tangan saya ini adalah rekod semakan Ketua Audit Negara, bukan Ahli Parlimen Baling. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

Rekod di hadapan saya adalah penemuan *PricewaterhouseCoopers*. Bukan Ahli Parlimen Baling. Rekod di hadapan saya ini Ahli Yang Berhormat adalah Taklimat Isu Lembaga Tabung Haji kepada Jemaah Menteri. Jadi, bagi masa untuk saya jelaskan sedikit.

Perkara yang saya hendak sebut— ini teguran Jabatan Audit Negara dengan jelas dan teguran Bank Negara. Kalau umpamanya tanggungan lebih berbanding dengan untung, Akta Tabung Haji 1995 kata tidak boleh bagi dividen. Baik, mari kita tengok. Keuntungan bersih tahun 2016 adalah sejumlah RM2.486 bilion. Ini keuntungan bersih. Hibah pendeposit adalah sebanyak RM2.8 bilion. Sedangkan, Akta Tabung Haji 1995 mengatakan, biar saya baca supaya saya boleh *recall* sahabat saya Yang Berhormat Baling apakah teguran-teguran yang menyebabkan kedudukan kewangan Tabung Haji tidak *sustainable*.

Ini sangat jelas. Selain daripada aset-aset sakit, antara puncanya adalah kerana pembayaran deposit bukan dari keuntungan. Ketika defisit Tabung Haji sedang berlaku, Tabung Haji terus memberikan hibah sedangkan Akta Tabung Haji 1995 kata hibah atau hadiah mesti daripada keuntungan. Akan tetapi, amalan memberi hibah ketika Tabung Haji sudah mula mengalami defisit tahun 2014, tahun 2015, tahun 2016, tahun 2017 menjadikan defisit terkumpul sebanyak RM10 bilion, tetapi Tabung Haji terus beri hibah.

Ini masalah yang menyebabkan kerajaan yang lepas terpaksa mengambil langkah menstrukturkan semula dan hasilnya macam Yang Berhormat Menteri Agama beritahu baru-baru ini sekarang akaun Tabung Haji sudah kembali sihat. Hibah boleh dikeluarkan. Jadi, kita cakap berdasarkan kepada fakta dan saya percaya perkara yang saya sebutkan ini merupakan dokumen yang telah dibentangkan pada Jemaah Menteri.

Saya hendak sebut laporan kewangan telah siap, telah diberi ulasan oleh MOF, EPU dan ICU dan tidak ada teguran. Ia mengesahkan bahawa kedudukan kewangan Tabung Haji bagi tahun-tahun yang saya sebutkan tadi itulah sah perkara yang benar dan tidak ada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu sebelum Yang Berhormat pergi jauh. Terima kasih. Saya suka bahas secara berhemah ini. Untuk makluman Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu hari itu Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu menyatakan bahawa ada teguran-teguran daripada Bank Negara yang Tabung Haji tidak ambil peduli dan tidak ambil maklum.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita pada tahun 2015 Bank Negara telah beri teguran khususnya kepada saya dan Yang Berhormat Menteri waktu itu dan kita telah reserve kan pada tahun itu juga sebanyak RM360 juta dalam keuntungan pada tahun tersebut. Kita di sini Yang Berhormat, ini surat yang saya ada daripada Bank Negara yang menyatakan— *Bank Negara telah menyatakan "...in relations to Lembaga Tabung Haji, the institution has proactively taken appropriate measures to further strengthen it*

risk management practices both on his own initiatives and it respond to early engagement with the bank. This will enforce a sustainable and healthy financial position of the institution going forward". [Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]

Maknanya Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sebutkan dalam perbahasan hari itu adalah kurang tepat. Kami telah— apa yang surat Bank Negara beri kepada kami, kami telah balas dan kami telah memperakui dan melakukan— Walaupun Tabung Haji bukan di bawah seliaan Bank Negara. Akan tetapi, ini surat daripada Bank Negara yang telah diberikan dan saya telah nyatakan. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

Untuk makluman Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu juga— betul Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sebut tadi ada defisit tetapi ia tidak *realize* lagi. Akan tetapi, keuntungan yang Yang Berhormat sebut, keuntungan dibayar daripada duit pendeposit malah *reserve* itu adalah tidak tepat sama sekali.

Akhir sekali macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Kalau kita hendak debat semua masing-masing— Yang Berhormat pun sama, saya sama, Yang Berhormat Parit Buntar pun sama. Niat kita untuk membangunkan Tabung Haji, bukan hendak menjahanamkan Tabung Haji. Niat kita tidak mahu membawa kancah dalam kancah politik walaupun kita berbeza pendapat. Biarlah RCI itu menentukan dan akhirnya semua rakyat tahu dari hasil Siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja itu tidak perlulah kita berbahas.

Kadang-kadang saya mungkin boleh kelirukan Dewan dan rakyat. Yang Berhormat pun serupa. Jadi, marilah kita ambil apa yang di jalan yang baik diambil oleh Yang Berhormat Menteri semalam kita tunggu Kerajaan Perikatan Nasional yang ada pada hari ini akan membuat RCI.

■1240

Sebenarnya Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, maaf Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Zaman Pakatan Harapan Yang Berhormat waktu jadi Menteri dalam manifesto Yang Berhormat hendak buat RCI untuk Tabung Haji, 22 bulan Yang Berhormat memerintah, persoalannya kenapa tidak dibuat RCI?

Jadi, *alhamdulillah* kerajaan di bawah Yang Berhormat Pagoh sekarang ini, *insya-Allah* saya yakin biarlah mereka merungkaikan siapa dan yang apa yang telah berlaku. Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih, dua perkara saya hendak sebut.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit Yang Berhormat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Surat Bank Negara pun ada pada saya, tarikhnya 23 Disember 2015. Teguran kepada Tabung Haji, betullah masa itu Yang Berhormat Baling pengurus. Amalan mengagihkan hibah dan bonus kepada pendeposit dengan jumlahnya...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, surat itu di addressed oleh Bank Negara kepada Yang Berhormat kah atau salinannya?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tidak, surat itu terlampir ketika taklimat diberi kepada Yang Berhormat Menteri dan kebetulan saya sebagai Menteri masa itu, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, okey.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Jadi saya kumpul baliklah nota lama. Amalan mengagihkan hibah dan bonus kepada pendeposit yang jumlahnya melebihi keuntungan semasa. *[Merujuk kepada senaskah dokumen]*.

Baik, Akta Tabung Haji 1995 menyatakan syarat pengagihan hibah di bawah seksyen 22(3)(a) di mana “*Tiada untung boleh agih boleh diisyiharkan dalam manapun tahun melainkan jika pada akhir tahun itu*:

- (a) *aset Kumpulan Wang tidak kurang daripada jumlah liabiliti, aman yang kena dibayar kepada pendeposit dikira di kira seolah-olah kena dibayar dengan serta merta;*”

Dalam kata lain jumlah aset mesti tidak kurang daripada jumlah tanggungan, mesti ada untung boleh agih. Yang Berhormat Baling tadi sebut, agihan hibah diambil duit pendeposit, itu lebih bahaya. Ini Tabung Haji bukan skim Pak Man Telo.

Seorang Ahli: Ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya mohon Yang Berhormat tarik baliklah.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Daripada pendeposit...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: No, no, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: You are a gentleman, I always have high respect to you. Tarik baliklah perkataan Pak Man Telo, jangan kelirukan Dewan, rakyat di luar sana, berdosa.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Baik.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita tidak ada Pak Man Telo dalam hal ini. Oleh sebab itu, *you can* berbahas. Saya *respect you* tapi jangan *go beyond* macam Pak Man Telo. Itu mengelirukan Dewan dan *netizen* di luar sana.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Baik, saya respons dulu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya minta, *you* boleh cakap – saya *respect you*. Saya pun ada fakta dan Yang Berhormat pun ada fakta. *We go on facts. So, please, thank you.*

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Okey, baik. Apa yang saya hendak sebut adalah sebelum Yang Berhormat Baling menjadi Pengurus akaun Tabung Haji sihat, 2012-2013. *[Dewan riuh]* Deposit Tabung Haji mula merosot secara kebetulan setelah Yang Berhormat Baling mengambil alih. Itu sahaja. Itu fakta.

Seorang Ahli: Kebetulan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Kebetulan, saya tidak kata. Baik, saya kata dalam Akta Tabung Haji, hibah hanya boleh diberi kalau ada keuntungan perniagaan. Berniaga dalam pasaran saham, berniaga dalam sektor hartanah, berniaga dalam sektor perladangan, ada untung bayar subsidi Tabung Haji. Itu kita sokong. Ada untung bagi hibah kepada pendeposit, itu kita sokong.

Akan tetapi, kalau perniagaan itu rugi dan laporan audit mengatakan rugi, Akta Tabung Haji kata kalau rugi tidak boleh bayar.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Laporan audit mana? PwC kah?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: PwC...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu tidak pakai, akta...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ketua Audit Negara...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akta badan berkanun, untuk makluman Yang Berhormat yang saya hormati, Tabung Haji mesti di bawah Jabatan Audit Negara *sir*, bukan di bawah PwC ataupun Ernst & Young dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Tabung Haji, pengurusan di bawah – Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, mengeluarkan RM10

juta duit pendeposit bayar kepada semua audit-audit yang di luar itu. Kita ada Jabatan Audit Negara, tidak perlu keluarkan duit.

Untuk makluman Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu juga, kalaularah Yang Berhormat kerajaan yang cekap, adil, saya hendak bagi tahu kenapa tidak buat konsep *tabayyun*? Kenapa tidak panggil semua pengurusan tertinggi bincang? Mereka ini tidak pernah curi duit. Perniagaan ada jatuh, ada bangun. Tapi Yang Berhormat, kerajaan dahulu tidak buat. Mereka datang ke pejabat setelah Yang Berhormat jadi kerajaan, halau mereka keluar pakai polis, sampai hari ini sudah 620 hari tidak dibela, tidak dipanggil, tidak ditanya, ini CFO yang jadi akauntan, yang telah bekerja selama 18 tahun, 17 tahun, 16 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan Tuan Yang di-Pertua mereka digantung kerja sampai hari ini *sir* tanpa pembelaan...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Baik, saya ingat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tanpa *tabayyun*. Ini one-way street *sir*...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Baling, sabar...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: One-way, soalan mereka jawab sendiri...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pemberian suara]*

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Baik...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Patut ada konsep *tabayyun*. Panggil mereka, barulah kita dapat perkara yang benar sebab kita sayang Tabung Haji...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Okey, Yang Berhormat Baling, saya ingat macam ini...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Kita hendak bina Tabung Haji dan

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Sabar, baik...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukan hendak meruntuhkan institusi agama Islam yang mulia di sisi Allah. *Please.*

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Baik, saya ingat Yang Berhormat Baling sekejap lagi Yang Berhormat Baling ambil bahagian bahas. Saya akan bagi celahan pula. Sekarang saya hendak lengkapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya lengkapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong ringkaskan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya hendak gulung. Saya kekal dengan fakta yang saya nyatakan, okey. Tabung Haji ada...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita tunggu RCI. Tuan Yang di-Pertua, *I think we wait for RCI. I think* perkara ini mengelirukan Dewan dan rakyat di sana – kesian dekat rakyat yang kejap lagi akan bagi masuk *all kind of Facebook*, berdosa mereka. *I think you should stop* lah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Nanti boleh dijawab.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sebab itu Menteri tidak bagi laluan langsung semalam.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah taklimat isu Lembaga Tabung Haji kepada Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ringkaskan Yang Berhormat sebab sudah 20 minit.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ini adalah taklimat isu Lembaga Tabung Haji kepada Jemaah Menteri zaman Pakatan Harapan dan zaman Perikatan Nasional. Di dalam taklimat ini menyatakan dengan terang, defisit Tabung Haji ketika 2014, 2015, 2016, 2017 benar-benar berlaku. Defisit ini bernilai RM10 bilion.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Unrealized losses* dengan izin.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Itu hujah. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Unrealized losses.* Bukan kita hendak jual hari ini. Kalau jual hari ini mesti ada rugi.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Dalam taklimat ini juga...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Perkara ini tidak perlu dipertikaikan kerana *unrealized losses*.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Perlu ringkaskan Yang Berhormat, perlu tamatkan Yang Berhormat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Boleh. Saya dalam soal *unrealized* atau tidak, saya lebih percaya kredibiliti Jabatan Audit, Pricewaterhouse berbanding sahabat saya...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Fakta tidak akan membohong. Fakta tidak akan membohong.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Kenapa mesti perlu terlalu *defensive*? Saya dengar dengan tenang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya, *you have your fact, we have our fact, okay*. Akan tetapi, saya tidak kesah...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tidak payah *defensive*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu tadi kata sejak saya pegang Tabung Haji rugi *but it's okay*.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Saya sudah habis. Saya ucapkan terima kasih. Saya pertahankan fakta saya. Saya hormati sahabat saya. Tidak perlu terlalu *defensive*. Biar fakta berbicara.

Tuan Yang di-Pertua: *Microphone*, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Zaman Pakatan Harapanlah keluar 500,000 orang dengan RM5 bilion dikeluarkan kerana Pakatan Harapan ambil alih sahaja terus kata tenat, kanser, yang jatuhkan Tabung Haji, Pakatan Harapan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Baling, minta RCI cepat sikit. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin jemput pembahas seterusnya, Yang Berhormat Pontian. Terima kasih, Yang Berhormat. 15 minit Yang Berhormat Pontian kalau boleh.

12.47 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian mengenai perbahasan rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini iaitu mengenai perbelanjaan tambahan bagi tahun 2019.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, tolong. Tolong diam sikit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah dibelanjakan pun. Perkara RM7.005 bilion ini telah dibelanjakan oleh kerajaan terdahulu. Yang saya ingin tanya soalan pertama ialah, RM7.005 bilion ini ada dalam rang undang-undang kertas biru yang ada diedar kepada kita tetapi kita tadi dimaklum oleh Timbalan Menteri itu adalah belanja mengurus tambahan.

Yang saya hendak tanya mana dia dalam kertas hijau ini ialah belanja pembangunan tambahan RM4.970 bilion? Tidak ada dalam kertas ini Tuan Yang di-Pertua, yang ada cuma RM7.005 bilion belanja mengurus tambahan. Belanja pembangunan tambahan kalau hendak kita lihat daripada kertas biru ini tidak ada. Itu soalan saya yang pertamalah, kenapa tidak ada dalam kertas biru ini?

Kedua, yang saya ingin tanyakan ialah apakah prosedur untuk membuat bajet tambahan? Kita sudah ada bajet tahunan dan ini bajet tambahan. Kalau perkara yang tertentu misalnya saya ambil contoh Maksud B.4, ini bajet tambahan yang kita boleh anggap sesuai iaitu Suruhanjaya Pilihan raya untuk membiayai Pilihan Raya Kecil Cameron Highlands, Semenyih, Rantau, Sandakan, Tanjung Piai, RM2.7 juta.

Yang itu tidak apa Tuan Yang di-Pertua, bajet tambahan sebab ketika pembentangan bajet pada 2018, bulan Oktober atau bila pada ketika itu, untuk Bajet 2019, mana Menteri Kewangan tahu siapa wakil rakyat akan meninggal dunia dan sebagainya.

■1250

Jadi, itu pada saya prinsipnya boleh ada bajet tambahan. Akan tetapi kalau ada perkara-perkara yang sebagai contoh, tambahan-tambahan yang tidak perlu. Misalnya, RM25 juta untuk menampung perbelanjaan kos operasi Lembaga Peperiksaan Malaysia. Tidakkan mereka tidak boleh hendak menganggarkan itu terlebih dahulu untuk bajet yang sebenar? Perkara-perkara seperti RM25 juta ini tidak sesuai diadakan bajet tambahan.

Contoh, satu lagi yang tidak sesuai pada saya iaitu menampung emolumen ataupun gaji SIRIM Berhad, MIMOS Berhad, jumlah RM9 juta dan juga keperluan emolumen MATRADE RM10 juta, emolumen MIDA RM30 juta. Ini semua adalah

perkara-perkara yang tidak perlu bajet tambahan sebab ia sepatutnya telah difikirkan oleh Menteri MITI, Menteri Kerajaan PH sebelum itu. Kenapa dia tidak fikirkan tentang gaji SIRIM Berhad, MIMOS Berhad?

SIRIM Berhad, MIMOS Berhad ini sudah lama wujud. Bukan pada tahun 2019 baru wujud. Jadi, dari segi prinsip bajet tambahan apa yang berlaku— contoh lagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, untuk membayar SWCorp. RM24.9 juta. Itu juga sepatutnya tidak masuk dalam bajet tambahan. Ia bukanlah satu perkara luar jangka. Kalau contoh perkara luar jangka ialah perolehan darurat pemberaan cerun Bukit Nanas. Itu Tuan Yang di-Pertua, itu boleh sebab kita tidak tahu tiba-tiba cerun Bukit Nanas itu runtuh, maka perlulah ada bajet tambahan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini prinsip yang saya ingin nyatakan di sini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...alah kelihatan pelanggaran-pelanggaran prosedur bajet tambahan berlaku untuk kita luluskan pada petang ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak ulang balik yang tadi. Yang Berhormat menyebut bahawa tidak ada perancangan untuk wakil rakyat mati, itu betul. Akan tetapi apakah boleh mereka masukkan juga wakil rakyat yang berhenti untuk memberi peluang kepada wakil rakyat-wakil rakyat lain bertanding? Contohnya, apa yang berlaku di Permatang Pauh, apa yang berlaku di Kajang dan juga Port Dickson. Ini kita dapati bukan mati, ini meletakkan jawatan untuk bagi peluang. Apakah ini adalah satu pembaziran yang luar biasa? Apakah ini SPR kena rancang juga kalau-kalau ada orang berhenti untuk bagi laluan? Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Melihat kepada cadangan Yang Berhormat Arau itu, saya kira SPR juga kena membuat perkiraan untuk masa depan. Mereka sepatutnya menganggarkan secara purata berapakah Ahli Parlimen yang sengaja meletakkan jawatan, selepas itu minta orang lain untuk bertanding di Parlimen itu. Ia kena buat jangkaan berapa kali perkara itu berlaku dan boleh dijangkakan berapa kali pilihan raya-pilihan raya kecil Parlimen, ia boleh melihat

trend kematian Ahli-ahli Parlimen dan trend kematian ADUN-ADUN, purata setahun berapa. Jadi, tidak perlulah untuk setiap kali mengadakan bajet tambahan mengenai PRK. Itu pun kita boleh anggarkan, inikan pula kalau sengaja untuk menambah bajet tambahan yang tidak perlu. Pada saya, ia adalah menunjukkan bahawa kerajaan yang lepas tidak cekap.

Contoh Kementerian Pendidikan, ia kata di sini, RM261 juta menampung keperluan emolumen hospital pengajar badan berkanun persekutuan universiti awam. Itu semua sudah ada, sepatutnya tidak perlu bajet tambahan. RM361 juta untuk menampung bayaran kontrak bantuan makanan asrama. Itu juga memang sudah ada sebelum-sebelum itu juga, kenapa perlu masuk dalam bajet tambahan?

Kemudian kita lihat bajet tambahan juga diminta untuk RM1.3 bilion peruntukan tambahan untuk membayai bayaran pampasan dan premium tanah Projek Landasan Kereta Api Berkembar Gemas – Johor Bahru. Ini juga menunjukkan...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Ketidakcekapan kementerian...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pontian, boleh mencelih Yang Berhormat Pontian?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Ketidakcekapan Kementerian Pengangkutan dari segi bajet tambahan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pontian hendak bagi laluan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini prinsip-prinsip pertama yang saya hendak nyatakan di sini, ada yang perlu bajet tambahan, ada yang tidak perlu bajet tambahan. Jangan disengajakan untuk mengadakan bajet tambahan. Ya, silakan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ini *supplementary budget* atau bajet tambahan ini ialah bajet yang hampir setiap tahun dilakukan ataupun diadakan disebabkan oleh perkara-perkara luar jangka. Kadang-kadang ada di kalangan hospital ataupun kementerian mendapat tambahan-tambahan staf, contohnya. Ada staf yang dapat naik pangkat, berbagai-bagai.

Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Pontian, adakah di peringkat ini Yang Berhormat Pontian harus menjurus ataupun suka menjurus kepada peringkat *stage* dan jawatankuasa ataupun melihat secara besar supaya isu-isu yang lebih besar itu dapat kita bincang di sini? Apakah pendapat? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Daripada segi peringkat dasar ini, saya memberikan satu pandangan secara umum SOP yang sepatutnya dibuat bagi mengadakan bajet tambahan. Jangan sengaja-sengaja mengadakan bajet tambahan kalau perkara itu ada dalam perancangan yang tetap, ia tidak wajar dijadikan bahan untuk bajet tambahan itu. Itu maksud saya dan saya memberikan contoh-contoh tadi.

Seterusnya, saya ingin bertanya, apakah had ataupun siling untuk bajet tambahan setiap tahun? Ini minta RM7 bilion. Pembangunan, RM4.9 bilion. Adakah siling yang tertentu? Kalau tidak ada siling, kita perlu disiplinkan kementerian-kementerian ini dengan meletakkan siling yang tertentu. Setiap tahun bajet tambahan boleh tetapi tidak boleh lebih daripada RM5 bilion, contoh. Oleh sebab itu, apabila kita meletakkan siling yang tertentu, maka kementerian-kementerian akan berdisiplin dari segi perbelanjaan dan mereka akan lebih cekap dalam melaksanakan perbelanjaan-perbelanjaan mereka.

Kemudian satu lagi perkara yang ketiga yang saya hendak tanya ialah berapa kali dibolehkan bajet tambahan? Ini disebut ialah kali pertama, Akta Perbekalan Tambahan Pertama, adakah ada lagi satu selepas ini? Jadi, satu lagi perkara yang saya kira perlu dimuktamadkan di dalam Dewan ini ialah setiap tahun, bajet tambahan hanya perlu sekali atau hanya perlu dua kali dan tidak boleh lebih daripada itu, contohnya. Kecualilah jika ada serangan-serangan wabak seperti COVID-19 dan sebagainya, maka dibolehkan bajet tambahan yang lebih daripada sekali.

Satu lagi ialah perkara yang keempat yang saya ingin tanya ialah jika petang ini, entah macam mana kita membuat keputusan, tiba-tiba ramai di sebelah sana, di sebelah sini tidak ramai, ditolak bajet tambahan ini, apa jadi Tuan Yang di-Pertua? Katalah mereka ramai pada petang ini dan berdirilah 15 orang untuk mengundi di peringkat dasar, tidak lulus RM7 bilion ini, apa jadi? Apakah perkara itu mendatangkan kesan kepada kerajaan yang ada, walhal perkara itu dibuat oleh kerajaan yang lepas?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pontian, sedikit Yang Berhormat Pontian. Kangar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, sila.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya setuju dalam usaha kita untuk membendung fiskal, kita kena mungkin kena memikirkan satu proses supaya kita dapat mengehadkan, jadi kerajaan tidak berbelanja sesuka hati. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Pontian, setuju atau tidak

supaya kita juga mengehadkan jumlah bilangan Kabinet supaya kita tidak menjadikan jawatan ini sebagai satu tawaran, sekali gus menyempitkan fiskal negara.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Setiap jawatan mesti ditawarkan. Kalau jawatan tidak ditawarkan, bagaimana jawatan itu boleh ada penerimanya? Jawatan itu...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Maksud saya, hadkan jumlah Kabinet.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jawatan yang ditawarkan ini, pihak dahulu pun menawarkan jawatan juga. Mengenai had Kabinet, itu biar Menteri yang berkaitan untuk menjawab. Cuba kita kira betul-betul jumlahnya dan kita hendak tengok. Ini dalam bajet tambahan yang satu lagi iaitu penguntukan semula. Masa itu bolehlah ditanyakan perkara itu, perbandingan antara kementerian-kementerian dahulu dengan kementerian-kementerian sekarang.

Perkara yang akhir yang saya ingin sebut di sini ialah sumber-sumber pendapatan. Pada tahun 2018, 2019, 2020, hasil cukai tahun 2018 sebanyak RM174 bilion, tahun 2019 sebanyak RM180 bilion, tahun 2020 sebanyak RM189 bilion. Hasil bukan cukai RM58.8 bilion pada tahun 2018, RM83.29 bilion pada tahun 2019 dan RM54.5 bilion pada tahun 2020. Melonjak RM58 bilion kepada RM83 bilion hasil bukan cukai pada tahun 2018 dibandingkan tahun 2019 kerana terdapat satu perbelanjaan *one-off* PETRONAS sebanyak RM30 bilion. Maka, melonjaklah pendapatan pada tahun 2019 itu daripada RM58 bilion kepada RM83 bilion.

Jadi, satu lagi perkara yang saya ingin tanyakan kepada Kementerian Kewangan. Perbelanjaan-perbelanjaan *one-off* yang begitu banyak daripada satu agensi berjumlah RM30 bilion ini, kemungkinan besar membebankan agensi itu. Saya harap ia tidak lagi dilakukan perkara seumpama itu, mencari jalan mudah dan kita memerah hasil daripada PETRONAS, maka sepatutnya hasil itu boleh digunakan untuk tujuan lain tetapi digunakan untuk tujuan-tujuan yang disebutkan.

Satu lagi saya lihat SST ini, kutipan tahun 2018 sebanyak RM25.6 bilion, tahun 2019 sebanyak RM26.8 bilion dan tahun 2020 sebanyak RM28.3 bilion. Kita tahu bahawa ada satu jawatankuasa yang ditubuhkan pada tahun 2018. Jawatankuasa itu dinamakan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai, ditubuhkan pada September 2018 dan ahli-ahlinya Tan Sri Hasmah Abdullah - bekas KP LHDN, Datuk Khadijah Abdullah - bekas Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan dan satu lagi, Datuk Chua Tia Guan, Dr Veerinderjeet Singh dan juga Encik Amardeep Singh.

Saya ingin tahu, apakah keputusan daripada Jawatankuasa Pembaharuan Cukai ini? Apakah cadangan-cadangan mereka? Mereka ditugaskan untuk merasionalisasikan

insentif cukai, mengurangkan ketirisan cukai, meningkatkan pematuhan cukai, pengauditan yang berkesan. Apa lagi yang diperoleh daripada jawatankuasa itu? Adakah di antaranya supaya kita mengadakan sistem percukaian yang lebih cekap yang telah dilakukan di seluruh dunia, VAT misalnya? Kalau kita rasa tidak suka perkataan GST, boleh dipanggil VAT. Kalau kita tidak suka enam peratus, boleh dikenakan tiga peratus untuk memastikan tidak ada ketirisan dan juga kecekapan lebih berkesan untuk kutipan-kutipan cukai ini. Saya tahu bahawa defisit kita sekarang ini 5.8 ke enam peratus. Defisit dengan RM7 bilion belanja ini ialah 3.4 peratus. Saya ingin tahu kaedah-kaedah untuk kita memastikan defisit ini dapat kita kawal dan tidak akan membengkak dan merosakkan ekonomi kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pun melebihi pukul satu.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, hendak booking awal-awal, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Hendak booking awal-awal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, selepas ini 2.30 ya. Jadi, saya berhentikan Mesyuarat ini dan akan disambung disambung semula 2.30 petang dengan Yang Berhormat yang telah booking awal-awal itu. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) mempergerusikan Mesyuarat]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang ini saya jemput pembahas seterusnya Yang Berhormat Parit Buntar. Selama 15 minit.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bekalan Tambahan untuk sama-sama kita melihat isu-isu yang mungkin menjadi kepentingan kita bersama.

Saya mulakan dengan ayat Al-Quran, *Bismillahir Rahmanir Rahim* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Surah Al-Ahzab, ayat 70 dan 71. "Wahai orang-orang yang

beriman, bertakwalah kepada Allah dan berkatalah dengan kata-kata yang tepat dan benar. Dengan itu dia akan memperbaiki ke atas kamu segala amalan kamu lalu Dia mengampuni dosa kamu dan barang siapa mentaati Allah dan Rasulnya, maka dia telah memperoleh kejayaan yang besar.”

Saya akan terus masuk kepada isu yang ada kepentingan bagi pihak Kementerian Kewangan, khususnya dalam Bekalan Tambahan ini iaitu isu yang berkaitan dengan Tabung Haji lagi. Nampaknya isu Tabung Haji ini, seperti yang disebut oleh Menteri kelmarin punya satu kepentingan yang besar. Saya ingin jelaskan di sini kepada Tuan Yang di-Pertua dan seluruh Dewan bahawa isu Tabung Haji ini tidak hanya melibatkan kementerian ataupun Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri semata-mata.

Pada masa pemulihan dibuat, ia telah melibatkan dua lagi kementerian besar iaitu Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada masa itu. Ini tidak termasuk Bank Negara yang juga memainkan peranan dalam memberikan pandangan untuk memastikan proses pemulihan Tabung Haji itu berjalan dengan lancar.

Oleh sebab itulah saya berdiri untuk bertanya, mendapat penjelasan kepada Kementerian Kewangan tentang komitmen kerajaan hari ini terhadap proses pemulihan yang mana Kementerian Kewangan memainkan peranan yang cukup besar dalam menjayakan proses pemulihan Tabung Haji ini.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk mengajak para Ahli Dewan sekalian untuk memahami kenapa Kementerian Kewangan berada di dalam cerita Tabung Haji ini dan saya ulangi bahawa jikalau kita gagal memahami proses awal, kita tidak akan memahami proses di hujungnya dan implikasinya.

Pertama, ketika kita melihat suasana, keadaan Tabung Haji, ada empat opsyen yang diberi kepada kita, satu ialah suntikan terus dari kerajaan. Opsyen ini tidak relevan kerana ia akan membebankan hutang negara. Kedua, kita aktifkan seksyen 24 Tabung Haji tetapi akhirnya Tabung Haji akan membayar balik kepada kerajaan dan Tabung Haji ketika itu sedang tenat. Ketiga, kita membuat apa yang dinamakan sebagai aset yang tertangguh supaya tidak terlihat di dalam akaun kita dan kita bahagikan pada tahun-tahun yang hadapan dan yang keempat Tuan Yang di-Pertua ialah kita menggunakan kaedah syarikat bertujuan khas di mana aset-aset sakit di dalam Tabung Haji kita pindahkan dan dengan pindahan itu, kerajaan ada komitmen untuk menilai dengan harga *prime*, nilai yang dipindahkan secara *market value* ialah RM9.7 bilion iaitu sebanyak 100 lebih ekuiti 29 hartanah dan satu syarikat perladangan yang tidak tersenarai.

Akan tetapi kerajaan oleh sebab hendak menyelamatkan Tabung Haji dalam masalah defisit yang semakin besar ketika itu, kita telah menilai harga pindahan itu kepada RM19.9 bilion. Dengan itu syarikat yang bertujuan khas ini iaitu Urus Harta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) berada di bawah Kementerian Kewangan (Diperbadankan) dan dia ada obligasi untuk membayar balik segala tanggungan dia, hutang-hutang dia kepada kerajaan dan Tabung Haji mendapat terbitan sukuk yang bernilai RM19.9 bilion.

Di sinilah peranan Kementerian Kewangan yang saya ingin bangkitkan, ia bukan soal Tabung Haji sahaja tetapi komitmen yang kita maksudkan itu. Kenapa kita lakukan pemulihian ini? Pertama ialah kerana menurut Jabatan Akauntan Negara sendiri, kenyataan bahawa berlaku defisit sebanyak RM4.1 bilion itu bukan rekaan daripada Tabung Haji ataupun saya selaku Menteri yang bertanggungjawab ketika itu. Akan tetapi ia adalah daripada Jabatan Audit Negara sendiri. Di mana pada waktu itu jika diizinkan untuk saya sebut di sini, tanggungan ataupun liabiliti yang ada pada Tabung Haji pada waktu itu adalah sebanyak RM74.4 bilion. Manakala aset ialah RM70.3 bilion yang menyebabkan defisit RM4.1 bilion.

Kenapakah perkara ini sangat penting untuk kita tonjolkan? Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, tanpa aset ini diperbaiki, kedudukan dia yang sepatutnya melebihi daripada tanggungan, hibah tidak dapat dikeluarkan. Apabila hibah tidak dapat dikeluarkan, ini akan menjelaskan para pendeposit di mana kemungkinan besar juga yang menjadi kebimbangan kami pada waktu itu ialah akan berlaku panik ataupun *bank run* dan waktu itu kecairan untuk membayar balik para pendeposit yang lari daripada Tabung Haji akan menjadi satu *systemic problem* kepada pasaran kewangan, pasaran saham dan juga pasaran hartanah.

■1440

Inilah yang dimaksudkan oleh Bank Negara menegur Tabung Haji. Ia menegur mungkin ketika itu Pengurus Tabung Haji telah membalas surat terima kasih kerana mengambil berat dengan menyatakan dia akan cuba untuk mengikuti piawaian. Akan tetapi jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, bahawa Tabung Haji walaupun tidak di bawah kawal seliaan Bank Negara, Tabung Haji punya kepentingan di dalam sektor perbankan seperti Bank Islam, punya kepentingan dalam sektor takaful seperti Takaful Malaysia Berhad.

Oleh kerana itulah supaya tidak berlaku kesan di pasaran, maka diberi ingatan kepada Tabung Haji pada waktu itu untuk mengambil langkah-langkah agar tidak berulang ataupun agar yang disebut tiga perkara, iaitu isu untung yang *diaccumulated*

untung itu akan semakin merosot dan yang kedua ialah waktu itu, nilai tanggungan dan aset itu jadi aset 80 sen...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Berbanding dengan nilai tanggungan RM1. Kebimbangan inilah yang akan menjadi satu masalah kepada pasaran dan kerana itulah kami mengambil langkah yang drastik berpandukan kepada apa yang telah disebut oleh Jabatan Akauntan Negara yang berakhir pada tahun 2017.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya lihat Yang Berhormat Baling bangun. Yang Berhormat Baling kena simpan poin sedikit. Nanti kita hendak debat pada 14 hari bulan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak apa, tidak apa. Itu di sana, ini di sini.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Silakan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kita ada banyak forum. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kali ini saya akan beri ruang tetapi jangan ambil masa saya. Itu sahaja. Saya tinggal lima minit sahaja.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak apa. Kita akan minta Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana tambah masa. Yang Berhormat, terima kasihlah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar ini saya teliti. Kebanyakan yang dimaklumkan, dia tidak habis, tidak ada titik noktah. Dia dengan izin, *hanging*. Contohnya, saya telah menulis surat kepada Yang Berbahagia Tan Sri Zeti Akhtar Aziz pada 18 Januari 2016. Ini surat saya [*Sambil menunjukkan sekeping surat*].

Akan tetapi Yang Berhormat, sedar atau tidak sedar, saya sudah berulang kali menyatakan kepada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan sebagainya, pada 26 Januari, Bank Negara telah balas surat saya, menyatakan bahawa Tabung Haji sudah mula *prudent* dan saya boleh bacakan sekali lagi kalau tidak faham tadi saya kata. “*In relations...*”

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Saya rasa...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Satu, keduanya...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Your point has been raised* masa Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu berucap tadi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sekejap, sekejap, sekejap. Bagilah saya peluang. Keduanya Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua sebab poin dia adalah poin yang...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Parit Buntar menyatakan bahawa kami tidak membuat laporan kewangan, kami mengatakan— dalam di sini...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rompin.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Reserve-reserve lain yang tidak *realize* RM4.560 bilion.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kerugian kami telah menyatakan. Saya hendak beri contoh kepada Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hari ini, COVID-19, TNB, Telekom, Maybank, semua saham jatuh.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah *floor* saya. Saya ada empat minit sahaja lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya diberikan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jadi, adakah waktu Tabung Haji hendak bankrap. Ini sama masanya tetapi maksud saya tadi, boleh bahas jangan kelirukan Dewan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak apa, tidak apa. Ini saya tambah. Sekejap, sekejap.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akan tetapi yang penting, kami tidak jual. Saya hendak beritahu berkaitan dengan Tamaco, berkaitan dengan perladangan. Perladangan itu dijual dengan Cina.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah menyentuh dalam ucapan saya mana-mana individu. Saya menyatakan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Padahal hutang kepada ayah, iaitu Tabung Haji. Tabung Haji tidak pernah minta duit daripada Tabung Haji Plantations. Kami beri pinjam, tidak apa.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tidak menuduh...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Floor siapa ini?*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tiap-tiap tahun bayar dividen rendah tetapi mereka mengelirukan Dewan termasuklah Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu tadi...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini adalah tidak. Tuan Yang di-Pertua, boleh minta Yang Berhormat Baling duduk atau tidak? Sebab... *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Baling. Silakan Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya ada masa tiga minit sahaja. Tidak adil saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Rompin berdiri. Boleh?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sedikit sahaja.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya beri tetapi tolong ringkas selepas itu saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Dia minta pendek Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Okey, apabila Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, dia memecat, dia menghabiskan kontrak CEO, menggantung pekerja-pekerja pengurusan. Adil atau tidak sekarang ini kerajaan ini ambil alih kerajaan, saya minta CEO itu diberikan cuti selama beberapa bulan supaya satu kajian yang lebih teliti, adil, dapat dilakukan demi untuk keadilan semuanya.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey Tuan Yang di-Pertua, itu soalan bila perlu dijawab oleh Menteri, bukan saya.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, saya rasa itu yang adilnya.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Baik, saya ingin menjelaskan kepada...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ini kerana saya tengok Yang Berhormat Menteri, saya minta dua kali *briefing* daripada Tabung Haji semasa kami pembangkang, dia tidak layan pun. Saya minta, Ahli-ahli Yang Berhormat minta.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih, terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Rompin. Saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat Baling tentang apa yang disebut sebagai respons kepada Bank Negara. Saya ingin menjelaskan apa yang kami sebut di sini adalah berlandaskan kepada teguran Audit 2017. Tadi dia sebut, dia jawab tahun 2016. Bank Negara hantar Disember 2015. Makna dia mengambil masa untuk menjawab.

Akan tetapi akhirnya yang menjadi kita punya *benchmark* Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi kita punya asas untuk membuat pemulihan bukan surat Bank Negara itu. Akan tetapi apa yang kita jadikan asas adalah Laporan Audit 2017. Itu dua benda yang berbeza. Dia respons terima kasih, *alhamdulillah* Yang Berhormat Baling tetapi yang kita jadikan ukuran untuk kita jadikan sebagai satu proses pemulihan itu ialah berpandukan kepada teguran Audit tahun 2017, yang menyebut dua perkara besar yang berkaitan dengan soal perakaunan yang tidak bertanggungjawab.

Pertama ialah polisi yang dinamakan sebagai rosot nilai yang tidak konsisten. Ini yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Baling yang menyatakan *unrealizable asset*. Dia *dok* sebut, kita kira *unrealizable asset*. Masalahnya, *unrealizable asset* ini...

Seorang Ahli: *Unrealizable losses.*

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Unrealizable losses* ini perlu dibuat satu polisi nilai rosot yang ditentukan oleh *Malaysian Financial Reporting Standards*, bukan dibuat tukar-tukar daripada 70 peratus, naik 80 peratus, kemudian naik 90 peratus yang bercanggah dengan standard *Malaysian Reporting*.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Parit Buntar.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini yang dimaksudkan oleh Laporan Audit Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baik, baik. Yang Berhormat Parit Buntar, ini berkaitan dengan Laporan Audit.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi apa yang disebut oleh – kejap-kejap saya sedang bercakap Yang Berhormat Baling, tidak boleh macam ini Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, tidak, saya minta.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sabarlah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, terima kasih. Saya tunggu. Okey terima kasih. Saya tunggu, saya tunggu.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya bercakap untuk memberikan penjelasan kepada Dewan dan bertanya kepada Menteri.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tanjung Karang, Tanjung Karang.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kenapa Yang Berhormat Baling terlalu defensif di dalam hal ini? Saya tidak sebut pun nama Yang Berhormat Baling. Saya tidak sebut pun nama dia.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukan. Saya ada dokumen. Ini Laporan Audit 2016, ini Laporan Audit. *[Sambil menunjukkan salinan Laporan Audit]*. Terang-terang menyatakan tidak ada kesalahan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Baling tanya Menteri lah nanti.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak payahlah ganggu saya sehingga apa mesej yang saya hendak sampaikan tidak dapat didengar oleh Menteri dan juga Dewan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Betullah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat berbahas, saya dengar, Yang Berhormat beri saya peluang, saya tunggu.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi, saya minta jangan mengganggu saya. Tadi Yang Berhormat Baling ada sebut...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jemulah dengan Tabung Haji... *[Sistem pembesar suara dimatikan]* Saya ingat saya hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua, bab Tabung Haji ini, kita sudah jemu dengar dah.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, siapa beri dia peluang berucap Tuan Yang di-Pertua?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak cadangkan, kita tubuh sahaja laksana suruhanjaya Tuan Yang di-Pertua dan fikir yang lebih adil.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak boleh.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini Tabung Haji...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sekarang ini kita di dalam perbahasan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dulu sudah tarik hutang.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini kita bincang Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang, sekarang kita berbincang. Duduk dahulu. Saya bercakap.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Duduk, duduk dahulu. Sekarang ini adalah kita berbincang tentang komitmen kerajaan. Adakah dia akan meneruskan sebab ini melibatkan Kementerian Kewangan. Saya menjelaskan, bagaimana Kementerian Kewangan terlibat dalam isu ini dan tadi ketika kita menyatakan bahawa Kementerian Kewangan telah memberikan komitmen, jaminan dan saya ada surat ini. Saya ada surat ini bertarikh 27 Mei 2019 yang menyatakan surat sokongan kewangan bagi Urusharta Jamaah Sdn. Bhd., syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Tadi disebut Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Paid-up RM1, paid-up RM1. Harta sudah tukar... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Meniaga undang-undang meniaga macam itu... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini tidak dijamin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Parit Buntar...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: RM100 juta sahaja bayar, RM19 bilion itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Parit Buntar, kalau – sekejap Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Parit Buntar, kalau Yang Berhormat Parit Buntar masih pergi kepada elemen-elemen yang mendalam walaupun *this is* Yang Berhormat punya lantai, *this is your floor*, Yang Berhormat akan mengundang respons dan provokasi daripada Ahli-ahli yang mana disebutkan nama.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, *I beg to differ with you. I have not mentioned any names. I have not mentioned any names.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mention Pengerusi Tabung Haji.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...*[Sistem pembesar suara dimatikan]* Yang Berhormat, Yang Berhormat, di bawah 36 – betul Yang Berhormat, dalam peraturan bahawa bila Yang Berhormat menyebut tentang benda spesifik, walaupun di lantai Yang Berhormat, respons akan dinyatakan ataupun diajak untuk klarifikasi.

Memang kita bersetuju bahawa Yang Berhormat Menteri akan menggulung dan Yang Berhormat Menteri akan menjawab bagi pihak kerajaan. Itu kita setuju tetapi kalau kita pergi kepada isu yang sama, kita akan membuka kepada lebih banyak tahap-tahap provokasi. Jadi kalau Yang Berhormat rasa hendak pergi kepada poin kedua, mungkin dalam masa yang tinggal untuk Yang Berhormat, kita boleh respons kepada poin kedua.

■1450

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *I beg to differ* sebab keseluruhan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. *I beg to differ. I'm sorry.* Saya punya ucapan semua ada kaitan dengan semua perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kalau macam itu Yang Berhormat kita akan mempunyai banyak respons daripada...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bermakna contohnya... Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Tabung Haji 2014, 2015 dan 2016 bagi laporan kewangan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pakatan Harapan tidak bagi satu pun sampai hari ini. *How can he debate with me?*

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua. Poin saya... Inilah yang...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini kerana dia tidak ada fakta. Kami ada laporan kewangan yang telah dibentangkan dalam Parlimen.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua. Ini sudah dua kali ganggu saya, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jadi, itu persoalan saya dengan Yang Berhormat Parit Buntar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Itu...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan bahawa...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janganlah bising, saya ada surat. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini floor Yang Berhormat Parit Buntar. Bagi Yang Berhormat Parit Buntar jalan.

[Dewan riuh]

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Habis... *[Tidak jelas]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya ada surat kelulusan daripada Audit Negara. Tahun 2015 dan 2016, saya ada surat. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini floor Yang Berhormat Parit Buntar.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ia satu isu yang menjadi kepentingan nasional diganggu oleh Yang Berhormat Baling setiap kali saya hendak menjelaskan kepada orang ramai. Inilah masalahnya Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Selepas itu, harta Tabung Haji sudah tukar nama kepada UJSB. Tidak bayar duit PAWE RM100 juta, harga-harga dan barang-barang hotel. Yang Berhormat Menteri *sign* jual dengan RM10,000 kepada empat buah hotel itu, kenapa!

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Dia hendak menutup... *[Tidak jelas]* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Janganlah ganggu Yang Berhormat Baling. Jangan ganggu. Apa ganggu ini. Sensitif sangat itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa saya tanya Yang Berhormat Menteri, adakah...

[Dewan riuh]

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Macam inilah Yang Berhormat. Kalau... *[Disampuk]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia kena tahu business. Takkanlah tukar empat hotel punya *property* bagi RM10,000? Come on lah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Bagi *ministry* lah jawab. Yang Berhormat Parit Buntar kemukakan soalan pada Yang Berhormat Menteri. Bagilah Yang Berhormat Menteri jawab.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang ini...UJSB. Yes.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia sebut nama Pengerusi Tabung Haji. Yang Berhormat Shah Alam boleh duduk diam tidak?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Soalan dikemukakan pada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia tidak sebut Yang Berhormat Shah Alam. Dia sebut Pengerusi Tabung Haji. Dia hendak guna poin ini untuk debat pada hari Jumaat ini. Berdebat dengan saya dalam Parlimen dulu.

[Dewan riuh]

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kenapa Yang Berhormat Baling terlalu *defensive* dalam hal ini...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukan *defensive*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya hanya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sebab saya ada fakta yang penuh sebagai bekas Pengerusi Tabung Haji. *Very simple*.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada poin penting kalau boleh bagi masa saya *landing*, saya hendak *landing*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya ada fakta.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kalau begini keadaan dia, susahlah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *I have the document* yang sah sebagai Pengerusi Tabung Haji dahulu.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini masalah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Menteri buang pekerja tidak pedulikan 300 orang yang sudah 630 hari yang dah kena gantung sampai ini hari. *Tabayyun* pun tidak boleh buat.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, dia ada masa, dia ada masa hendak debat dengan saya 14 hari bulan. Simpanlah poin itu. Nanti kita debat. Simpanlah. Simpan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janganlah mengelirukan Dewan yang mulia ini. Ini kerana *you* ada kuasa veto dalam Parlimen, jangan kelirukan Dewan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak. Saya tidak mengelirukan Dewan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *I have my facts too.* Hari ini hutang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Baling.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tunggulah masa debat kalau *you* ada *facts*.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Parit Buntar.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua saya bolehlah saya *landing* dengan gangguan-gangguan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Pertama dia mempertikaikan tidak ada jaminan kerajaan. Saya menyatakan ada jaminan kerajaan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana bukti? Tunjuk! Tunjuk bukti sekarang! Bekas Yang Berhormat Menteri tunjuk lah!

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *La ilaha illallah muhammadur rasulullah.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya ada bukti. Saya ada dokumen. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Parit Buntar tidak ada dokumen. Cakap dalam Parlimen bolehlah bohong! Cuba cakap dekat luar.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Apa yang sensitif sangat ini.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Subhanallah.* Sebab itu saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tanya kepada...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Apakah jaminan saya yang saya telah nyatakan ini ada dalam komitmen...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sudah habis masa.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukti. Bukti, mana bukti? Komitmen. Ada sekolah ke tidak sekolah Yang Berhormat ini?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: *La ilaha illallah. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Komitmen dengan gerenti itu apa benda?

[Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Parit Buntar... *[Disampuk]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Gerenti dengan komitmen, itu dua perkara yang berbeza Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Landing* okey. *Landing* Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan kelirukan Dewan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya ingin menyatakan, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dengan gerenti ini lain. Sukuk ini kena ada gerenti *by the government*.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Duduk. Duduk. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau company itu tutup kedai, hilang RM19 bilion...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Parit Buntar *landing*.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Hendak *landing* untuk jawapan tersebut. Sila rujuk kepada tinjauan fiskal dan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan 2020. Muka surat 59 dan 60 di bawah jaminan kerajaan yang disebut komitmen jaminan kepada penerima. Salah satu daripada sejumlah 20 lebih penerima ialah Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. komitmen RM20 bilion di dalam jaminan kerajaan.
[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya, saya faham. Saya sudah baca 14 kali. Komitmen, bukan gerenti. Bukan jaminan. Baca betul-betul. Komitmen.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah— sekarang ini Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Kewangan akan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Komitmen itu dengan jaminan dua perkara yang berbeza...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Parit Buntar...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Dengar dahulu Yang Berhormat Baling.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa sudah selesai. Terima kasih. Biar Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sedikit lagi Kementerian Kewangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa sudah selesai.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sejauh manakah komitmen untuk meneruskan...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa sudah selesai. Provokasi— masa selesai. Sekarang saya menjemput...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ingin merakamkan kekesalan saya setiap kali saya berucap, Yang Berhormat Baling...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Hulu Rajang. Ada? Yang Berhormat Hulu Rajang. Ada. Sabar, sabar. Silakan Yang Berhormat Hulu Rajang.

2.54 ptg.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Saya menyambut baik— Ini panas-panas, saya sejukkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sila. Sejukkan Yang Berhormat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Okey. Saya menyambut baik usaha dan inisiatif yang telah dibentangkan oleh Kementerian Kewangan pagi tadi bagi membolehkan peruntukan semula peruntukan perbelanjaan 2020.

Saya terus kepada kementerian Yang Berhormat. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk makluman Dewan ini, tiga daerah di bahagian Kapit, Sarawak terlibat dalam skim padi dengan keluasan keseluruhan adalah 742 hektar. Skim padi di Merit daerah Kapit, keluasan kira 184 hektar manakala skim di Sungai Tunoh daerah Bukit Mabong dan Teluk Jambu daerah Song masing-masing keluasan 130 hektar dan 158 hektar. Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian memberikan perhatian lebih khusus pada masyarakat kawasan pedalaman khususnya di negeri Sarawak dan menikmati Skim Subsidi Baja Padi kerajaan pusat dan Skim Inisiatif Pengeluaran Padi. Ini bagi membantu mereka mengeluarkan hasil yang lebih banyak lebih-lebih lagi sejak PKP dilaksanakan. Ramai di antara mereka masih bergelut dengan menambahkan pendapatan harian mereka.

Pendidikan Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa mengutarakan mengenai isu pendidikan di kawasan luar bandar kerana saya sendiri melalui proses ini. Sejak kecil dibangunkan dan dibesarkan di luar bandar, saya melalui saat-saat getir dalam kehidupan sehingga dapat menjadi sebagai seorang Ahli Parlimen pada hari ini. Namun, saya tidak mahu pengalaman perit yang saya lalui puluhan tahun lalu dilalui generasi muda pada hari ini. Dalam tempoh kurang 50 tahun yang lalu, kita melihat sistem

pendidikan di negeri Sarawak melonjak begitu tinggi. Namun, prasarana pendidikan masih kekal seperti 30 tahun yang lalu. Saya memohon agar peruntukan tambahan ini yang diperlukan melalui Bantuan Makanan Asrama (BMA) untuk sekolah berasrama seperti di SMK Selirit dan juga SMK Baleh dan seluruh negeri Sarawak disegerakan dengan kadar yang segera. Saya juga berharap agar fasiliti prasarana juga dipertingkatkan bagi mematuhi prosedur keselamatan yang lebih kekal.

Kesihatan di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Kesihatan merupakan perkara asas diberikan secara percuma oleh Kerajaan Persekutuan. Usaha saya bagi memastikan rakyat di kawasan pedalaman perlu juga menerima rawatan setaraf mereka di bandar. Saya melihat keperluan penambahan fasiliti di Hospital Kapit di kawasan luar bandar perlu disegerakan. Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian bagi menambahkan sebuah mesin CT scan di Hospital Kapit. Ini akan memudahkan rakyat mendapatkan akses pada kesihatan yang lebih baik. Jika tidak mereka terpaksa berulang-alik ke Sibu hanya mendapatkan kemudahan ini. Saya mohon dan menyeru agar disegerakan permintaan ini dan tempoh hari lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tempoh hari juga telah melihat perkara ini dengan lebih mendalam.

Program galakan eksport sawit. Peranan utama Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau dikenali sebagai MPOB adalah agensi kerajaan yang terulung diamanahkan untuk berkhidmat kepada industri kelapa sawit negara kita. Peranan utama adalah untuk menggalakkan dan membangunkan matlamat dasar dan keutamaan negara bagi kesejahteraan industri kelapa sawit Malaysia. Namun, mengetahui bahawa di Sungai Asap, Belaga terdapat sebuah pejabat MPOB yang telah didirikan sekian lama. Namun, apa yang menyediakan dan mengecewakan saya Sarawak merupakan negeri yang kedua di Malaysia menyumbangkan besar kepada tanaman kelapa sawit yang melibatkan sebanyak 0.84 juta hektar ataupun 16.6 peratus. Namun begitu, ia berlaku ketidakseimbangan dan dalam pembahagian kuarters staf di Sungai Asap, Tuan Yang di-Pertua.

Khususnya di mana kebanyakan peneroka sawit berskala kecil kurang mendapat perhatian dan sokongan. Kekurangan staf seperti ini tidak harus dijadikan sebagai alasan bagi gagal memberikan perkhidmatan terbaik kepada peneroka. Justeru itu, saya menyeru agar bilangan staf ditambahkan segera di stesen dan bagi memberikan perkhidmatan terbaik pada semua peneroka. Selain daripada itu, kita semua mengetahui Malaysia merupakan pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia.

■1500

Namun, kita menghadapi cabaran besar dalam menentukan harga minyak kelapa sawit di pasaran dunia. Ini kerana harga minyak sawit tidaklah ditentukan oleh pasaran tempatan, namun ia melibatkan pasaran antarabangsa. Namun begitu, saya mengesyorkan agar pihak kementerian memandang serius ke atas harga siling sawit agar ia dapat ditetapkan pada kadar RM500 per tan.

Saya juga menyambut baik Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) serta Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) disegerakan untuk semua pekebun kecil di pedalaman di kawasan Parlimen Hulu Rajang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong rang undang-undang ini, izinkan saya menekankan beberapa aspek penting bagi pembangunan dan pengurusan bagi negeri Sarawak. Kami barisan GPS berharap agar setiap wang yang diperuntukkan dan dibelanjakan adalah diberikan sama adil dan rata kepada semua negeri di Malaysia ini.

Keluasan dan bentuk muka bumi Sarawak adalah jauh berbeza dengan Semenanjung. Kita diliputi air dan dipisahkan jurang tanah yang agak besar. Justeru itu, saya berharap Kerajaan Persekutuan sentiasa melihat perkara ini bagi memastikan setiap pembangunan fizikal dan modal insan rakyat Sarawak sentiasa dijadikan agenda Kerajaan Pusat.

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Wong Chen [Subang]: Subang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya jemput...

Tuan Wong Chen [Subang]: Subang, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kulai.

3.01 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut berbahas tentang Belanjawan Tambahan bagi tahun 2019. Beberapa perkara yang saya ingin bahaskan.

Pertama adalah tentang penangguhan bayaran balik yang berkuat kuasa mulai 19 Mac hingga 31 Disember 2020 seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pada 4 Ogos 2020 iaitu penangguhan bayaran balik untuk PTPTN.

Secara prinsip, saya memang menyokong inisiatif ini dan saya mengalu-alukan inisiatif ini. Walau bagaimanapun, persediaan yang mencukupi dan perancangan yang teliti adalah amat diperlukan untuk memastikan bahawa kedudukan kewangan PTPTN dan juga bakal peminjam baharu tidak terjejas.

Secara purata, PTPTN perlu menyediakan dana sebanyak RM3.7 bilion hingga RM4.3 bilion setahun untuk membiayai pinjaman kepada seramai 180,000 orang peminjam baharu dan juga seramai 420,000 orang peminjam sedia ada. Sasaran kutipan setahun untuk PTPTN adalah sebanyak RM2 bilion setahun ataupun RM167 juta sebulan.

Jadi, yang saya risau ialah apabila kita menangguhkan pembayaran balik dari bulan Mac hingga Disember tahun ini, jadi saya hendak tahu berapakah kutipan PTPTN setakat ini? Oleh kerana penangguhan selama 10 bulan ini, bermakna PTPTN hilanglah kutipan sebanyak RM1.7 bilion. Kalau dalam situasi sebegini, saya rasa adalah amat penting untuk Kerajaan Persekutuan untuklah memberi pinjaman baharu kepada PTPTN ataupun kita perlu buat pinjaman daripada institusi kewangan.

Untuk makluman semua, pinjaman ataupun sukuk daripada institusi kewangan merupakan sumber kewangan utama bagi PTPTN. Pinjaman dari institusi kewangan setakat tahun 2019 adalah sebanyak RM54.2 bilion dan bayaran kepada institusi kewangan hanyalah RM16.9 bilion. Sejak tahun 2003, tiap-tiap tahun, PTPTN perlulah mengumpul dana melalui pinjaman ataupun sukuk.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah berapakah bayaran yang perlu dibuat oleh PTPTN kepada institusi kewangan pada tahun 2020, 2021 iaitu tahun hadapan dan juga tahun 2022?

Selain daripada itu, sama ada kita akan membuat pinjaman baharu daripada institusi kewangan memandangkan bahawa kita sekarang telah menangguhkan bayaran balik daripada peminjam-peminjam PTPTN. Berapakah anggaran pinjaman perlu dibuat untuklah PTPTN pada tahun ini dan juga pada tahun 2021 dan 2022?

Isu kedua yang saya hendak bangkitkan adalah tentang kekurangan sekolah. Saya rasa dalam tempoh selepas—oleh sebab COVID-19 sekarang, kita memang sekarang mewajibkan penjarakan fizikal di sekolah. Oleh sebab itu, ada sekolah di mana murid-murid perlulah mengambil giliran untuk balik sekolah. Kalau menurut NUTP, setakat ini sebanyak 57 buah sekolah melaksanakan sistem penggiliran bagi memastikan penjarakan fizikal berlaku.

Pada tahun 2019, KPM pada zaman Pakatan Harapan telah mengemukakan sebanyak sembilan buah sekolah rendah baharu dan jugalah sebanyak lapan buah

sekolah menengah baharu telah dicadangkan kepada EPU. Akan tetapi, amat menyedihkan bahawa cadangan tersebut telah ditolak oleh EPU di bawah Yang Berhormat Gombak.

Ini termasuklah SK Bukit Jalil 2 di Kuala Lumpur kerana untuk Bukit Jalil, memanglah situasi sekolah amat sesak dan kita amat memerlukan sekolah baharu. Untuk SK Alam Damai 2 di Cheras, Kuala Lumpur juga atas alasan bahawa sekolah di kawasan itu sangat sesak. Selain daripada itu, kita juga pohon untuk Kompleks Pendidikan Sekolah Putrajaya Presint 15; SK Putrajaya Presint 17; SK Seremban 2 Heights, Seremban; SK Taman Seri Impian, Kluang; SK Taman Botani, Gopeng, Perak; SK Kempas Indah, Johor Bahru; dan juga SK Seri Pahlawan, Kuantan.

Selain daripada itu, sebanyak lapan buah sekolah menengah baharu yang telah dicadangkan oleh KPM kepada EPU adalah SMK Kota Warisan, Sepang; SMK Kota Kemuning 2, Shah Alam; SMK Bandar Bukit Puchong, Sepang; SMK Denai Alam, Shah Alam; SMK Tanjung Minyak, Bukit Rambai, Melaka; SMKA Selangor; SMKA Kangar, Perlis; dan jugalah perolehan tanah bagi SMK Meru 2 di Klang, Selangor.

Saya harap bahawa EPU sekarang bolehlah memberi perhatian kepada sekolah-sekolah yang saya sebut tadi kerana kita perlulah sekolah yang mencukupi untuk memastikan bahawa kualiti pendidikan kita bolehlah semakin meningkat. Saya rasa dalam zaman COVID-19 ini, kita tidak tahu bila virus ini memang dapat kita atasi. Jadi, untuk memastikan bahawa penjarakan fizikal dapat dilaksanakan, saya rasa saya mohonlah bahawa EPU dan juga Kerajaan Persekutuan ini boleh meluluskan permohonan dari KPM ini untuk memastikan sekolah baharu yang cukup banyak dapat dibina secepat mungkin.

Selain daripada isu sekolah, saya rasa saya juga hendak sebut tentang isu kekurangan guru. Setakat Januari tahun ini, sekolah menengah kebangsaan mengalami kekurangan guru sebanyak 5,800 orang dan juga untuk sekolah rendah, kekurangan guru setakat Januari 2020 adalah sebanyak 6,721 orang. Di sini saya ada dua permintaan.

Pertama, saya ingin mintalah JPA supaya mengkaji semula dasar bahawa KPM hanya boleh mengisi sebanyak 98 peratus punya jawatan terutamanya untuk sekolah. Saya rasa bahawa di sekolah, kita berbeza dengan institusi ataupun agensi kerajaan yang lain. Di sekolah, setiap guru ada tanggungjawab yang sangat spesifik. Seorang guru sepatutlah mengajar sebanyak 30 sampailah 33 period ataupun kelas dalam satu minggu. Jadi, kekurangan walaupun seorang guru itu sahaja akan menjelaskan tanggungjawab guru itu dan juga membebankan guru-guru kita lagi.

Jadi, saya rasa untuk sekolah-sekolah kita, sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah, kita tidak perlulah ataupun tidak wajiblah kita pakai dasar bahawa jawatan di kerajaan kita hanya boleh isi sampailah 96 ataupun sampailah 98 peratus sahaja. Jadi, saya ingin menyeru supaya JPA dan juga Jemaah Menteri bolehlah mengkaji semula dasar ini untuk pastikan bahawa setiap sekolah sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah mendapat guru-guru yang mencukupi. Kalau di sekolah menengah, situasi ini lagi teruk.

■1510

Kalau kita kurang seorang guru Fizik— kita memang memerlukan seorang guru yang ada kepakaran Fizik untuk mengajar dalam mata pelajaran tersebut. Kekurangan seorang guru pun akan membebankan guru-guru yang lain dan akan menjadkan kualiti pendidikan kita.

Selain daripada itu, saya juga hendak sentuh tentang peruntukan utiliti untuk sekolah bantuan kerajaan. Dalam bajet yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2019, bayaran utiliti untuk sekolah bantuan kerajaan sama ada SJK(C), SJK(T) dan juga Sekolah Bantuan Agama Kerajaan adalah sebanyak RM26 juta. Dalam ucapan Belanjawan 2020, kerajaan juga telah meningkatkan jumlah bayaran utiliti tambahan yang juga merangkumi pembetungan iaitu bil Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. sebanyak RM12 juta kepada sekolah bantuan kerajaan tersebut.

Menurut sepucuk surat daripada Kementerian Kewangan kepada Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjelaskan bahawa bantuan atau kos utiliti kepada sekolah bantuan kerajaan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM44 juta. Walau bagaimanapun, saya rasa amat hairan kerana saya menerima jawapan bertulis daripada KPM yang bertarikh 3 Ogos. Dalam jawapan ini menyatakan bahawa bagi tahun 2020, peruntukan kepada sekolah bantuan kerajaan bagi membiayai bil utiliti ialah sebanyak RM32 juta yang mana RM12 juta itu juga termasuk dalam RM32 juta ini.

Jadi, saya rasa di sini ada satu perbezaan sebanyak RM12 juta. Saya tidak faham kerana ikut surat daripada MOF kepada KPM pada bulan Januari, ia cukup jelas telah menyatakan bahawa peruntukan untuk bil utiliti ini yang telah disediakan adalah RM44 juta. Akan tetapi, apabila kita terima jawapan daripada KPM pada bulan Ogos ini, jumlah itu telah menjadi RM32 juta. Apa kesannya? Ini bukan satu penjimatan tetapi ini adalah satu berita yang buruk, cukup buruk untuk sekolah bantuan kerajaan.

Ini kerana, setakat ini, dasar yang sedia ada ialah untuk sekolah bantuan kerajaan mereka hanya boleh dapat maksimum satu bulan sebanyak RM5,000 untuk membiayai bil utiliti mereka. Hasrat dan tujuan untuk kita menambahkan bajet tambahan

untuk bayaran bil utiliti ini adalah supaya sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang besar yang mana bilangan murid adalah tinggi juga boleh dapat bantuan bayaran utiliti yang lebih daripada sejumlah RM5,000.

Kalau ikut kajian kami pada zaman PH, kita harap bahawa cap untuk bantuan-bantuan bil utiliti ini boleh ditingkatkan daripada RM5,000 sebulan kepada RM8,000 sebulan. Akan tetapi, oleh sebab peruntukan yang disediakan telah dikurangkan daripada RM44 juta kepada RM32 juta, jadi had maksimum bayaran bil sebulan bagi sekolah bantuan kerajaan sekarang kekal pada tahap RM5,000 sebulan.

Jadi, saya harap bahawa walaupun inisiatif ini bermula daripada zaman Pakatan Harapan, tetapi inisiatif ini akan memberi manfaat kepada semua sekolah, maka saya harap kerajaan baharu ini juga boleh menyambung inisiatif ini. Janganlah oleh sebab ini adalah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh PH, maka sekarang, Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri KPM tidak ambil penting tentang isu ini dan akhirnya peruntukan yang telah diluluskan pada zaman Pakatan Harapan sekarang telah dihilangkan oleh kerajaan sekarang.

Akhirnya, satu lagi isu yang saya ingin sentuh adalah tentang pendakwaan terpilih yang kita nampak sekarang. Hari ini kita nampak bahawa isteri Yang Berhormat Bagan didakwa di mahkamah. Saya percaya bahawa Puan Betty Chew dan juga Yang Berhormat Bagan dapat membuktikan di mahkamah bahawa mereka tidak bersalah. Akan tetapi, soalan yang saya hendak tanya di sini adalah kenapa banyak kes lagi – walaupun siasatan telah dibuat, kertas siasatan telah dihantar kepada Peguam Negara tetapi, sampai hari ini tiada pendakwaan yang telah dibuat. Kalau kita bandingkan dengan Puan Betty Chew, beliau dipanggil pergi ke SPRM pada hari Khamis yang lalu dan pada hari ini beliau dibawa ke mahkamah. Cukup efisien, sangat efisien. Ini adalah suatu *efficiency* yang amat mengagumkan.

Akan tetapi, kalau kita bandingkan dengan satu kes yang kita telah buat laporan polis terhadap seorang Ahli Exco Pemuda UMNO, Wan Muhammad Azri Wan Deris ataupun lebih dikenali sebagai Papagomo. Beliau telah membuat berita palsu bahawa anak Yang Berhormat Bagan ditangkap pada Februari kerana cuba membawa masuk RM2 juta ke Singapura. IGP telah menyatakan bahawa tidak ada perkara ini. Laporan polis telah dibuat, siasatan telah dibuat, beliau disiasat di bawah seksyen 505 Kanun Keseksaan dan juga seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia. Kalau ikut jawapan daripada kerajaan sekarang, kertas siasatan juga telah dihantar kepada Peguam Negara. Akan tetapi, sampai hari ini, sudah berbulan-bulan dia tidak dibawa ke

mahkamah. Jadi, saya hendak tanya di sini, kalau ini bukan pendakwaan terpilih, apakah ini? Apa ini kalau bukan pendakwaan terpilih?

Saya hendak bertanya lagi – soalan saya kepada SPRM. Banyak perkara yang saya rasa berbaur rasuah oleh anggota Jemaah Menteri kita. Satu contoh yang mana seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri yang cakap bahawa beliau akan beri surat sokongan kepada penyokong dia. Saya hendak tanya, surat sokongan ini sekarang telah menjadi sesuatu yang halal kah di bawah Kerajaan PN? Untuk seseorang anggota Jemaah Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa beliau akan memberi surat sokongan kepada penyokongnya – sama ada ini adalah satu tindakan untuk *solicit* sokongan dan adakah ini adalah satu kesalahan di bawah Akta SPRM kita? Saya harap bahawa – kita tidak ada masalah kalau di sana hendak siasat kita. Biarlah kita jumpa di mahkamah.

Saya percaya bahawa Yang Berhormat Bagan dan juga isterinya akan dibuktikan di mahkamah bahawa mereka tidak bersalah. Akan tetapi, paling penting ialah kalau melibatkan anggota-anggota yang datang dari sana, dari UMNO, dari anggota yang terlibat dalam PN, saya harap agensi-agensi kerajaan kita PDRM, SPRM juga silalah ambil tindakan. Janganlah kita nampak bahawa ada pendakwaan terpilih yang berlaku pada zaman PN ini. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Padang Rengas, silakan.

3.17 ptg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan awal ini untuk hendak mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya sebelum ini tidak ada kesempatan lagi— atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Setakat ini saya sudah dimaklumkan daripada rakan-rakan bahawa yang Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua telah menjalankan tugas dengan cemerlang sekali. Tahniah saya ucapkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Pusat Latihan PDRM. Saya ingin menyatakan di sini bahawa jumlah wang yang diberikan iaitu sebanyak RM162,880,000 adalah satu perbelanjaan yang saya kira perlu diberikan. Ini juga menunjukkan bahawa pihak polis (*police force*) sentiasa diberikan kursus yang berkala dalam berbagai-bagai aspek. Antaranya sudah tentulah saya kira yang paling *core subject* yang dikursuskan kepada pihak polis ini ialah integriti.

Saya percaya dengan pihak polis yang sentiasa berurusan dengan orang ramai dan mereka selalunya di *frontline*, maka memanglah saya difahamkan bahawa kursus integriti dalam kalangan pihak polis ini sudah tentulah merupakan satu subjek yang paling wajib diberikan.

Akan tetapi, kita kena ingat itu bahawa dalam satu pasukan yang begitu besar – saya difahamkan bahawa pasukan polis ini terdiri daripada seramai 130,000 orang kakitangannya. Maka, sudah tentulah seramai 130,000 orang ini tidak semua yang dikursuskan itu mungkin mengikuti apa yang telah dikursuskan kepada mereka.

■1520

Mungkin sebahagian kecil itu terbuka. Mungkin, saya kata mungkin ya untuk dirasuhkan. Seperti juga Ahli-ahli Parlimen juga banyak juga terbuka kepada dirasuhkan. Jadi apa yang saya hendak menekankan di sini iaitu kalau sekiranya ada apa-apa perkara yang kita hendak adukan berkenaan dengan tindakan sebilangan kecil pihak polis yang terlibat dengan rasuah, maka saya kira perkara ini boleh di *manage* dengan izin, oleh pihak polis sendiri. Ini kerana ini bukan satu perkara yang baharu, saya rasa *police force* ini lebih daripada 200 tahun sudah polis di negara Malaysia kita ini. Sudah tentulah semenjaknya negara merdeka pihak polis kita telah diuruskan dengan baik dan sentiasa diberikan kursus berkala.

Jadi dalam soal ini saya hendak menekankan iaitu bahawa kalau sekiranya ada aduan yang hendak kita buat kepada pihak polis, maka sudah tentulah kita kena serahkan balik kepada badan disiplin polis untuk mereka membicarakan dan mendengarkan aduan yang telah dibuat oleh orang ramai. Kita tengok dalam negara kita ini iaitu banyak badan profesional. Polis ini saya anggap sebagai badan profesional lah. Kita tengok banyak badan profesional ini diberikan tanggungjawab dan diberikan keyakinan untuk menyelesaikan masalah disiplin ahli-ahli mereka.

Sebagai contoh, kalau kita tengok kepada Majlis Peguam, Majlis Peguam juga dia berurusan – peguam berurusan dengan orang ramai dan diberikan kepercayaan kadangkala menyimpan wang kita. Jadi mereka juga kalau hendak dikirakan terbuka kepada rasuah. Akan tetapi kalau sekiranya ada salah laku yang dibuat oleh ahli mereka, kita lihat bahawa Majlis Peguam sendiri yang akan membicarakan dan juga akan mendengar kes-kes aduan terhadap ahli-ahli mereka.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Boleh sikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Saya nampak belakang saya ini Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Sila, kalau ada apa hendak tanya.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Padang Rengas. Saya bila sebut soal salah laku polis, Yang Berhormat Padang Rengas sebutkan tadi, adakah Yang Berhormat Padang Rengas perasan bahawa Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) ini masih lagi berada dalam usul ini? Adakah ini perlu kita tolak ataupun kita nyah senaraikan dalam usul ini? Apa pandangan setelah penjelasan telah di bagi oleh Yang Berhormat Padang Rengas sebentar tadi menunjukkan bahawa kemampuan polis sendiri boleh untuk menguruskan salah laku anggotanya. Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol kerana memperingatkan saya tentang *order of the day* dalam kita punya *Order Paper* kita di dalam Dewan Rakyat. Ya, saya melihat masih lagi disenaraikan di nombor tujuh iaitu *Independent Police Complaints of Misconduct Commission* (IPCMC). Terima kasih kerana memperingatkan saya.

Sememangnya hujah saya ini ialah ke arah sebenarnya untuk meminta kepada Menteri Dalam Negeri iaitu sahabat karib saya daripada Larut supaya menarik balik di Jemaah Menteri. *[Tepuk]* Tarik balik Rang Undang-undang IPCMC ini. Ini kerana sebenarnya ia tidak merupakan agenda kerajaan yang ada pada hari ini.

Ya, betul ia merupakan agenda PH tetapi pada hari ini sudah menjadi Kerajaan PN. Dalam PN ini saya menjadi Ahli Parlimen mewakili parti UMNO, Barisan Nasional dan kita daripada dulu lagi pun tidak bersetuju dengan IPCMC ini. Dengan kehadirannya UMNO ini dalam PN, maka sudah tentulah kita tidak senang dengan tersenarainya iaitu bahawa IPCMC ini disenaraikan sebagai nombor tujuh di dalam *Order Paper*. Jadi memang banyak hujah yang kuat untuk menolak IPCMC ini. Ya, sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Padang Rengas. Ya, dulu pun saya ingat saya duduk sana ada membahaskan isu ini iaitu kita menyatakan bahawa memang terdapat unsur-unsur penganiayaan kepada anggota dan pegawai-pegawai polis tetapi pihak pemerintah ketika itu PH tidak mendengar sebab mungkin mereka anggap polis sebagai antara *enemy* mereka. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Padang Rengas sebab ini cadangan yang paling baik, yang paling tepat. Menteri KDN tarik balik soal perbahasan IPCMC ini dan tidak perlu dibahas lagi. Kita wujudkan satu *select committee* untuk menentukan hala tuju IPCMC dengan baik dan tepat. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Padang Rengas, Kangar minta sikit.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Padang Rengas.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sikit sahaja 30 saat. Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Padang Rengas. Saya cuma hendak tanya...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Cameron Highlands, Yang Berhormat Padang Rengas beri kepada Cameron Highlands.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar atau Yang Berhormat Cameron Highlands?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Rengas. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Rang Undang-undang IPCMC ini adalah satu rang undang-undang yang tidak berperlembagaan? Ia melanggar Perkara 140, 135, 132 dan Perkara 8 pun sama. Itu sahaja.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar minta sikit boleh Yang Berhormat Padang Rengas?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: Tidak dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Saya bukan Menteri, hendak tanya apa-apa tanya kepada Menteri lah. Akan tetapi saya hendak menjawab kepada Yang Berhormat Cameron Highlands dan juga kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Kepada Yang Berhormat Cameron Highlands, ya tidak syak lagi. Memang tidak syak lagi bahawa ia akan memerlukan kepada penglibatan untuk kita meminda Perlembagaan kita. Ini kerana jelas seperti mana Yang Berhormat Cameron Highlands sebut tadi ini perlu dilihat dulu, kalau ini dilihat kemudian barulah kita boleh lakukan apa yang hendak kita buat.

Jadi kalau dalam keadaan sekarang ini pun, kalau waktu PH dulu pun kalau dia hendak buat dia kena pinda Perlembagaan. Dia pun tidak ada 2/3, jadi dia mimpi di siang

hari sahaja ya. Jadi Yang Berhormat Cameron Highlands itu jawapan ya, memang betul dan tepat.

Kepada Yang Berhormat Kinabatangan, saya ucapkan terima kasih juga kerana ia membangkit perkataan penganiayaan. Saya merasakan iaitu bahawa apabila ditekankan tentang penganiayaan dan ditekankan supaya satu suruhanjaya. Suruhanjaya ini satu perkara yang besar dan apabila diminta suruhanjaya dilakukan maka ini merupakan satu penganiayaan terhadap pihak polis kita kerana kita sudah punyai SIAP iaitu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

Ini yang mana setiap agensi penguatkuasaan seperti Imigresen, Kastam, JPJ, semua ini berurusan dengan orang ramai. Apabila mereka berurusan dengan orang ramai maka sudah tentu mereka juga terbuka kepada rasuah. Masalah yang sama juga dihadapi oleh pihak polis. Akan tetapi Yang Berhormat Kinabatangan, mengapa polis ada khusus suruhanjaya untuk mereka sahaja. Ini satu bentuk penganiayaan yang dilakukan kepada pihak polis kita. Betul, memang segelintir mungkin terlibat tetapi kita pun Ahli Parlimen sini pun terlibat juga bukan semua, segelintir. Bila melompat mungkin dirasuhakan. Jadi janganlah kita menganiayai pihak polis dengan mengadakan IPCMC.

Saya kira waktu saya menjadi Menteri menjaga undang-undang dahulu, pada ketika itu juga penekanan ke arah untuk mengadakan IPCMC ini telah pun wujud tetapi kita tidak mahu berlaku tidak adil kepada pihak polis. Kalau kita hendak buat satu suruhanjaya khusus untuk polis maka kita kena ada suruhanjaya juga satu untuk Imigresen, satu untuk Kastam, satu untuk JPJ, barulah adil.

■1530

Kalau ini tidak dilakukan, maka ia merupakan satu bentuk penganiayaan terhadap pihak polis yang telah pun menjalankan tugas mereka dengan begitu baik sekali. Waktu mereka mempertahankan negara dan menjaga keselamatan kita, kita langsung tidak fikir tentang kita nak mengucapkan terima kasih atau apa. *We take for granted that the police are always there* untuk menjaga keselamatan kita. Akan tetapi apabila ada sedikitlah orang kata aduan yang dibuat terhadap polis, serta-merta kita nak ambil tindakan terhadap mereka...

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Yang Berhormat Padang Rengas, boleh...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Saya minta Yang Berhormat Kangar tadi. Yang Berhormat Kangar, mana Yang Berhormat Kangar? Saya berlaku adil. Yang Berhormat Kangar dah keluar dah?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar, Kangar sini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Mana?

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Lepas...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Okey. Yang Berhormat Kangar dulu.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Okey, terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey. Saya cuma nak tanya sebab kerana saya pernah hadir di KDN atas jemputan Yang Berhormat Menteri KDN pada masa itu yang kini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berbincang tentang–Antaranyalah, tentang IPCMC dan kemudian kita dapat lihat di atas meja kita pada tahun lepas, *bill* ini dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tersebut. Jadi, tidakkah orang kata Yang Berhormat Padang Rengas merasakan *bill* inilah sebahagian juga aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini?

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Yang Berhormat Padang Rengas, boleh sambung isu yang lebih kurang?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Waktu PH dulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menterinya Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Langkawi. Saya bercakap di sini, ini kerajaan baharu. Ini kerajaan baharu, sudah tentu dia pada ketika itu sebagai Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, terpaksa mengikut keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri Pakatan Harapan. Sudah tentulah, kerana ini Manifesto Pakatan Harapan. Akan tetapi manifesto sekalipun, bukan semua ditunaikan. Menipu sahaja banyak. *[Dewan ketawa]*

Jadi, sebab itu saya nak bagi tahu, ini kerajaan yang baharu muncul dan Yang Amat Berhormat Pagoh menjadi Perdana Menteri. Bukan itu sahaja, dia didukung oleh UMNO. Saya juga percaya rakan-rakan saya Ahli Parlimen PAS dan GPS di Sarawak, kita tidak bersetuju. Maka, sudah tentulah apabila bangunnya kerajaan baharu, Jemaah Menteri baharu, jadi ini bukan sesuatu perkara yang kita nak kaitkan dengan Yang Amat Berhormat Pagoh. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Pagoh sekarang merupakan ketua kepada kerajaan yang baharu. Kerajaan baharu ini tidak langsung, bukan sahaja tidak langsung, menolak kalau sekiranya ada usaha untuk nak membentuk IPCMC. Sudah tentulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dengar nasihat, pandangan daripada rakan-rakan dia dalam Kerajaan PN ini. Jadi, sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan iaitu bahawa kita dalam PN dan saya selaku Ahli Parlimen Padang Rengas...

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Yang Berhormat Padang Rengas, sebelum habis, boleh bagi laluan sikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: ...mahukan supaya iaitu...

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tak mahu bagi laluan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Apa ini, nombor tujuh, nombor tujuh...

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya Yang Berhormat Padang Rengas, sama ada dia nak bagi laluan atau tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *I think you better keep quiet. I think you better keep quiet.* Ini saya punya *floor*.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: *I know, I know.* *I* tanya sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *You don't appeal to the Speaker. It is my floor...*

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: *I am asking whether he...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *It is my floor, okay?*

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tahu tetapi *I am addressing the Speaker...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ini saya punya ruang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Padang Rengas betul. Itu *floor* dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ya.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Saya tahu. Saya minta sama ada dia bagi. Kalau dia tak bagi, saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *No, no. It is his floor. It is his floor* Yang Berhormat.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: So, tak bagilah? Okey.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Duduklah. Duduk, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Standing order, it is his floor.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Duduk! Duduk, duduk. *It is my floor.* Tak faham lagi? Berapa penggal dah duduk dalam Parlimen? Tak faham lagi? *My floor* ya. Jadi, oleh kerana...

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Kita tanya sahaja. *I know it is your floor. That is why I am standing just to ask, I am following the procedure to ask if you will give way.* Itu sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ini apa benda? Apa benda?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat. *It is his floor.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *It is my floor. It is my floor.*

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Kalau tak nak bagi laluan, jangan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *It is my floor, you sit down. Duduk! Duduk!*

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: *If you don't want to give laluan, it is alright. It is okay. It is not a problem.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *You don't know locus standi, you sit down. You sit down! If I don't give you floor...*

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: *If you don't want to hear me speak, it is okay.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tak ada. Duduk.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Saya ikut prosedur Tuan Yang di-Pertua. *I am asking sama ada dia bagi laluan.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Jadi, saya ingin menyatakan di sini...

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Dia tidak mahu, tak apalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: ...Saya dapat 15 minit sahaja, saya tidak boleh melangkaui 15 minit kerana rakan-rakan lain pun nak berucap. *I am not scared of you. No problem. If I have the time, I will listen to you, no problem.* Lain kali bagi masa, biar saya berbahas dengan dia. Tidak ada masalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Padang Rengas memohon kita menyokong tetapi kita minta supaya digugurkan iaitu Rang Undang-undang IPCMC yang disenaraikan sebagai nombor tujuh, digugurkan daripada Order Paper Dewan Rakyat ini. Terima kasih.
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Subang.

3.34 ptg.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang D.R1/2020 – Perbelanjaan Tambahan (2019) 2020. Ini adalah satu-satunya rang undang-undang yang sepatutnya dijawab oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Sebagai seorang *Backbencher* Pakatan Harapan, memang wajar saya menyokong rang undang-undang ini dan saya akan sokong.

Namun demikian, dalam perbahasan tahap dasar ini, saya akan berbahas secara ringkas. Saya rasa tak sampailah lima minit kalau tidak ada orang kacau dan akan membuat beberapa cadangan konstruktif supaya negara kita boleh maju ke depan daripada segi disiplin fiskal. Dengan izin, *I will propose some ideas to improve the fiscal discipline for the benefit of all Malaysians.*

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya memerhati data asas perbelanjaan tahun 2019, saya memang prihatin bahawa disiplin fiskal perlu diperbaiki. Bajet asal perbelanjaan bagi tahun 2019 iaitu kerajaan saya, adalah berjumlah RM316.55 bilion. Satu jumlah yang cukup besar. Perbelanjaan mengurus di dalam rang undang-undang ini, perbelanjaan tambahan adalah lebih kurang RM7 bilion dan perbelanjaan pembangunan tambahan adalah RM5 bilion.

Bermakna, jumlah penuh perbelanjaan tambahan 2019 adalah RM12 bilion. Daripada segi nisbah peratus, ini adalah peningkatan sebanyak 3.78 peratus daripada bajet asal 2015. Kita juga perlu kena ambil kira bahawa setiap bajet kerajaan mana pun, mempunyai ruang *contingency spending* sebanyak lebih kurang RM2 bilion.

Penambahan bajet merupakan satu amalan yang kurang sihat daripada segi disiplin fiskal tetapi amalan ini kerap dilakukan oleh kerajaan-kerajaan. Selama tujuh atau lapan tahun saya berkhidmat sebagai Ahli Parlimen, saya telah meneliti dan memerhati setiap tahun, tidak kira kerajaan mana pun, memang ada perbelanjaan tambahan berkali-kali.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bandingan, sekiranya ini berlaku di syarikat korporat yang besar, saham syarikat tersebut akan jatuh dijual oleh pemegang-pemegang saham. Apa yang jelas adalah isu perbelanjaan tambahan ini telah menjadi satu budaya, satu tradisi politik Malaysia. Tradisi yang kurang elok ini perlu dihentikan. Walaupun sesuatu bajet tersebut adalah merupakan cuma satu anggaran, anggaran tersebut tidak sepatutnya lari banyak daripada angka dasar.

Kalau anggaran dan realiti bercanggah besar, ini bermakna perangkaan bajet telah dilakukan secara kurang teliti. Maknanya, *civil service* dengan Yang Berhormat

Menteri tak buat kerja dengan baik ataupun kalau dah buat rancangan baik, Menteri-menteri tak ada disiplin dan boros menggunakan wang rakyat. Ini kemungkinan ya. Pada pendapat saya, sekiranya bajet lari satu ke dua peratus, saya rasa kita semua di Dewan yang mulia ini boleh terima. Itu biasa.

Sekiranya berlaku insiden yang cukup luar biasa seperti pandemik COVID-19 ini dan perbelanjaan tambahan diperlukan melebihi dua peratus, saya rasa Dewan yang mulia ini juga boleh menerima keperluan untuk menambah bajet dengan *urgent*. Akan tetapi sekiranya tiada perkara yang luar biasa berlaku, maka perbelanjaan kerajaan tidak sepatutnya menyimpang daripada anggaran asal melebihi dua peratus.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan perubahan ya, satu cadangan kepada semua Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini, untuk menyokong satu rang undang-undang baharu, di mana sekiranya kerajaan nampaknya jelas akan menggunakan wang melebihi perbelanjaan sebanyak dua peratus, maka kerajaan tersebut perlu mengambil langkah untuk mengadakan satu sidang Parlimen tergempar untuk mendapat kelulusan penuh daripada Ahli-ahli Parlimen.

Ini juga bermakna kerajaan perlu menerbitkan, dengan izin, *management accounts on a quarterly basis* supaya keadaan fiskal perbelanjaan kerajaan dapat dipantau dengan baik dan juga *time sensitive*. Kerajaan juga boleh memberi kuasa penuh kepada *Select Committee Budget* yang kita sudah ada sekarang, untuk memantau perkara ini bagi pihak, *on behalf of all the other Parliamentarians*.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan ringkas saya dan cadangan saya. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan yang perlu menjawab soalan-soalan ini, saya harap pada hari ini dia akan lebih spesifiklah, jangan *general* sangat, dapat menerima cadangan ini dan sekurang-kurangnya memulakan satu dialog.

■1540

Kita boleh buat *informal committee* ya demi memperbaiki disiplin fiskal negara. Sekian sahaja ucapan pendek saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Mas.

3.40 ptg.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya rakamkan terima kasih kepada pihak Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang

diberikan kepada saya untuk turut sama menyertai perbahasan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2019 (2020).

Secara asasnya wang ini sebenarnya sudah dibelanjakan. Namun hari ini kita diminta untuk membahasnya atas tuntutan undang-undang yang memerlukan setiap wang kerajaan dibahas sebelum diluluskan penggunaannya. Ia sekali gus sebenarnya mengesahkan bahawa kadang-kadang kerajaan perlu melakukan tindakan segera untuk membuat perbelanjaan apabila situasi memerlukan dengan dibawa ke Dewan Rakyat, kemudiannya berikutan tuntutan semasa. Lebih-lebih lagi dalam situasi kerajaan yang berdepan dengan COVID-19 awal tahun ini.

Perdana Menteri Interim telah membuat pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi RM20 bilion tanpa kelulusan Dewan Rakyat terlebih dahulu diikuti dengan Pakej PRIHATIN dan PENJANA yang kemudiannya diumumkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Pagoh. Itu sebagai contoh situasinya.

Rang Undang-undang yang dibahaskan pada hari ini memohon kelulusan Dewan Rakyat untuk meluluskan sebanyak sekitar RM7 bilion lebih. Ia merupakan satu jumlah yang besar. Namun jika dilihat kepada tuntutan perbelanjaannya, ia bukanlah merupakan satu angka yang mustahil. Saya mulakan dengan membahaskan isu anak muda yang biasanya termasuk di dalam peruntukan Kementerian Belia dan Sukan.

Saya lihat tiada peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan di dalam Perbekalan Tambahan ini. Adakah kerana perbelanjaan KBS sudah mencukupi untuk tahun 2019 ataupun peruntukan yang diberikan di dalam Bajet 2019 tidak dapat dihabiskan oleh kementerian yang terbabit. Itu mungkin kita tunggu jawapannya selepas daripada ini.

Cuma dalam isu Kementerian Belia dan Sukan ini, suka untuk saya menyentuh berhubung isu pengangguran yang saya kira sangat-sangat kritikal pada hari ini dengan angka pengangguran yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan yang mencapai situasi yang sangat membimbangkan. Ditambah pula dengan suasana pandemik COVID-19 yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun anggarannya, graduan yang akan ‘bergraduat’ daripada universiti adalah sekitar 250 ribu ke 300 ribu anak muda yang akan menghabiskan pengajian mereka di peringkat ijazah sarjana muda ataupun diploma di universiti ataupun kolej masing-masing.

Dalam keadaan situasi peluang pekerjaan pada hari ini yang sangat-sangat kritikal, ditambah pula dengan keluaran anak-anak muda yang keluar daripada bidang pengajian masing-masing, ke manakah mereka ini akan dibawa atau ke manakah

mereka ini akan pergi untuk meneruskan kehidupan mereka. Ini satu perkara yang perlu untuk diperhatikan dengan serius oleh pihak kerajaan yang ada pada hari ini dan kita melihat bahawa di antara sisi positif wabak pandemik COVID-19 ini ialah pergantungan negara kepada warga asing nampaknya semakin berkurangan.

Kerajaan boleh mengambil itu sebagai kesempatan untuk menghantar pulang warga asing ke negara-negara mereka masing-masing dan memberikan peluang kepada anak-anak muda untuk terlibat secara aktif di dalam pelbagai sektor pekerjaan yang ada di Malaysia pada hari ini. Cuma tinggal lagi bagaimakah gerakan atau bagaimana langkah Kementerian Belia dan Sukan khususnya untuk kita mengerakkan anak-anak muda supaya mereka dapat terlibat dengan aktif dalam sektor pekerjaan khususnya yang melibatkan sektor pekerjaan 3D, *difficult, dangerous* dan *dirty*. Sorry, terima kasih.

Ini sektor pekerjaan 3D yang kebiasaannya tidak digemari oleh orang-orang muda yang ada pada hari ini. Jadi, bagaimakah kerajaan mengambil ataupun kerajaan mencari jalan untuk melibatkan orang-orang muda di dalam bidang pekerjaan seperti ini sama ada memberikan insentif kepada majikan-majikan terbabit supaya mereka dapat memberikan peluang kepada anak-anak muda untuk terlibat dalam bidang-bidang pekerjaan seperti ini.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Begitu juga di dalam isu...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Sila Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pasir Mas ada menyebut tadi lebih kurang 300 ribu graduan yang akan keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi. Sebenarnya kalau hendak dikiraikan ianya jumlah yang melebihi daripada itu 300 ribu lebih. Sekiranya kita campurkan dengan yang akan keluar daripada pusat latihan dan juga pusat kemahiran.

Di dalam gelombang pandemik COVID-19 ini, sudah tentulah banyak syarikat-syarikat swasta tidak dapat menawarkan peluang-peluang pekerjaan yang baharu dan juga selain daripada itu peluang pekerjaan yang sedia ada akan ditamatkan atau diberhentikan dan juga apa pandangan Yang Berhormat tentang subsidi upah yang telah diumumkan oleh kerajaan ini akan tamat tidak lama lagi. Maknanya dengan kata lain kadar pengangguran ini bertambah dan perlu pihak kerajaan menyediakan satu pelan jangka masa pendek dan panjang bagi memastikan peluang-peluang pekerjaan baharu

ini dapat diwujudkan di dalam pelbagai bentuk. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Mas?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih kepada Yang Berhormat kanda saya dari Machang. Ya saya mohon dimasukkan dalam ucapan saya tadi bahawa bukan setakat 300 ribu graduan universiti tetapi dari pusat-pusat latihan yang menawarkan *upskilling skill* dan sebagainya. Akan tetapi suka untuk saya menyebut bahawa kadang-kadang dalam isu seperti ini, graduan ataupun pelajar-pelajar yang keluar dari pusat-pusat kemahiran mereka tidaklah begitu kritikal berbanding dengan mahasiswa universiti.

Ini kerana hakikat, realiti yang perlu kita terima, pengajian-pengajian ditawarkan di universiti kadang-kadang tidak berorientasikan tawaran industri yang sebenar. Berapa ramai yang belajar di bidang yang lain kemudian mereka bekerja di bidang yang lain.

Ahli Parlimen yang ada dalam Dewan kita yang ada pada hari ini berapa ramai yang bergraduan daripada bidang sains politik. Orang yang sains politik tidak jadi ahli politik pun. Berapa ramai yang belajar bidang perniagaan akhirnya keluar tidak meniaga pun. Oleh sebab itulah mungkin dalam satu sudut, bidang pengajian di universiti ini perlu untuk dikaji semula adakah ia benar-benar praktikal dengan tuntutan industri yang ada pada hari ini berbanding dengan kolej-kolej kemahiran dan sebagainya.

Kolej-kolej kemahiran dan sebagainya mereka nampak lebih realistik dengan melihat apakah tuntutan ataupun tawaran di peringkat industri sebelum menawarkan program pengajian tersebut kepada pelajar-pelajar mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka ingin menyentuh isu pengangguran seperti ini kerana ia melibatkan mentaliti rakyat kita sendiri. Justeru anak-anak muda yang ada, kerajaan perlu berfikir bagaimana membawa kembali anak-anak muda kita yang ada di bandar-bandar untuk balik ke kampung mengusahakan tanaman yang ada ini di kampung, tanah-tanah yang terbiar yang ada di luar bandar yang perlu untuk kita usahakan bagi memastikan bahawa Malaysia ini merupakan negara yang cukup kuat dari sudut industri makanannya sekali gus memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan perbelanjaan Kementerian Kerja Raya yang diperuntukkan RM16 juta di dalam bajet tambahan ini. Saya suka untuk menyatakan bahawa RM16 juta ini, ke mana kah ia dibelanjakan atau adakah ia cukup untuk memastikan penggunaannya itu betul-betul untuk meliputi khidmatnya kepada seluruh rakyat.

Saya ingin menyentuh di sini isu jalan-jalan raya terutamanya yang melibatkan penggunaannya rakyat negeri Kelantan. Jalan raya sekitar Jeli, perhubungan daripada Jeli ke Gerik sebagai contoh. Sesiapa boleh pergi sekarang ini daripada Jeli menuju ke Gerik atau sebaliknya yang melalui Banjaran Titiwangsa yang jalan rayanya cukup-cukup menyedihkan, lubang di sana sini, garis putus-putus pun sudah tidak nampak, sangat-sangat daif yang kadang-kadang kalau saya boleh gunakan bahasanya hanya sesuai untuk digunakan oleh gajah-gajah yang melintas ke sana sini.

Ini sangat menyedihkan. Berapa banyak kemalangan yang berlaku akibat daripada jalan raya ini tidak di naik taraf walaupun jalan raya ini ialah milik Kerajaan Persekutuan. Menerusi bajet yang telah diberikan kepada Kementerian Kerja Raya ini, suka untuk saya menarik perhatian pihak kerajaan supaya jalan raya perhubungan persekutuan di antara Jeli dan Gerik ini dapat dinaik taraf dengan seberapa segera dan kita tidak akan berhenti untuk membawa isu ini ke Dewan yang mulia ini bagi memastikan bahawa rakyat negeri Kelantan khususnya yang mahu pergi ke utara dan sebaliknya dapat menikmati jalan raya ini, dapat menggunakan jalan raya ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang *alhamdulillah* saya tengok di dalam bajet rang undang-undang ini, Perbekalan Tambahan tidak diberikan, tidak memohon ataupun mungkin tidak diberikan sebarang peruntukan tambahan.

■1550

Kita memuji bagaimana tugas para pihak keselamatan, polis dan sebagainya yang telah berkhidmat dengan cukup baik terutama *frontliners* kita ketika berdepan dengan wabak pandemik COVID-19.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, tular satu video yang menyentuh berkenaan dengan isu perjudian yang berlaku di Sungai Buloh yang telah ditularkan oleh seorang individu yang akhirnya diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Para netizen khususnya memberikan sokongan kepada pendedahan-pendedahan seperti ini.

Kita berdiri di sini untuk menyatakan bahawa kerajaan tidak seharusnya bertolak ansur walau sedikit pun terhadap aktiviti-aktiviti perjudian yang telah pun dilakukan secara haram seperti ini dan mereka harus bertindak dengan seberapa segera bagi memastikan negara ini bersih daripada aktiviti-aktiviti seperti ini.

Cuma kita ingin menyentuh bahawa adakah apabila video in tular baharulah kita akan bertindak? Adakah apabila seorang pelajar merakam video terpaksa panjat pokok kerana hendak dapatkan siaran internet hendak dapatkan talian internet baharulah pihak

yang berwajib turun untuk menyediakan perkhidmatan internet? Adakah seorang individu terpaksa membuat rakaman dan menularkan video berkenaan kegiatan haram perjudian baharulah kita hendak bertindak? Adakah negara ini memerlukan suatu video itu ditularkan terlebih dahulu baharu kita hendak bertindak? Ini satu perkembangan yang tidak baik dan suatu perkara yang perlu untuk kita tangani dengan secara serius. Ertinya, khidmat kepada rakyat itu tidak sampai ke bawah yang menyebabkan kadang-kadang video atau pun apa juu isu terpaksa ditularkan terlebih dahulu baharulah kita akan memberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Diperuntukkan sebanyak RM623 juta untuk Kementerian Pendidikan dan saya ingin membawa isu bagaimana soal pelaksanaan pendidikan atau pelaksanaan sesi pengajian yang melibatkan pelajar-pelajar di sekolah rendah. Saya telah bertanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan SOP yang dilaksanakan.

Saya puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa SOP-nya sudah ada, amalan dan pelaksanaan sudah ada tetapi realitinya yang berlaku tidak sepertinya. Guru-guru yang mengajar di sekolah rendah cukup sukar untuk mereka mengawal pelajar-pelajar sekolah rendah untuk melakukan penjarakan fizikal di antara sau sama lain. Ini adalah merupakan realiti yang tidak boleh untuk kita nafikan. Bagaimana pelajar-pelajar di sekolah rendah, guru yang berada di dalam kelas terpaksa membuat kawalan 12 jam ataupun kurang sedikit daripada itu. Kalau paling sedikit daripada guru, pelajar-pelajarnya akan bergurau, bersentuh-sentuhan di antara satu sama lain yang akan menjadikan amalan penjarakan fizikal itu sudah tidak dapat dilaksanakan di sekolah rendah. Saya kira kalaulah ini yang merupakan menjadi amalan di sekolah rendah...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Maka mungkin kerajaan...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Pasir Mas boleh?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Boleh. Membuat pertimbangan untuk menghentikan sesi persekolahan rendah terutamanya yang melibatkan pelajar-pelajar di peringkat Darjah 1, 2 dan 3 terutamanya. Sila Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya terima kasih sahabat saya daripada Pasir Mas. Memang saya setuju dengan saranan atau pandangan Yang Berhormat Pasir Mas bahawa memang ada permintaan ataupun saranan-saranan, cadangan-cadangan daripada ibu bapa, daripada rakyat marhaen, rakyat yang ada di kampung-kampung, di

pinggir bandar bahawa barangkali kerajaan perlu mempertimbangkan semula untuk sekolah Tahap 1 terutamanya, Tahap 1.

Tahun 1, 2 dan 3 ini barangkali kita cuti kan dahulu terlebih dahulu. Bukan lama mungkin sampai bulan 12, Disember itu sahaja. Oleh sebab ini kadang-kadang kesihatan kita tidak boleh gadaikan begitu sahaja. Terima kasih banyak.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua dalam seminit setengah yang terakhir ini saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan bajet kepada Kementerian Pendidikan ini yang saya kira sudah cukup satu jumlah yang besar dan juga boleh digunakan untuk memberikan kefahaman kepada anak-anak kita berkenaan dengan asas-asas pembinaan negara kita sendiri.

Dalam isu ini saya menyentuh kadang-kadang kita sendiri tidak faham berkenaan dengan asas-asas pembinaan negara Malaysia. Ada yang menyebut berkenaan dengan isu ketuanan Melayu baru-baru ini. Kita perlu ingat bahawa kita faham bahawa tidak ada mana-mana bangsa, tidak ada mana-mana bangsa yang memilih untuk dilahirkan di dalam bangsanya sendiri. Bangsa ialah merupakan perkara yang tidak boleh dipilih oleh orang itu. Ini kerana bangsa dipilih oleh Allah SWT menciptakan kita.

Oleh yang demikian, isu ketuanan Melayu ini perlu ditangani dari sudut pelaksanaannya bukan dari sudut istilahnya sahaja. Ketuanan Melayu ini tidak boleh disamakan dengan *white supremacy*. Ketuanan Melayu bukan bererti bila Melayu menjadi tuan, orang lain menjadi hamba itu tidak betul. Ada yang menyebut bahawa kalau Melayu jadi tuan orang lain jadi hamba, tidak itu sebagaimana kita sebagai tuan rumah. Orang datang rumah kita adakah tetamu yang datang itu menjadi hamba?

Ini merupakan satu persoalan yang perlu untuk kita fikirkan. Persoalan yang salah ialah bila kita menyamakan secara total ketuanan Melayu ini sebagai *white supremacy* yang sudah pasti Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku di Barat bagaimana orang yang bukan berkulit putih tidak dibenarkan untuk mengundi, tidak dibenarkan untuk memiliki harta, tidak dibenarkan untuk menikmati hak mereka sebagai seorang manusia. Di Tanah Melayu ini, di Malaysia, tidak pernah mana-mana bangsa menjadi hamba kepada orang Melayu di Malaysia yang ada pada hari ini.

Justeru, menyamakan secara total ketuanan Melayu ini sebagai *white supremacy* adalah suatu kefahaman dan pengertian yang salah sama sekali dan saya mohon supaya pemahaman seperti ini dapat diperbetulkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai contoh boleh membuat program sama ada dalam *television* dalam pelbagai media bagi menjelaskan bahawa isu ketuanan Melayu ini perlu difahami dalam

konteks mempertahankan hak-hak orang Melayu istimewa bumiputera yang telah terkandung di dalam Perlembagaan bukan menjadikan orang Melayu itu sebagai tuan, bangsa lain sebagai hamba, itu tidak.

Itu kefahaman yang salah yang bertujuan untuk menafikan terus hak-hak orang-orang Melayu yang telah terkandung di dalam Perlembagaan yang dijamin oleh Perlembagaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Sibu.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Hang Tuah Jaya.

3.56 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini dan saya ingin menyentuh dengan kesihatan di Sarawak. Di Hospital Sibu, kita sudah mohon untuk membina *multistorey carpark* selama beberapa tahun.

Jadi saya mahu bertanya di sini bagaimana perkembangan *multistorey carpark* ini. Saya difahamkan beberapa hari lalu di dalam surat khabar ada menyatakan bahawa *multistorey carpark* ini sudah diluluskan, jadi saya ingin mendapat pengesahan dari kementerian dan saya ingin tahu bagaimana cara *multistorey carpark* ini dilaksanakan dibina dan jumlah kos untuk dibina? Adakah apabila *multistorey carpark* ini dibina siap, akan ada *parking fee* akan dikenakan kepada orang ramai? Jadi berapakah anggarannya *parking fee* akan dikenakan? Saya memohon penjelasan dari kementerian. Saya juga ingin menyentuh tentang perkhidmatan dialisis di Hospital Sibu.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan dialisis di Hospital Sibu sudah mencapai kapasiti maksimumnya kerana untuk menyediakan dan membelikan perkhidmatan dialisis juga perlukan satu *machine* dipanggil *reverse osmosis machine* untuk membekalkan sumber air yang bersih kepada perkhidmatan dialisis ini. Jadi *reverse osmosis machine* dalam Hospital Sibu sudah lama sudah mencapai kapasiti maksimumnya.

Walaupun banyak orang ramai hendak menyumbang *donate dialysis machine* kepada Hospital Sibu tetapi tidak dapat diguna kerana tidak cukup sumber air yang bersih untuk menjalankan perkhidmatan dialisis. Jadi, kita perlukan satu *machine reverse osmosis* yang baharu. Jadi, saya memohon Kementerian Kesihatan untuk

memberikan peruntukan untuk membelikan satu *machine reverse osmosis* yang baharu untuk Hospital Sibu. Tidak mahal, hanya RM230,000 sahaja.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi ini memang di bawah kemampuan Kerajaan Persekutuan untuk memberikan kemudahan ini kepada Hospital Sibu dan juga di Hospital Sibu memerlukan ruang yang lebih besar untuk memberikan perkhidmatan dialisis kepada orang ramai. Ini juga di bawah— saya rasa ini juga satu-satu perkara yang bukan susah sangat. Hanya memerlukan RM100,000 untuk menjayakan ia. Jadi saya harap kementerian boleh memberikan peruntukan yang secukupnya untuk hospital-hospital Sibu untuk menjalankan projek mereka untuk mengembangkan ruang dialisis dan perkhidmatan dialisis mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon di sini dan menyeru kepada Kementerian Kesihatan bahawa *radiotherapy* di Sarawak amatlah terhad. Hanya di Kuching sahaja ada perkhidmatan *radiotherapy*. Sarawak begitu besar tetapi hanya Kuching sahaja ada perkhidmatan *radiotherapy*.

■1600

Jadi banyak penduduk pesakit dari Miri, Lawas, Kapit dan Bintulu mereka hendak menjalankan perkhidmatan atau rawatan radioterapi mereka perlu pergi ke Kuching. Kalau naik bas lebih dari 10 jam kalau dari Bintulu. Dari Miri lebih kurang 16 jam untuk sampai ke Kuching untuk mendapatkan rawatan radioterapi. Mengapa tidak kementerian juga membekalkan perkhidmatan radioterapi ini di *Sibu Hospital*?

Saya rasa mesin radioterapi ini tidak mahal sangat. Mungkin dalam RM20 juta kerajaan boleh beli satu dan simpankan mesin radioterapi ini di Hospital Sibu. Jadi, di Hospital Sibu kita boleh menjaga pesakit-pesakit dari Mukah, Bintulu, Kapit, Sarikei dan banyak tempat, Kanowit juga. Mereka pesakit-pesakit kanser ini boleh pergi ke Sibu sahaja, tidak perlu pergi ke Kuching yang begitu jauh untuk menjalankan rawatan radioterapi ini.

Jadi, saya rasa ini merupakan satu perkara yang amat penting. Jadi, sudah lama saya rasa di dalam Dewan yang mulia ini, kita menyeru dan memohon kementerian untuk membelikan satu *radiotherapy machine* di Hospital Sibu. Jadi, saya harap perkara ini boleh direalisasikan dengan masa yang paling cepat dan saya harap kementerian boleh meluluskan permohonan saya ini.

Satu lagi saya ingin memohon ialah tentang *proton therapy*. Kebanyakan tidak faham tentang radioterapi tetapi radioterapi ini amatlah satu teknologi yang sudah lama digunakan dan ia juga membawa kesan sampingan yang besar dan berpanjangan kalau untuk merawat pesakit kanser otak. Jadi, saya rasa di seluruh di Asia sini hanya Taiwan dan China ada *proton therapy*.

Jadi, Datuk Lee Chong Wei dia juga pergi ke Taiwan untuk mendapatkan *proton therapy* apabila untuk merawat kanser dia. Jadi, saya rasa di Malaysia kita juga boleh mampu untuk membina satu tempat untuk membekalkan *proton therapy* untuk pesakit-pesakit kanser terutamanya pesakit kanser otak. Jadi, sekarang di *Singapore* mereka sedang dalam *progress* untuk membina *centre facility proton therapy* ini.

Jadi, saya rasa kita juga pun boleh membina satu perkhidmatan atau *facilities* seperti ini. Saya rasa kita sudah banyak bincang tentang *medical tourism* di Malaysia. Saya rasa kalau hendak membangun lagi dan menambah baik *medical tourism* di Malaysia kita juga perlu adakan lebih institusi-institusi kesihatan yang lebih spesifik dan kita melatih pakar-pakar kita dengan lebih baik dan kita juga ada ‘reagen’ rawatan kita yang berbeza.

Kebanyakan ‘reagen’ kita untuk memberi rawatan seperti kanser adalah mengikut ‘reagen’ dari UK. Sekarang ada dua aliran besar satu dari UK dan satu dari US. Kebanyakan kita adalah mengikut ‘reagen’ dari UK. Jadi, di *Singapore* ada bidang-bidang mereka, mereka ada ‘reagen’ serta memulakan penyelidikan mereka sendiri untuk mendapatkan ‘reagen’ sendiri. Jadi, saya rasa kita pun boleh ada sedemikian. Kita pun boleh membina institusi-institusi kanser di Sarawak atau di mana. Kita ada pakar-pakar kita boleh lantik dan ada ‘reagen’ sendiri supaya kita boleh memberikan rawatan yang lebih baik kepada rakyat kita.

Jadi, saya harap dalam isu ini *proton therapy* memang perlulah difikirkan atau dipertimbangkan oleh kementerian bagaimana kita boleh membekalkan satu perkhidmatan atau rawatan yang lebih baik kepada penduduk kita. *Proton therapy* adalah lebih spesifik dan ia akan mengurangkan kesan sampingan berbanding dengan radioterapi yang biasa.

Semalam saya juga mendengar dengan teliti tentang *pap smear* yang dibincangkan oleh Kementerian Kesihatan. Ada jawapan yang baik oleh Timbalan Menteri Kesihatan bahawa memang di poliklinik-poliklinik Malaysia kita ada membekalkan perkhidmatan *pap smear* kepada rakyat kita. Akan tetapi masalahnya di Sibu saya sudah dua bertahun berturut-turut menyumbang dan memberi tajaan kepada poliklinik untuk membiayai kempen *pap smear* mereka.

Mengapa saya memberikan tajaan? Hal ini kerana kalau untuk Sibu untuk menghantar sampel-sampel mereka pergi KL memang ambil masa yang lama untuk mendapatkan keputusan. Jadi, biasa saya memberikan tajaan ialah untuk mereka mempercepatkan untuk mendapatkan keputusan melalui menjalankan *testing* itu di *lab* tempatan.

Jadi, saya harap ini juga merupakan satu isu mengapa *pap smear* ini tidak begitu popular *among*, di kalangan rakyat kerana ia mengambil masa yang lama untuk mendapat keputusan. Jadi, saya harap ini juga boleh ditambahbaikkan oleh kementerian supaya mencari satu *find a way so that the whole thing can be simplify* dan mempercepatkan untuk mendapatkan keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin juga menyentuh tentang sekolah daif yang banyak kita bincangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Di Sarawak, sebanyak RM350 juta sudah diperuntukkan untuk memperbaiki 37 sekolah daif di Sarawak. Jadi, mengikut jumlah ini, RM350 juta untuk membaiki 37 sekolah daif ini yang menyatakan lebih kurang satu sekolah kita memerlukan lebih kurang RM9 juta untuk memperbaikinya.

Kalau kita menggunakan RM9 juta untuk membaiki satu sekolah mengapa kita tidak membina sekolah yang baharu. Kita boleh membina satu sekolah yang baharu dengan RM9 juta. Akan tetapi sekarang kita hanya memperbaiki sekolah daif dengan RM9 juta. Jadi, saya rasa ini *quotation* dari JKR mesti dikaji balik semula. Mengapa *quotation* ia begitu mahal untuk memperbaiki sekolah.

Saya rasa isu untuk membaiki sekolah daif ini memang satu isu tidak akan habis, *never ending story* kerana sekolah akan jadi lama ia perlu diperbaiki. Ia bukan satu masalah boleh *solved once and for all*, tidak. Selama-lamanya kita ada masalah sekolah, semakin lama perlu diperbaiki. Jadi, saya rasa kita perlu mempertimbangkan adakah kita perlu satu sistem yang pembinaan sekolah yang lebih efektif seperti saya cadangkanlah *modular system* untuk pembinaan sekolah kita.

Di dalam pedalaman banyak sekolah sekarang masih guna kayu untuk pembinaannya. Mengapa kita tidak pakai kontena atau *modular system*. Kalau tandas ia rosak kita tukar tandas itu dengan *modular system*. Sekarang kita mesti memperbaiki kayu, buat *renovation* lagi, mengapa tidak menggunakan *modular system*. Saya rasa ini perlu dipertimbangkan oleh Kementerian Pendidikan bagaimana untuk memudahkan dan satu cara yang lebih baik dan efektif untuk menangani masalah sekolah daif ini.

Selain itu, saya ingin menyentuh tentang projek Tebatan Banjir Sibu. Tuan Yang di-Pertua, Projek Tebatan Banjir di Sibu biasanya ia memang merupakan satu projek

Kerajaan Persekutuan. Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan tetapi hari ini saya tengok surat khabar ada berita menyatakan Fasa 4 akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Jadi, saya hendak tahu apa sudah berlaku kepada projek ini. Mengapa sekarang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak bukan Kerajaan Persekutuan.

Ini memang merupakan satu projek Kerajaan Persekutuan, tetapi sekarang mesti dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM120 juta.

■1610

Jadi, saya meminta penjelasan dari kementerian, mengapa ini berlaku? Adakah Kerajaan Perikatan Nasional masih menganaktirikan kita orang Sarawak? Tidak beri peruntukan yang secukupnya walaupun projek tebatan banjir ini memang merupakan satu projek yang penting kerana Sibu selalu dilanda banjir. Jadi, ini memang satu projek untuk memanfaatkan rakyat Sibu tetapi Kerajaan Perikatan Nasional tidak berikan peruntukan yang cukup untuk membantu mereka, membantu orang Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin menyebut tentang *pharmacy practice* di Malaysia. Dalam MCO ini, kita sudah tengok bagaimana pentingnya peranan farmasi-farmasi di dalam Malaysia menjalankan *duty* mereka untuk membantu orang ramai dalam krisis COVID-19 ini.

Jadi, saya rasa kita perlu mementingkan peranan *pharmacist* di dalam Malaysia dan juga meningkatkan *pharmacy practice* di dalam Malaysia ini dengan meminda undang-undang yang tertentu supaya peranan mereka dihargai dan dipertingkatkan. Saya rasa mereka farmasi di sini memang memainkan peranan yang sangat penting dalam *primary healthcare* di dalam Malaysia. Saya rasa mereka tidak harus dipinggirkan dalam arus perdana dalam *medical line* ini.

Jadi, itu sahaja perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Sibu.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Hang Tuah Jaya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Arau, seterusnya.

4.12 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Pertama, isu tempatan kawasan yang saya wakili iaitu berhubung dengan benih padi. Benih padi ini telah ditimbulkan banyak kali. Saya cuma hendak simpulkan sahaja

supaya benih padi biarlah benih padi tempatan dijual kepada orang tempatan. Contohnya macam benih padi di Perlis yang kualitinya cukup tinggi dijual di Kelantan, dijual di Selangor. Yang benih padi tempat lain datang ke Perlis menyebabkan kos pengangkutan tinggi dan ia akan melibatkan harga benih padi tersebut meningkat. Akan tetapi ini adalah nombor dua.

Nombor satu, perkara ini telah diambil kesempatan oleh pihak tertentu. Sepatutnya harga runcitan ini ialah RM25 tetapi sekarang telah dijual sampai ke tahap RM40, RM50 dan kadang-kadang sampai RM60. Ini berlaku kerana kita bagi sistem monopoli yang kita terpaksa mengikuti tempo atau kehendak mereka untuk kita mendapatkan bekalan.

Jadi, saya cadangkan supaya dibuka balik ruang di mana pembekal benih padi ini diberi kepada orang tempatan. Contohnya Perlis, kita bagi orang Perlis. Kita boleh *supply* di Perlis dan padi sudah pasti padi yang berkualiti. Di Kedah, dia ada syarikat Merbok, okey teruskan. Tetapi yang Perlis, Perlis lah. Jadi, kita minta dibuka kepada negeri-negeri ataupun kawasan tempatan, LPP tempatan untuk *supply* benih padi.

Kemudian yang keduanya ialah *free movement zone*, kawasan bebas gerak di Wang Kelian. Kawasan ini telah dibuka pada tahun 80-an dan sekarang ia bergerak dengan begitu baik tetapi bila berlaku insiden perdagangan manusia, tiba-tiba Wang Kelian ini dikaitkan. Terutamanya bila mereka jumpa 28 kem sementara dengan lebih kurang 138 kubur ataupun 178, saya tidak pasti. Kita lihat akhirnya ia merupakan alasan kenapa Wang Kelian ditutup. Sekarang ini ditutup daripada *free movement zone* di mana kita boleh bergerak 3 kilometer ke Thailand dan Thailand boleh bergerak 3 kilometer ke Malaysia.

Saya hendak beritahu Kementerian Dalam Negeri, dalam Malaysia ini hanya satu tempat sahaja yang dengan kehendak Allah ia berlaku iaitu ia berada di satu ruang di antara dua bukit. Jadi kalau hendak perdagangkan manusia, ia tidak boleh sebab dua-dua bukit itu dia ada ruang tengah-tengah yang dipanggil Wang, Wang Kelian.

Jadi, kita tidak perlu takut untuk orang menyeludup manusia dan sebagainya kerana melalui pintu masuk ini tidak mungkin berlaku perdagangan manusia. Kalau berlaku pun perdagangan manusia, ia melalui jalan lain iaitu di kawasan sempadan lain, bukan di pintu masuk itu. Jadi yang berlaku perdagangan manusia kita lihat berlaku di Lubuk Sireh di kawasan yang jauh daripada sempadan, bukan di kawasan sempadan itu sendiri.

Kesan daripada penutupan tersebut, kesannya cukup besar kepada ekonomi negara dan juga negeri Perlis di mana dahulu kadang-kadang tiap-tiap minggu ada 200

biji bas datang ke sana untuk membeli-belah tetapi sekarang kita hendak cari dua tiga biji pun payah. Jadi ini mendatangkan kesan yang kurang bagus. Jadi, saya minta dipertimbangkan semula.

Sekarang isu negara.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali ialah...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...IPCMC.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Wang Kelian.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Wang Kelian, 30 second.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: ...15 second pun cukup. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Arau.

Saya hendak balik kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi berkait dengan isu *human trafficking* di Wang Kelian. Sebenarnya Kerajaan Pakatan Harapan telah menghabiskan RCI mengenai isu ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Arau, adakah Kerajaan Perikatan Nasional sekarang boleh mengemukakan atau keluarkan RCI ini untuk pandangan orang ramai dan juga untuk *public scrutiny*? Minta pandangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pada pandangan saya, Yang Berhormat Menteri bolehlah menjawab soalan tersebut sekejap lagi. Oleh kerana saya belum lagi Menteri yang berkenaan, jadi saya tidak dapat menjawab. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, Menteri akan mengambil ingatan berhubung dengan soalan Yang Berhormat. Bukan soalan saya tetapi soalan Yang Berhormat yang di bawah mencelah tadi.

Okey, sekarang ini fasal IPCMC. Saya setuju dengan Yang Berhormat Padang Rengas, Kerajaan Pakatan Harapan— maaf cakap, kerajaan dahulu. Kerajaan dahulu telah mencadangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019. Sekarang ia masuk dalam senarai nombor 7. Kita tahu kita telah bagi pelbagai alasan dan kita telah berbincang panjang lebar mengenai perkara ini.

Kita jangkakan kerajaan sekarang telah pun mengeluarkan perkara tersebut daripada senarai rang undang-undang. Kalaupun hendak masuk, saya ingat kita boleh masuk dalam bukan senarai nombor 7, senarai yang kemungkinan terjauh sedikit.

Sebenarnya tidak perlu masuk senarai. Saya cadangkan supaya dikeluarkan terus daripada untuk dibahaskan.

Kalau tidak, kita nampak bahawa apa yang kita bahaskan selama ini yang semua orang nampak logiknya, hebatnya fakta-fakta yang kita bagi kenapa IPCMC ini tidak wajar diperkenalkan dan kenapa polis sahaja yang diberi hukuman yang luar biasa, kenapa tidak agensi-agensi lain, seperti Yang Berhormat Padang Rengas sebut tadi, kita kena buat juga satu suruhanjaya salah laku untuk badan-badan penguat kuasa yang lain. Esok mungkin ada untuk tentera pun, ada yang lain.

Lepas itu, ianya pula dipengerusikan oleh Ahli-ahli Parlimen. Kita bayangkan Ahli-ahli Parlimen ini dia masuk sini dia memang Ahli Parlimen. Maksudnya Ahli Parlimen, dia herolah, dia Ahli Parlimen. Walaupun setengahnya umur 24 tahun, setengahnya berumur pelbagai tahun, ia jadi herolah. Akan tetapi, ia belum sampai ke tahap yang begitu hebat bagi yang baru untuk mengatakan bahawa pemikirannya hebat dan luar biasa.

Jadi, semua pemikiran itu dicampur menjadi satu pemikiran yang baik, maka kita cadangkanlah apa-apa yang patut. Jadi, untuk IPCMC ini, kita lihat lebih ramai suara yang menentang. Cuma, di kalangan kerajaan pada masa tersebut, mereka tidak beranilah untuk menyatakan apa-apa. Jadi, mereka cuma diam.

Akan tetapi sekarang ini sudah pasti mereka lebih ramai yang menyokong supaya IPCMC ini tidak diadakan. Tidak perlu kerana kita menghukum kepada satu badan penguat kuasa yang sebenarnya kita cari jalan bagaimana badan ini harus kita tololng supaya mereka boleh melaksanakan tugas dengan lebih baik.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mereka bagi contoh macam cerita kes...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kes burger di Sungai Buloh baru-baru ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sekejap, sekejap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya boleh bagi sedikit sahaja.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa 15 second. Saya tidak payah duduk.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Apa pandangan Yang Berhormat Arau terhadap Ketua Polis Negara (IGP) yang mana beliau sendiri setuju IPCMC ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya bagus. Itu dia seorang bersetuju, tetapi persatuan-persatuan di bawah Persatuan Inspektor tidak setuju. Jadi, walaupun dia ketua tetapi— ini satu pendapat dan pandangan tetapi kita harus tengok pandangan majoriti pandangan di kalangan polis. Saya ingat polis 99.9 percent tidak bersetuju dengan IPCMC...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: [Bangun] Yang Berhormat Arau, sedikit Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...kerana kita ada badan lain untuk nak semak mereka ini. Walaupun kita tahu bahawa Parlimen ini ialah badan yang tertinggi, tetapi kita bimbang ia mungkin dipengerusikan oleh orang-orang yang berkepentingan...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Arau, sekejap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...peguam-peguam yang ada kepentingan. Jadi tidak boleh. Polis ialah satu badan yang mana mereka telah pun angkat sumpah rahsia, pergi *training* dan sebagainya. Tiba-tiba hendak dipengerusikan oleh orang yang belum ada pengalaman tentang kepolisian — Tiba-tiba hendak jadi penggerusi polis. Tidak boleh. Kita dah bagi *argument*, cukup.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Arau, sedikit Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...supaya dikeluarkan terus.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Arau, sedikit Hang Tuah Jaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau , Hang Tuah Jaya

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Boleh Yang Berhormat Arau? Tak payah duduk pun tak apa, berdiri.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri laluan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya berdiri, ya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Ini Yang Berhormat Arau cakap tentang IPCMC. Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa IPCMC ini bukan baru. Ia sejak tahun 2006 waktu kroni Yang Berhormat Arau jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dulu. Sekarang ini seolah-olah beria-ia hendak tunjukkan bahawa

hendak memperjuangkan polis. Saya ingat itu kena tengok cermin baliklah. Tadi, Yang Berhormat Arau sebut soal IPCMC ini yang mana Ketua Polis Negara sahaja tidak bersetuju. Apakah Yang Berhormat Arau setuju bahawa Ketua Polis Negara kena letak jawatan sebab dia seorang sahaja tidak setuju, polis lain semua setuju? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nampaknya soalan itu Yang Berhormat kena jawab sendirilah ya. Saya hendak beritahu tentang tajuk yang saya bawa ini. Jadi, kita hendak bercakap, yang lain itu kita boleh bincang esok di bawah Jawatankuasa...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]* Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, hari ini saya tak nak sentuh sebab masa tidak cukup...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Arau, Tanjung Karang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...iaitu IPCMC dibuang terus daripada DR25...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey Yang Berhormat Arau, sementara cari itu bagi Tanjung Karang tanya sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, mikrofon apa jadi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Allahuakbar*, rugi ya. Okey, kita minta dikeluarkan terus daripada senarai perbahasan...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa yang berlaku, benda-benda yang lain saya percaya Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Polis boleh selesaikan seperti yang berlaku kes burger di Sungai Buloh dan sebagainya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau hendak bagi laluan kepada Yang Berhormat Tanjung Karang?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Semalam Menteri Dalam Negeri telah turun sendiri untuk membuat siasatan dan melaksanakan tugas dengan baiknya. Jadi, saya ucapkan tahniah. Akan tetapi, jangan kerana satu kes sahaja, tiba-tiba kita kena buat satu undang-undang yang besar kerana hendak selesaikan satu kes. Kita kena ingat, satu kes selesai kes itulah, kenapa mesti dirombak semua benda tersebut?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Arau, Tanjong Karang. Bolehkah Yang Berhormat Arau, Tanjong Karang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah saya mengundang kepada perbahasan ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Arau boleh Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ya silakan.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih sahabat dari Arau. Saya tertarik ada beberapa soalan dari sebelah sana. Yang Berhormat setuju ataupun tidak, bahawa soalnya hari ini bukannya soal Ketua Polis setuju ataupun tidak. Soalnya ialah dasar. Dulu ada kata dasar BN yang buat. Akan tetapi, jelas waktu kita menjadi pembangkang, PAS, UMNO, terang-terang kita sudah tolak. Ini bermakna sekarang ini kita dah tukar kerajaan. Yang hendak dibawa masuk ke Parlimen ialah waktu Pakatan Harapan.

Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak bila dah PH sendiri dah hancur, *now* Perikatan Nasional memerintah, apakah kita hendak bawa juga usul yang dibawa oleh kerajaan hancing dulu itu? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, saya ingat kita setuju supaya kita tarik balik rang undang-undang ini. Saya percaya Yang Berhormat Tun pun setuju dengan kita bahawa rang undang-undang ini tidak wajar untuk diperkenalkan sekarang kerana ia diperkenalkan oleh sebuah kerajaan lain. Maka, kerajaan baru bolehlah berbuat demikian yang sepatutnya.

Kemudian saya hendak sebut satu lagi fasal perpaduan. Keduanya, ialah fasal perpaduan. Kita belanja banyak tentang perpaduan. Akan tetapi, kita kena lihat asas bahawa perpaduannya ialah bermula daripada kanak-kanak lagi, kemudian pergi ke sekolah dan seterusnya. Apakah kita melihat apa yang berlaku pada zaman kanak-kanak ini yang mana persekolahan yang berbeza dan sebagainya— kena ambil maklum perkara ini. Jangan sampai dia besar panjang, orang Kedah orang Perlis kata, baru kita hendak didik untuk bersatu-padu tetapi masa kecil kita asingkan. Kita bagi penekanan dari segi budaya yang berasingan dan sebagainya.

Berikutnya ialah tentang pekerja kontrak yang telah diberhentikan oleh kerajaan dahulu. Yang ini saya percaya masa itu bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin tidak mengetahui apa yang berlaku. Akan tetapi, ramai telah dibuang kerja dengan begitu dahsyatnya. Lebih daripada seramai 32,000 orang telah dibuang kerja. Kita minta kerajaan sekarang tolong ambil balik serta-merta. Mereka ini boleh diganti

dengan orang-orang yang lama ataupun kita ambil graduan baharu yang tidak ada kerja supaya kita bagi peluang pekerjaan.

Saya tidak setuju dengan pemikiran bahawa untuk membolehkan kita beri peluang pekerjaan, kita kena berhentikan orang lama. Saya tidak setuju yang itu. Kita kena ambil pendekatan membesar kek, membesar peluang. Jangan kita *pi* potong hak orang lain dan kita bagi pada orang lain. Macam Dasar Ekonomi Baru, kita tidak ambil hak orang-orang bukan Melayu untuk bagi kepada orang Melayu ataupun hak bukan bumiputera diberi kepada bumiputera. Kita membesar kek ekonomi, akhirnya kita dapatlah apa yang kita dapat sekarang.

Demikian juga peluang pekerjaan. Janganlah pencer mesti diawalkan untuk memberi peluang kepada orang lain bekerja. Tidak. Kita membesar peluang pekerjaan sebab rakyat Malaysia sekarang makin bertambah, peluang pekerjaan makin bertambah. Ini kerana apa? Apabila manusia bertambah sudah pasti manusia memerlukan perkara-perkara perlu kehidupan dan ia akan memberikan peluang kepada peluang pekerjaan. Tolong ambil serta-merta.

Kita kena buktikan bahawa kita, Kerajaan Perikatan Nasional ini adalah kerajaan yang adil dan saksama, bukan kerajaan yang kejam membuang orang tidak tentu bahasa sehingga banyak daripada mereka yang sekarang ini berdoa kepada Allah SWT kerana mereka telah dizalimi di peringkat yang cukup teruk. Ini kerana, banyak yang telah pun beranak dan ada yang bercucu pun, tiba-tiba mereka diberhentikan kerja. Kita kena ingat dalam kalangan ramai-ramai ini iaitu orang yang dizalimi mungkin salah seorangnya Allah SWT makbulkan doa, terjadilah pertukaran kerajaan seperti yang berlaku pada hari ini.

Kemudian, kita juga hendak tanya Datuk Seri Gopal Sri Ram ini apa pangkatnya? Saya dengar cerita ialah Timbalan Pendakwa Raya secara kontrak. Berapa gaji dia? Kita tidak kisahlah sebab dia datang *Rolls-Royce* ke mahkamah dan sebagainya, okeylah. Akan tetapi, berapa gajinya? Bagaimanakah sumber pendapatannya? Ataupun dia bekerja *free, pro bono* kah atau sebagainya. Kita tidak tahu. Jadi, rakyat hendak ambil tahu. Adakah dia akan dakwa satu kes sahaja? Apakah ada kes-kes lain lagi yang diberikan tugas kepadanya?

Ini juga lagi satu benda yang kita kena lihat bahawa peluang pekerjaan kenalah diberi kepada mereka yang telah berkhidmat dengan kerajaan. Contohnya, kalau kita tidak mahu bagi kepada orang yang paling terdekat untuk naik pangkat kerana dia tidak berapa pandai, ramai lagi di kalangan anggota kerajaan yang boleh kita naikkan pangkat. Contohnya, macam Setiausaha Dewan Rakyat. Saya tidak pasti hakikinya

sama ada N52 atau N54 tetapi sekarang dia pegang jawatan Jusa A, Setiausaha Dewan Rakyat. Ini cara yang kita buat iaitu kita ambil di kalangan pegawai kerajaan, bukan kita ambil dari orang luar. Ramai DPP yang berkaliber yang harus diberi peluang untuk mereka dinaikkan pangkat atau diberi peluang untuk mereka mengelolakan kes-kes tertentu. Kita jangan ingat bahawa dalam jumlah anggota kerajaan yang begini besar, sudah pasti ada harta-harta yang boleh kita ketengahkan untuk rakyat Malaysia.

Akhir sekali, kita hendak beritahu bahawa ini ialah perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan dahulu. Kita hari ini menyokonglah, itu sebab mereka tidak ramai mari sebab mereka akan sokong sebab kalau mereka tidak sokong perbelanjaan mereka, itu ialah satu benda yang akan berlaku dalam sejarah. Dia dah belanja, lepas itu dia tidak mengaku. Sekarang dia kena mengaku sebab *you all* yang belanja. Jadi *you all* belanja, *you all* kena mengaku. Kami ini *pakat* ikut saja. Kami tidak setuju dulu tetapi hari ini kami terpaksa bersetuju sebab *you all* dah belanja pada tahun 2019. Jadi, walau bagaimanapun kita ini jenis manusia baik, kita anggap bahawa apa yang telah berlaku itu ialah sesuatu yang telah berlaku pada masa tersebut. Sekarang, masa sekarang kita akan memulakan kehidupan baharu yang lebih hebat.

Kita harap rang undang-undang berhubung dengan COVID-19 ini, semua orang akan sokong kita sama seperti kita menyokong mereka. Akan tetapi, kalau mereka tidak sokong, mereka telah melanggar etika kemanusiaan itu sendiri iaitu bila '*orang berbudi, kita berbahasa*' tetapi '*kita berbudi, mereka tidak berbahasa*'.

Kita hendak tengok apa akan berlaku nanti sama ada mereka akan menyokong ataupun tidak. Yang Berhormat Tun bersaksi saya cakap hari ini, syukur *alhamdulillah*. Yang Berhormat Tun tidak bangkit tanya soalan, *all right*. Akan tetapi, saya hendak beritahu bahawa kita akan menyokong dan semua orang akan menyokong sebab ini perbelanjaan tahun 2019. Rang Undang-undang COVID-19 ini kita harap disokong dengan hebatnya oleh semua pihak. Terima kasih.

■1630

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Sebenarnya sudah...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah hendak beri laluan kepada Yang Berhormat Pulai?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Pulai?

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Yang Berhormat Hang Tuah Jaya?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Silalah Yang Berhormat Pulai. Lebih senior.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pulai, silakan.

4.30 ptg.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik untuk bersama membahaskan bajet tambahan ini dengan saya juga ingin menyentuh secara objektif tentang IPCMC yang banyak diperdebatkan oleh rakan-rakan sebentar tadi.

Mungkin kita lupa bahawa idea untuk melihat pasukan Polis Diraja Malaysia ini dikembalikan ke tahap integriti yang tinggi adalah hasil daripada pemikiran Pak Lah, Perdana Menteri yang dianggap ataupun digelar sebagai 'Mr. Clean' waktu itu yang mengantikan tempat yang Yang Amat Berhormat Langkawi yang menjadi Perdana Menteri yang keempat.

Maka di atas niat baik pada waktu itu dengan banyak aduan yang kita dengar dalam Parlimen ataupun di luar Parlimen maka satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti secara objektif, bukan *hearsay*, bukan tuduhan, bukan sentimen perkauman ataupun tuduhan melulu. Akan tetapi kerajaan Pak Lah pada waktu itu telah menubuhkan satu RCI yang dipengerusikan oleh Tun Dzaiddin, bekas hakim dan juga beberapa tokoh negara dan di antaranya adalah Tan Sri Lee Lam Thye yang saya masih ingat, bekas Presiden MCA. Pada waktu itu dibuat suatu sesi *public hearing*.

Jadi saya harap bila melihat kepada isu RCI ini tidak hanya dilihat, tadi saya dengar ada juga yang cuba meletakkan beban kepada Yang Amat Berhormat Langkawi. Saya rasa kita harus melihat pada latar belakang sejarah yang betul sebab sejarah ini tidak boleh dibohongi. Maka RCI itu telah bertugas dengan begitu efisien.

Saya sendiri waktu itu Tuan Yang di-Pertua sebagai Ahli Parlimen Kubang Kerian pada waktu itu juga memimpin suatu pasukan untuk memberikan pandangan. Berpuluhan-puluhan pandangan diberikan oleh sama ada individu, bekas polis, bekas tentera dan tokoh-tokoh negara untuk menyampaikan pandangan mereka dengan satu tujuan dan matlamat iaitu untuk melihat supaya Pasukan Polis Diraja ini dapat ditingkatkan integritinya dan bukan dengan niat yang tidak baik.

Bukan untuk memusuhi pasukan polis yang kita rasa sejarahnya sangat panjang, memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk negara tetapi kita juga harus ingat

bahawa sekiranya berlaku suatu penyelewengan ataupun salah guna kuasa, ia mendarangkan kesan yang cukup besar.

Saya rasa ramai Menteri, bekas Menteri KDN dalam Dewan ini walaupun satu waktu dahulu pernah duduk di sini, kembali semula ke sana. Saya rasa objektifnya adalah untuk melihat pasukan polis kita ini ada suatu kerangka, polisi dan dasar yang mereka dipertanggungjawab dan rakyat, NGO dan semua orang mesti diberikan kebebasan untuk memberikan pandangan mereka.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Saya tidak setuju kalau ada pandangan-pandangan yang kita cuba kaitkan dengan agenda politik semata-mata.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pulai, Yang Berhormat Pulai boleh?

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Daripada Sepang. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pulai. Yang Berhormat Pulai, saya ingin minta penjelasan, saya ingin memetik di sini satu komentar yang diberi pada hari Ahad, 12 Mei 2019 oleh akhbar *Berita Harian*.

Pengarangnya Zainuddin Isa. Tajuk komentarnya, “*Penubuhan IPCMC Serlah Integriti PDRM.*” Apa yang ditulis, saya bacakan. “*IPCMC adalah antara 125 syor yang diputuskan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) yang ditubuhkan pada Februari 2004...*” – Masa itu yang memerintah kerajaan yang ada Yang Berhormat Arau. “*Susulan kebimbangan orang awam terhadap peningkatan kes kematian mangsa dalam tahanan, dakwaan kekejaman polis serta salah guna kuasa.*

Namun, idea hanya tinggal idea sehingga lah Kerajaan Pakatan Harapan mengotakjanji manifestonya untuk memastikan IPCMC menjadi kenyataan. Badan bebas polis adalah dikatakan tidak digemari dalam pasukan keselamatan”. Itu yang dikatakanlah.

Jadi, Yang Berhormat setuju atau tidak bahawa sebenarnya IPCMC ini hanya selepas Kerajaan Pakatan Harapan memerintah baru dapat direalisasikan sedangkan cadangan itu telah bermula daripada zaman Kerajaan Barisan Nasional yang ramai Ahli Parlimen di sebelah sana menganggotai Kerajaan Barisan Nasional sebelum itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Ya Tuan Yang di-Pertua, sebab itu ramai antara kita yang menyatakan sama ada kita berpengalaman berdiri di sebelah

sini seperti Yang Berhormat Sepang sebut ataupun kita kembali berdiri di sebelah sana. Banyak polisi yang baik harus kita teruskan. Polisi yang tidak baik jangan kita teruskan.

Jadi saya rasa itu penting untuk kita bersama-sama memastikan IPCMC ini sebenarnya saya sebut tadi apa latar belakang sejarahnya? Di mana ia bertitik tolak? Ia bertitik tolak bukan hanya saya sebut dendam, *hearsay* dan saya faham walaupun ada salah laku dengan izin, *one swallow doesn't make a summer*. Bukan kerana satu faktor itu akan menjadikan perkara itu terjadi dan berlaku.

Jadi, saya rasa secara objektif saya sebut tadi dan Yang Berhormat Sepang juga mengingatkan apa pun tulisan, banyak tulisan dan saya rasa kalau kita merujuk kembali, kalau kita klik balik RCI yang begitu dihormati, diberikan keizinan oleh kerajaan satu suruhanjaya maka *findings* nya dengan izin adalah terlalu besar. Ini sehingga kerajaan Pak Lah pada waktu itu telah mengesyorkan supaya ia dilaksanakan.

Saya masih ingat lagi dalam Parlimen waktu itu baik di pihak *backbenchers* pun ada menyatakan tidak setuju dan ada yang bersetuju. Akan tetapi *alhamdulillah* apabila kami mengambil alih, Pakatan Harapan dan Yang Amat Berhormat Langkawi menjadi Perdana Menteri, kami hanya membawa idea itu atau usul itu atau pandangan itu untuk kebaikan pihak Polis Diraja Malaysia.

Saya rasa bukan kita berniat untuk menjatuhkan ataupun bersifat dendam, untuk kita menghukum mana-mana anggota polis tetapi kalau ada di kalangan mereka yang didapati bersalah, saya rasa itu penting sebab ini adalah institusi untuk memelihara keselamatan negara.

Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua di atas beberapa perbahasan yang saya rasa telah menyentuh tentang IPCMC ini, saya menyatakan lagi sekali bahawa kami di sini walaupun duduk di sini ataupun mereka yang di sana, kita mahu melihat pasukan Polis Diraja Malaysia diberikan segala peluang, diberikan segala bantuan, diberikan segala bajet untuk mereka mempertingkatkan perkhidmatan mereka dan meningkatkan integriti mereka demi keselamatan negara ini.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Pulai, boleh sedikit? Hang Tuah Jaya belakang. Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Pulai, subjek dalam perbahasan kita tentang IPCMC ini adalah satu subjek yang boleh saya katakan sensitif juga kerana ada kalangan yang cuba hendak skor politik dalam hal ini. Kita tahu pasukan polis kalau ikut data tahun 2017

mencecah 130,000 dan kita tidak mahu pasukan keselamatan ini moral mereka jatuh disebabkan kononnya ada IPCMC yang akan menyebabkan mereka merasa terancam.

Saya masih ingat antaranya kenyataan beberapa pimpinan kanan polis yang meminta supaya beberapa klausa di dalam IPCMC itu disemak semula. Antaranya ialah kuasa siasatan dan tindakan disiplin yang dianggap boleh menekan anggota keselamatan.

Kita, saya percaya Yang Berhormat Pulai dan semua Ahli Dewan sentiasa di belakang pasukan keselamatan untuk mempertahankan negara ini. Akan tetapi Yang Berhormat sebutkan tadi yang saya inginkan penjelasan, apakah maksud sebenar IPCMC ini dalam usaha kita untuk menambah baik pasukan keselamatan? Apa pandangan Yang Berhormat?

■1640

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Rakan saya, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, semasa cadangan itu dibahas dalam Kabinet, bukan pada hari itu terus kita bersetuju untuk membawanya dan semua menteri-menteri waktu itu masih ingat, masih ada lagi peluang untuk kita minta supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab, termasuklah daripada AG Chambers, daripada Bar Council dan NGOs yang berkaitan untuk memberikan pandangan mereka. Oleh sebab itulah saya berasa dalam konteks berkongsi tadi...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Pulai?

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: ...dengan idea daripada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, saya rasa yang penting IPCMC ini adalah rohnya, *the spirit of the act* ataupun *the spirit of the law*, itu mestilah mendasari kepada aspirasi untuk melihat Polis Diraja itu benar-benar Polis Diraja.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Pulai, Tanjung Karang, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjung Karang.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Sekejap, saya habiskan sikit sahaja.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Saya rasa kalau kita melihat kepada *cap*, topi polis itu ada kalimah 'Allah' dan 'Muhammad' di situ. Dirajanya itu diterjemahkan begitu sekali. Jadi, saya rasa demi melihat kepada isu itu saya rasa kita harus melihat kepada roh itu. Sekiranya kerajaan yang ada pada hari ini rasa IPCMC itu kurang adil ataupun apa yang Yang Berhormat Langkawi pimpin pada waktu itu, kami

pada waktu itu bertanggungjawab tidak baik, saya rasa itu harus juga diperbetulkan dan mesti ada satu polisi atau satu akta atau satu suruhanjaya yang lain.

Saya bersetuju tadi dengan Yang Berhormat Padang Rengas, jangan hanya di *put on pressure on police* sebab— apa kata macam kastam, macam imigresen, hatta SPRM sendiri yang kita semua terdedah dengan apa yang dikatakan salah guna kuasa ataupun penyelewengan dan semuanya akan membuka mata rakyat dan kesannya kepada negara. Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Pulai. Saya hendak memberi sedikit pandangan. Pertama, Yang Berhormat kata waktu BN yang mencadang, betul suruhanjaya itu dibuat waktu kami yang memerintah. Akan tetapi saya hendak bagi tahu, waktu kita dahulu, saya masih ingat bahawa kita tidak bawa cadangan itu sampai ke Parlimen. PH bawa dua kali tidak silap saya ke Parlimen. Sudah bentang, sudah bacaan kedua, bahas. Akhirnya, ditarik balik. Oleh sebab apa ditarik balik?

Kedua, kita juga dulu ialah hasil daripada itu kita telah tubuh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, sudah pun ada, yang kedua. Ketiga, kita juga tengok bahawa IPCMC ini ialah *contradicting* dengan Artikel 140. Jadi, kalau hendak bahas IPCMC ini, kita sudah cakap panjang lebar sudah. Akhirnya, kalau betul-betul pada masa itu PH merasakan patut dibawa, mengapa ditarik balik? Sudah hendak dibaca, dibahas kali kedua. Akhirnya, tidak ada keputusan.

Jadi, saya ingat hendak ulang lagi apa Yang Berhormat cakap, patut pada masa hari itu PH memerintah, teruskan sahajalah IPCMC ini. Mengapa ditarik balik? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya rasa bukan itu maksud saya berbahas. Mana-mana kerajaan, ia ada kepentingan ataupun mana-mana kerajaan ia ada *priority*, dengan izin, untuk membawa satu rang undang-undang itu. Akan tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Rengas tadi ialah ia ada dalam *order paper*, kenapa ia masih berada ada di situ? Oleh sebab itu kita memperbahaskannya. Akan tetapi bagi saya yang penting Tuan Yang di-Pertua, adalah bagaimana kita akan dapat melihat apa pun peraturan, apa pun objektif penubuhan sesuatu itu...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Pulai?

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: ...Saya rasa kita akan dapat...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Pulai, saya celah sikit?

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Okey. Satu minit.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pulai. Saya telah berkesempatan menjadi salah seorang daripada Jawatankuasa IPCMC yang lepas. Selain apa yang telah dikritik itu, sebenarnya kita perlu tekankan daripada apabila kami membuat pendengaran-pendengaran awam, contohnya di Sabah, di Sarawak, di Johor, di Pulau Pinang, kami dapat mendengar luahan-luhan anggota-anggota polis, terutamanya di pelbagai peringkat.

Contoh, tentang kebajikan mereka. Jadi, kebajikan mereka ini telah kami ambil berat. Contohnya, kita sedih mendengar apabila satu balai polis hanya mendapat satu *ream paper* sebulan. Jadi, perkara-perkara ini, tentang masalah-masalah ini apabila kami di kawasan sebagai Ahli Parlimen, kita telah membantu, maknanya balai-balai polis ini tentang kelengkapan mereka.

Jadi maknanya, IPCMC yang telah tentu ada ia punya kebaikan dan bukan hanya semata-mata untuk kita melihat, merugikan mereka ataupun benda-benda yang hendak menjatuhkan ataupun merosakkan reputasi mereka. Terima kasih, saya harap Yang Berhormat setuju dengan apa yang saya nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua minit Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Tangga Batu telah mewakili saya menggulung perbahasan pada petang ini. Jadi, cuma mahu menyatakan lagi sekali Tuan Yang di-Pertua, Parlimen, kita semua sebagai rakyat Malaysia hanya satu niat sahaja iaitu untuk melihat pasukan Polis Diraja Malaysia akan sentiasa diberikan perhatian, diberikan segala bentuk kecukupan dalam bajet mereka, dalam keperluan mereka dan perlu ada dasar dan polisi yang mereka perlu patuhi supaya integriti mereka dan amal baik mereka terus dipelihara demi keselamatan kita dan negara Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Hang Tuah Jaya.

Tuan Yang di-Pertua: Pembahas terakhir, Yang Berhormat Jelebu. Ada?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Jelebu tidak ada.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Jelebu ada?

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, Pasir Puteh.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Hang Tuah Jaya ada.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Yang Berhormat Jelebu, saya jemput Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Yang Berhormat Jelebu ada.

4.47 ptg.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Mike tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Akan tetapi sebelum itu saya hendak memberi pandangan sekali lagi kepada *reform* atau naik taraf Dewan Rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sudah tukar tiga tempat dan di sana, di sini dan di sini, Tuan Yang di-Pertua. Bila saya masuk di sini, WiFi ini Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat. Saya hendak minta Menteri Komunikasi supaya tengoklah, ini kita tidak panjat pokok lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya duduk dalam Dewan Rakyat tapi WiFi tidak dapat. Saya minta supaya diberikan perhatian.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ini.

Pertama, sebelum saya masuk kepada hal-hal topik yang berkaitan. Saya ingin sentuh satu perkara, Tuan Yang di-Pertua. Banyak kali telah kita timbulkan soal penguatkuasaan, Tuan Yang di-Pertua. Soal yang berkaitan dengan penyalahgunaan beberapa pihak untuk menipu rakyat dengan cara yang amat sopan.

Pertama, dulu saya pernah sebut soal pelaburan, Tuan Yang di-Pertua. Pelaburan emas oleh syarikat Genneva ketika beberapa tahun dahulu yang kerajaan tahu tentang penipuan yang dilakukan oleh beberapa syarikat. Akan tetapi oleh sebab – saya tidak faham kenapa kerajaan tidak mengambil tindakan awal untuk mengekang penipuan ini di peringkat awal.

Bila sudah melibatkan terlalu ramai rakyat, baru kerajaan *enforced*, setelah beberapa jumlah rakyat atau masyarakat yang sudah tertipu dengan penipuan syarikat-syarikat yang berkenaan. Saya ingin merujuk kepada satu kes yang berlaku di dalam-

untuk golongan peneroka di FELDA Wilayah Raja Alias, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, baru-baru ini telah ada satu syarikat yang namanya Mohhashi Space Gateway Sdn Bhd yang telah melakukan beberapa tawaran untuk membeli tanah-tanah bagi golongan peneroka di kawasan Raja Alias.

Saya bacakan sedikit tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan perkara ini. Syarikat ini Tuan Yang di-Pertua, berhasrat untuk membeli dan membangunkan kawasan-kawasan FELDA di bawah Wilayah Raja Alias melalui surat tawaran mereka yang bertarikh 26 Jun 2020. Pembangunan ini dikatakan akan dilaksanakan bersama syarikat pelabur dari negara Turki yakni Ender Prefabrik Konstruksiyon. Tawaran ini diserahkan terus kepada ketua peneroka di keseluruhan warga peneroka rancangan seluruh Wilayah Raja Alias. Nilai belian adalah ditawarkan sebanyak RM3.2 juta bagi setiap peneroka dengan nilai pelaburan yang dicanangkan sebanyak RM180 juta.

■1650

Suka saya sebut di Dewan Rakyat pada petang ini tentang *detailnya* Tuan Yang di-Pertua. Tawaran syarikat ini adalah seperti berikut. Deposit awalan sebanyak dua peratus, RM64,000 dapat kepada setiap peneroka yang ditawarkan yang sekarang ini sudah menjadi buulan di setiap ketua keluarga ataupun peneroka yang berada di kawasan yang terlibat.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, baki deposit sebanyak lapan peratus, yakni RM256,000 akan dibayar selepas perjanjian jual beli ditandatangani dan setelah...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Jelebu?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: ...Nanti dahulu, sekejap. Ya, ya, sila. Ini tidak boleh tidak bagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Jelebu. Adakah Yang Berhormat Jelebu salah seorang yang menjadi mangsa pelaburan-pelaburan ataupun janji-janji manis ini dan berapakah pelaburan yang kalau terkena?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Kinabatangan, kalau saya peneroka dan dijanjikan dengan jumlah yang sedemikian rupa, dengan surat tawaran, dengan pelbagai janji manis, saya juga kemungkinan akan terpengaruh kerana dia menggunakan pelbagai bukti dan juga pelbagai perkara yang kadang-kadang pengurus FELDA pun tahu. Ini masalah kita. Ini bukan saya hendak *complaint* FELDA.

Minta maaf saya tengok Yang Berhormat Besut dia tulis sahaja itu. Bukan saya hendak *complaint* FELDA, tetapi kita mempunyai *enforcement*. Tengok ya. Baki

RM256,000 akan dibayar setelah perjanjian jual beli ditandatangani dan setelah mendapat kebenaran kerajaan negeri dan pihak berkuasa terlibat yang tentunya mereka tidak dapat. Akan tetapi perkara ini sudah meluas di dalam kawasan-kawasan FELDA, termasuk di dalam kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga baki harga belian. Ini yang penting, saya hendak minta Yang Berhormat Besut dan juga Yang Berhormat Jeli tengok. Baki harga belian hanya akan dibayar selepas urusan pindah milik selesai dilaksanakan dalam bentuk berikut. Menolak segala baki hutang peneroka dengan FELDA. Macam mana boleh *statement* ini keluar contohnya. Kemudian yang kedua, pelaburan di HSBC Singapura dan London. Ketiga, bayaran tunai. Ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua tetapi oleh sebab masa tidak panjang. Jadi saya sebut bahawa Tuan Yang di-Pertua, semua pengurusan FELDA tahu tentang perkara ini dan perkara ini sudah merebak.

Masalahnya walaupun saya sebagai Ahli Parlimen Jelebu, Yang Berhormat Jempol ada di sebelah saya yang terlibat dalam kawasan peneroka di kawasan Jempol juga cakap Ahli Parlimen dia tidak mahu dengar. Bukan dia tidak mahu dengar Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tidak hendak dengar saya tidak menang tetapi dalam soal yang berkaitan dengan *perks*, soal yang berkaitan dengan *dollar and cents* dengan izin, soal yang berkaitan dengan keuntungan luar biasa Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang cakap Ahli Parlimen, cakap wakil rakyat dia kata, ini Ahli Parlimen cuba menyekat pembangunan yang berlaku di dalam kawasan FELDA.

Jadi, apakah pandangan saya Tuan Yang di-Pertua? Pandangan saya ialah supaya pihak pengurusan atau penguatkuasaan, PDRM, *government authority* yang tahu dan sedar tentang penipuan pelaburan yang berleluasa di seluruh kawasan kita....

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jelebu sedikit.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: ...harus ambil tindakan awal supaya lebih ramai rakyat tidak tertipu, lebih ramai golongan orang kampung terutamanya bagi masyarakat Melayu tidak tertipu terus dan kerajaankekang daripada awal, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sedikit Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ya, Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Oleh sebab...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Masa 30 minit, 30 saat. Sorry.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Oleh sebab kawasan yang disebut itu, Raja Alias itu adalah kawasan Jempol tetapi bukan Jelebu tetapi dalam daerah yang sama. Saya juga tertarik dengan apa yang disebutkan tadi. Saya hendak mohon penjelasan

bahawa tanah FELDA ini di bawah tanah JSA. Kalau tanah JSA ini untuk mendapatkan kelulusan memerlukan kebenaran daripada FELDA.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Jelebu, adakah peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan iaitu dari segi tindakan selanjutnya mengenai pasti syarikat yang ini, yang benar-benar syarikat yang berdaftar ataupun dapat kelulusan daripada MOF, EPU ataupun sebagainya dan syarikat ini benar-benar berdaftar ataupun tidak ataupun ia sebagai satu syarikat yang boleh dikatakan syarikat yang tidak memainkan peranan yang betul tetapi ada agenda di sebaliknya. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya jawab Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Syarikat ini alamatnya di Lanai Kompleks, No. 2, Persiaran Seri Perdana, Presint 10, Putrajaya. Pengurus, Tuan Haji Ismail Yasin. Ini semua semakan sudah saya buat. Guamannya, Tetuan Emirul Sarifudin & Co, alamat guamannya ialah di Rembau Sentral, Rembau, Negeri Sembilan.

Kalau minta pandangan saya, saya akan beritahu bahawa kerajaan akan failkan ataupun kita akan membuat laporan polis supaya pergerakan dan perjanjian yang dilakukan oleh syarikat ini benar atau tidak.

Saya masuk ke tajuk kedua Tuan Yang di-Pertua yang menyentuh Kementerian Kesihatan. Oleh sebab dalam iPad saya tidak boleh dibaca kerana WiFinya tidak boleh menangkap, saya ambil balik teks asal. Nasib baik saya bawa teks asal Tuan Yang di-Pertua.

Jika kita lihat Tuan Yang di-Pertua, situasi peringkat global Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa bunuh diri, saya hendak sebut soal *mental illness* sekali lagi. Soal bunuh diri adalah antara 10 penyebab utama kematian di dunia dan penyebab kedua kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun. Bagi setiap nyawa yang terkorban dianggarkan 20 orang ahli keluarga atau rakan-rakan akan mengalami impak secara emosi, sosial dan ekonomi.

Secara purata, satu kematian berlaku di setiap 40 saat menjadikan hampir 800,000 orang mati setiap tahun akibat bunuh diri. Bagi konteks Malaysia pula, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan mendapati tingkah laku bunuh diri di kalangan remaja berumur 13 dan 17 tahun menunjukkan peningkatan trend iaitu *prevalent idea* bunuh diri adalah sebanyak 10 peratus pada tahun 2017 berbanding dengan 7.9 peratus pada tahun 2012. Peningkatan yang ketara Tuan Yang di-Pertua.

Saya sebut di Dewan Rakyat ini pada perbahasan ketika saya duduk di sebelah sana tentang *mental disorder*, dengan izin. Tentang masalah mental masyarakat dan

rakyat yang bertambah dari satu masa ke satu masa yang lain. Oleh sebab ketika itu, Kerajaan Pakatan Harapan mungkin memikirkan bahawa masalah mental ini tidak begitu penting, maka tidak ada tindakan susulan daripada apa yang disuarakan oleh kebanyakan Ahli Dewan Rakyat pada ketika itu. Hari ini saya timbulkan semula...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat Jelebu? Sedikit. Isu...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Kinabatangan lagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sila, jangan panjang.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, isu bunuh diri ini memang saya sudah bahaskan lama pun. Jadi, apakah sahabat saya Yang Berhormat Jelebu mungkin akan mencadangkan kepada kerajaan satu cadangan yang boleh membantu untuk mengurangkan kes bunuh diri ini sebab mungkin faktor-faktornya mungkin keceluaran politik, ekonomi ataupun percintaan dan sebagainya. Jadi, apakah Yang Berhormat Jelebu ingin mencadangkan kepada kerajaan cara-cara mengurangkan atau membendung insiden-insiden bunuh diri ini berlaku.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ada di dalam cadangan saya. Ada dua cadangan untuk saya kemukakan kepada pihak kerajaan untuk mengatasi masalah bunuh diri atau *mental disorder* ini dengan izin.

Akan tetapi kerana Tuan Yang di-Pertua, antara faktor tadi Yang Berhormat Kinabatangan sudah sebut masalah percintaan, masalah kewangan, masalah hubungan, masalah politik, masalah agama yang membuatkan tekanan perasaan tetapi kesimpulan kesemua itu Tuan Yang di-Pertua ialah antara punca yang paling besar angka ini adalah tentang tekanan hidup berkaitan banyak perkara.

Sekarang ini tekanan kos sara hidup dan tekanan semasa bekerja menjadikan tekanan perasaan yang sangat tinggi di kalangan masyarakat tidak kira di kalangan mereka yang berumur, di kalangan remaja ataupun pelbagai lapisan masyarakat. Ini yang membuatkan tekanan yang mereka tidak boleh *control*/untuk makluman Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, antara penjawat ataupun antara golongan yang harus saya tekankan, yang perlu saya tekankan pada petang ini adalah golongan penjawat awam. Ketika ini, untuk makluman Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan saringan dan rawatan bagi masalah kesihatan mental di 60

buah hospital kerajaan, 1,001 buah klinik kesihatan di peringkat kesihatan primer dan 25 buah Pusat Komuniti Kesihatan Mental (MENTARI).

Daripada kesemua itu, setelah melihat dan terdapat keperluan untuk Kementerian Kesihatan Malaysia mengkaji dan melihat jumlah pusat-pusat yang memberikan bantuan untuk mengatasi masalah mental ini, persoalannya adakah cukup atau tidak? Saya tanya di Dewan Rakyat dahulu bahawa kebanyakannya berpusat di Klang Valley. Akan tetapi di kawasan-kawasan Parlimen seperti kawasan saya yang ada ketika di kalangan masyarakat yang juga tidak terkecuali daripada tekanan perasaan ini walaupun sedikit, tetapi kepakaran itu tidak ada di kawasan-kawasan yang berkenaan.

■1700

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini jumlah pakar terapi psikologi yakni hanya seramai 400 orang sahaja bagi nisbah 32 juta orang penduduk di negara ini. Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, bilangan pakar ini ditambah kepada seramai 800 orang hingga seramai 900 orang seiring dengan peningkatan jumlah penduduk di dalam negara kita. Tambah menyediakan lagi adalah kebanyakannya pakar yakni hampir 60 peratus yang saya sebut di Dewan Rakyat pada tahun lepas adalah tertumpu di Lembah Klang sahaja. Jadi, kerana itu Tuan Yang di-Pertua, di 13 minit ini, saya ingin mengutarakan dua cadangan.

Pertama, soal yang berkaitan dengan penjawat awam. Skim pemeriksaan mental berkala bagi penjawat awam berisiko. Kerajaan khususnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlu membuat pengelasan jawatan-jawatan di dalam penjawat awam yang boleh diklasifikasikan sebagai berisiko untuk berdepan dengan tekanan kerja yang tinggi.

Kedua, untuk penjawat awam yang berada di dalam kelas berisiko ini, kerajaan mungkin boleh menetapkan mereka ini perlu menjalani *medical checkup* khusus untuk kesihatan mental. Kerajaan juga boleh mewujudkan satu skim bantuan khusus kepada penjawat awam ini untuk menampung sedikit kos pemeriksaan kesihatan mental. Ini kerana kos pemeriksaan mental ini tinggi untuk makluman Dewan Rakyat.

Jadi, makanya saya minta Kementerian Kesihatan untuk subsidi kepada semua penjawat awam jadikan itu sebagai *compulsory* dengan izin supaya menjalani rawatan mental ini mengikut waktu dan juga masa yang tertentu. Ini bagi memastikan, sebarang masalah mental di kalangan penjawat awam ini boleh dicegah dan dirawat pada peringkat lebih awal bagi mengelakkan ia menjadi lebih serius.

Cadangan yang kedua Tuan Yang di-Pertua untuk saya menggulung penyampaian pada petang ini ialah untuk mewajibkan pemeriksaan kesihatan mental bagi kenaikan jawatan dan gred. Jangan silap faham, saya bukan hendak mengekang

kenaikan pangkat bagi penjawat awam, tetapi untuk memastikan pemegang dan penjawat awam ini mempunyai satu tahap mental dan kesihatan yang sangat baik untuk memberikan perkhidmatan maksimum mungkin kepada rakyat.

Jadi secara umumnya Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang penjawat awam itu mendapat kenaikan pangkat ataupun gred, pastinya bebanan kerja itu akan bertambah dan pegawai bawahan juga pasti akan bertambah. Selain daripada tekanan berkaitan kerja, faktor lain yang menyumbang kepada tekanan mental adalah menguruskan hal ehwal pekerja bawahan. Kerenah manusia ini kadangkala sudah cukup untuk menaikkan *blood pressure* ataupun tekanan darah yang mengakibatkan mental kita jadi rosak.

Jadinya cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah mana-mana penjawat awam yang hendak naik pangkat, yang hendak naik gred penggajian diwajibkan ataupun tidak ada kompromi, diwajibkan kepada mereka untuk menjalani pemeriksaan tahap kesihatan mental. Jadi, kalau itu boleh kita lakukan oleh pihak kerajaan, maka kita boleh bantu penjawat-penjawat kita terutamanya yang bakal menjadi *front liners* ataupun menjadi *front batch* dengan izin untuk berurusan dengan rakyat bagi memastikan mereka juga boleh memberikan perkhidmatan yang maksimum mungkin kepada rakyat dan juga masyarakat di bawah kawalan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dengan itu saya ingin menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggulung perbahasan pada hari ini. Silakan. Selama 45 minit ya.

5.04 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk menjawab dan juga membahaskan Bajet Anggaran Perbelanjaan bagi Tambahan Pertama 2019 bagi Perbelanjaan Mengurus Tambahan 2019 sebanyak RM7,005,753,850 dan Perbelanjaan Pembangunan Tambahan berjumlah RM4,970,497,700 iaitu satu jumlah yang begitu besar bagi satu Bajet Tambahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa bajet tambahan ini adalah merupakan bajet yang telah digunakan pada tahun 2019 dan sepatutnya telah pun diluluskan tetapi tidak dapat diluluskan pada tahun tersebut dan terpaksa dibawa ke hadapan pada tahun ini. Sememangnya bajet ini adalah merupakan sesuatu yang perlu untuk kita luluskan pada hari ini. Saya berharap kepada pihak di sebelah sana dapat

memberikan sokongan kerana bajet ini adalah merupakan bajet yang telah pun dibelanjakan oleh kerajaan yang lalu dan saya ini sebenarnya membantu Yang Berhormat Bagan untuk meluluskan bajet ini.

Jadi, *[Ketawa]* saya amat menghargai di atas setiap pandangan, cadangan dan juga teguran-teguran yang telah diberikan kepada kerajaan yang baharu ini dalam rang undang-undang yang telah dibentangkan tadi. Terdapat beberapa isu-isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan dan saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bagi isu-isu khusus yang akan diberi perhatian oleh rakan-rakan saya semasa perbahasan di peringkat Jawatankuasa kelak dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, maka saya akan memaklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya bagi menangani perkara tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya hanya 15 buah kementerian yang mempunyai butiran untuk dibahaskan pada hari ini iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan itu pun Jabatan Perdana Menteri spesifik kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Kementerian Kewangan spesifik kepada Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang melibatkan subsidi petroleum, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun, perbelanjaan yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Industri Utama, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Air dan Sumber Asli, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jadi, ini adalah 15 buah kementerian yang akan kita jawab dan mana-mana isu-isu berbangkit yang tidak tersenarai dalam butiran ini, mungkin saya hanya akan memberi jawapan secara bertulis.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pontian ada membangkitkan berkaitan dengan had siling untuk bajet tambahan setiap tahun bagi setiap kementerian. Maka beliau mencadangkan meletakkan siling tersebut supaya kementerian tersebut lebih berdisiplin untuk berbelanja. Untuk makluman Yang Berhormat, secara asasnya memang tidak ada had siling tambahan yang ditetapkan untuk peruntukan tambahan kerana ia bergantung kepada keperluan setiap kementerian. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan tambahan yang

dipertimbangkan adalah bergantung kepada ruang fiskal semasa pada tahun berkenaan.

Ruang fiskal itu mengambil kira unjuran lebihan hasil yang kerajaan jangkakan pada tahun berkenaan yang mana peruntukan tambahan yang diperakurkan tidak akan menjelaskan paras defisit fiskal dan baki akaun semasa yang ditetapkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Pontian juga ada membangkitkan berapa kali bajet tambahan boleh dibentangkan? Yang Berhormat Pontian ini beliau adalah bekas Timbalan Menteri Kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada peruntukan khusus dalam Perlembagaan. Akta dan peraturan kerajaan semasa yang menetapkan had beberapa kali tambahan boleh dibentangkan. Untuk makluman, Kementerian Kewangan pernah membentangkan anggaran tambahan sebanyak empat kali pada tahun 2001 dan tahun 2002, sebanyak dua kali pada tahun 2003 dan tahun 2014.

■1710

Untuk tahun 2015, Kementerian Kewangan telah mengambil pendekatan untuk membentangkan tambahan hanya sekali setiap tahun bagi tahun kewangan tersebut. Walau bagaimanapun, apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pontian berkaitan dengan disiplin fiskal itu, memang kita mengambil maklum dan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, sememangnya kita ingin memastikan bahawa pengurusan kewangan kerajaan negara ini adalah di tahap yang baik dan pastikan bahawa kita dapat *compliance* dengan bukan sahaja dengan IMF ataupun agensi-agensi yang menilai Malaysia sebagai sebuah negara khususnya dalam pengurusan kewangan.

Yang Berhormat Pontian juga ada membangkitkan berkaitan dengan perbelanjaan MIMOS dan SIRIM yang tidak diperuntukkan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Sekejap ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Maksud saya apabila saya sebut setiap kementerian itu perlu ada siling bajet tambahan. Kalau kita melihat B.11 Kementerian Kewangan, RM1.7 bilion bajet tambahan. Kementerian Industri Utama, RM40 juta. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, RM313. Kementerian Kesihatan, masa itu tidak ada COVID-19 pun tetapi ada RM1.1 bilion bajet tambahan.

Jadi, pada pandangan saya lah, lagi banyak bajet tambahan satu kementerian itu, menunjukkan ketidakcekapan kementerian itu mengatur segala urusan

kewangannya untuk tahun yang berkenaan. Ini maksud saya. Bererti kalau kita ada siling yang tertentu, katalah setiap kementerian tidak boleh lebih daripada RM20 juta bajet tambahan, misalnya setiap tahun, contoh. Terima kasih.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Apa Yang Berhormat Pontian bangkitkan itu memanglah kita mengambil maklum dan mengambilnya sebagai satu pandangan yang positif dan merupakan satu teguran kepada kerajaan yang sepatutnya kita ambil maklum dan bertindak ke arah itu.

Cuma saya ingin menjelaskan berkaitan dengan apa yang telah dibelanjakan khususnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Kementerian Kesihatan sebenarnya memang mereka apabila mendraf satu-satu bajet itu, mereka memang teliti dan memastikan bahawa setiap item itu dimasukkan dalam bajet semasa.

Akan tetapi mungkin dalam keadaan-keadaan tertentu seperti dalam kes Kementerian Kesihatan ini, RM175 juta ini adalah diperuntukkan untuk membiayai rawatan perubatan penjawat awam dan pesara kerajaan di Institut Jantung Negara sebanyak RM350 juta, untuk membiayai emolumen kakitangan termasuk Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM550 juta, untuk menampung keperluan bekalan ubatan dan sebanyak RM90 juta lagi untuk menampung perbelanjaan perkhidmatan sokongan hospital dan sebanyak RM9 juta untuk rawatan perubatan pesara awam perubatan.

Jadi, seperti mana yang saya katakan tadi, memang kita mengambil maklum terhadap teguran tersebut dan akan memastikan bahawa pada masa-masa akan datang, kita akan dapat meminimumkan perkara ini supaya memastikan bahawa apa yang kita lakukan untuk masa hadapan ialah untuk mengurangkan perkara-perkara yang serupa.

Walaupun saya katakan tadi bahawa pada masa lalu, sebelum tahun 2015 kita mengadakan bajet tambahan melebihi daripada satu kali sebelum ini tetapi ini setelah tahun 2015, kita telah mengambil maklum terhadap teguran-teguran Ahli-ahli Parlimen dan kita telah mengambil keputusan untuk hanya mengadakan satu sahaja bajet tambahan bagi setiap tahun.

Yang Berhormat Kulai ada juga membangkitkan benda yang lebih kurang sama iaitu jika tambahan melebihi dua peratus setahun dicadangkan supaya melalui sidang khas Parlimen untuk kelulusan. Dicadangkan juga supaya diwujudkan laporan...

Tuan Wong Chen [Subang]: *[Bangun]*

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Akaun pengurusan kerajaan setiap suku tahun bagi tujuan pemantauan untuk mengelakkan isu peruntukan tambahan. Ini pun satu cadangan yang baik juga tentang pengurusan disiplin fiskal kita. Akan tetapi untuk

makluman Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan di bawah Artikel 101 membenarkan Kerajaan Persekutuan untuk membentangkan anggaran keperluan tambahan untuk kelulusan Parlimen.

Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Subang yang telah memberikan cadangan yang baik dalam usaha untuk mengawal perbelanjaan kerajaan ini iaitu tambahan melebihi dua peratus. Untuk makluman seperti mana yang saya jelaskan tadi, pada tahun 2015, peratusan peruntukan tambahan yang diluluskan berjumlah 1.9 peratus. Tahun 2016, 1.1 peratus dan tahun 2017, 2.4 peratus, tahun 2018 sebanyak 0.9 peratus.

Manakala pada tahun 2019 iaitu tahun di mana bajet yang saya bentangkan ini, ia semasa pemerintahan Yang Berhormat iaitu kerajaan ini telah menambah jumlah tambahan sebanyak 3.6 peratus. Walau bagaimanapun, kita mengambil maklum terhadap cadangan Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat...

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Menteri, boleh atau tidak?

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Ya, sila.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini kawan baik saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sebenarnya mencadangkan kerajaan membuat *management account* untuk setiap *quarter* lah, setiap tiga bulan ya. Kita sekarang ada sudah *Select Committee Budget*. Dahulu ketua itu Yang Berhormat Jeli lah.

Boleh atau tidak kita bekerjasama dalam isu ini sebab *fiscal discipline* ini sangat penting, sama ada kerajaan baharu atau kerajaan lama, duit ini duit rakyat. Jadi bagi saya, walaupun cadangan, saya hendak dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri *commit* atau tidak untuk membuat satu dialog ataupun satu *grouping* untuk pantau perkara ini dan ini untuk kebaikan negara. Terima kasih.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Sepertimana yang saya nyatakan tadi bahawa cadangan Yang Berhormat itu memang baik. Apa sahaja cadangan yang boleh memperbaiki urus tadbir pentadbiran negara adalah merupakan sesuatu yang kita amat alu-alukan kerana Kerajaan PN ini adalah merupakan kerajaan yang terbuka. Kita memang mengharapkan satu kerajaan yang lebih efisien khususnya dalam pengurusan kewangan.

Oleh sebab itu, kita mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pengurusan kewangan kita dalam keadaan yang baik dan sentiasa memastikan bahawa

khususnya aspek perbelanjaan itu dapat diperhatikan dengan lebih teliti. Oleh sebab itu, cadangan Yang Berhormat itu akan kita— Saya akan bawa ke peringkat pengurusan dan sekiranya ada merit bagi cadangan tersebut, kita akan mengambil tindakan.

Akan tetapi yang penting di sini ialah kita telah mengambil langkah yang begitu baik seperti mana saya katakan tadi daripada beberapa kali setahun bagi bajet tambahan, kita telah mengurangkan kepada satu kali dan kita memastikan ia dalam jumlah yang tidak begitu besar. Misalnya seperti saya katakan tadi, tidak lebih daripada mungkin dua peratus. Jadi, saya mengambil maklum dan berharap supaya kita dapat memastikan bahawa pengurusan kewangan negara kita sentiasa dalam keadaan yang baik.

Yang Berhormat Pasir Mas ada membangkitkan berkaitan dengan tiada peruntukan tambahan bagi Kementerian Belia dan Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan tambahan bagi Kementerian Belia dan Sukan untuk RUU 2019-2020 dan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2019 adalah sebanyak RM50 juta di bawah pembangunan P.45 untuk membangunkan dan menaik taraf fasiliti sukan di Johor sempena Sukan Malaysia ke-20 yang dijadualkan diadakan di Johor pada tahun 2020. Akan tetapi disebabkan COVID-19, SUKMA ini akan ditangguhkan ke satu tarikh yang ditentukan kemudian.

Yang Berhormat Kulai, tadi ada membangkitkan berkaitan dengan isu kewangan PTPTN perlu bayar kepada institusi kewangan pada tahun 2020, 2021, 2022.

■1720

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam bajet ini, bajet PTPTN tidak terlibat dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan 2019. Walau bagaimanapun, kerajaan ada menyediakan sebanyak RM2 bilion pada tahun 2019 dan 2020 kepada PTPTN bagi menampung bayaran kos dana PTPTN bagi tahun 2021 dan ia akan dibentangkan semasa Bajet 2021 kelak.

Yang Berhormat Pasir Mas juga ada membangkitkan berkaitan dengan peruntukan tambahan RM16 juta kepada Kementerian Kerja Raya (KKR), ke manakah peruntukan ini dibelanjakan dan adakah peruntukan ini mencukupi untuk manfaat seluruh rakyat secara keseluruhan.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa peruntukan tambahan ini adalah disasarkan kepada projek-projek tertentu sahaja. Bagi projek-projek lain, cadangan-cadangan ini kita akan mengambil maklum. Peruntukan tambahan RM16 juta ini adalah sebenarnya disediakan bagi menampung keperluan penyelenggaraan bangunan guna sama Kerajaan Persekutuan seluruh Malaysia kerana

terdapat tambahan skop penggantian aset kritikal bagi kontrak tersebut pada tahun 2019. Kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan jalan persekutuan mengikut keperluan semasa serta keupayaan kewangan kerajaan bagi manfaat rakyat.

Saya balik lagi kepada Yang Berhormat Pontian yang juga ada membangkitkan satu isu iaitu kenapakah perbelanjaan kepada MIMOS dan SIRIM tidak diperuntukkan secukupnya memandangkan perkara ini tidak sepatutnya dibawa ke dalam bajet tambahan.

Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, kerajaan menyediakan belanjawan tahunan berdasarkan kepada keperluan kementerian/jabatan serta mengambil kira kedudukan kewangan semasa termasuk rizab tunai dan anggaran pendapatan dan hasil terutama badan berkanun dan syarikat kerajaan.

Walau bagaimanapun, semasa tahun belanjawan tersebut, timbul keperluan yang mendesak akibat pelbagai faktor seperti kenaikan kos operasi dan kekurangan pendapatan yang menyebabkan pendapatan yang dijana oleh badan berkanun atau syarikat tidak dapat menampung keperluan operasi. Oleh yang demikian, peruntukan tambahan perlu dipertimbang dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi iaitu khususnya berkait dengan apakah kesan sekiranya bajet tambahan ini tidak diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada dalam mana-mana perundangan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa yang menyatakan sama ada secara langsung atau tidak langsung implikasi sekiranya belanjawan tahunan dan belanjawan tambahan tidak diluluskan di Parlimen.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada konvensyen di bawah Komanwel yang dipraktikkan dalam *Westminster Parliamentary Democratic System*, dengan izin, belanjawan yang tidak diluluskan di Parlimen boleh menjurus kepada usul tidak percaya. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak pernah menghadapi situasi sebegini.

Namun, kerajaan yang memerintah di Australia pada tahun 1975 pernah dibubarkan kerana undang-undang perbekalan tidak diluluskan. Selain itu, kerajaan di bawah pimpinan Joe Clark di Kanada juga pernah tumbang pada tahun 1979 berikutan belanjawan yang dibentang tidak diluluskan di *House of Common*.

Dalam kes ini, saya percaya kita akan mendapat kelulusan kerana bajet ini adalah bajet yang telah dibelanjakan pada tahun lepas dan kita bertanggungjawab untuk bersama-sama meluluskannya dan memastikan bajet akan dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Berkaitan dengan isu-isu yang lain iaitu khususnya yang berkait dengan *blue bill* yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pontian juga tadi, untuk makluman Yang Berhormat, anggaran perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah dibiayai melalui Kumpulan Hasil Disatukan dan peruntukan telah ditetapkan dalam rang undang-undang atau *blue bill* adalah seperti mana yang telah dinyatakan dalam Artikel 100 Perlembagaan Persekutuan iaitu perbelanjaan hendaklah dibayar daripada Kumpulan Hasil Disatukan tetapi tidak dipertanggungkan padanya, hendaklah dimasukkan ke dalam satu rang undang-undang yang dikenali sebagai Rang Undang-undang Perbekalan.

Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, sumber pembiayaan adalah daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Persekutuan iaitu daripada Kumpulan Wang Pembangunan. Berdasarkan kepada subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], anggaran perbelanjaan pembangunan tahunan adalah diluluskan di Dewan Rakyat melalui usul anggaran perbelanjaan pembangunan. Memandangkan pengeluaran wang bagi perbelanjaan pembangunan dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Persekutuan dan bukannya daripada Kumpulan Wang Hasil Disatukan, maka perbelanjaan pembangunan tidak tertakluk kepada Perkara 100 Perlembagaan Persekutuan.

Isu-isu yang lain ialah berkait dengan isu IPCMC. Perkara ini telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Kita mengambil maklum terhadap isu berkaitan dengan IPCMC ini. Akan tetapi, ini adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan, keputusan Kabinet sama ada mahu meneruskan IPCMC ini ataupun tidak, ataupun dibentangkan, dibahaskan dan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Bagaimanapun, perkara ini akan diputuskan oleh Kabinet sekiranya perlu. Ia pernah dibentangkan pada masa Pakatan Harapan tetapi telah ditarik balik dan kerajaan akan menentukan hala tujuinya.

Selain daripada itu, berkaitan dengan isu yang telah dibangkitkan dengan banyak oleh Yang Berhormat Sibu, cadangan-cadangan beliau berkaitan dengan mewujudkan perkhidmatan radioterapi dan juga perkhidmatan *reverse osmosis* di Hospital Sibu dan juga beberapa cadangan beliau berkaitan dengan *proton therapy*, menambahkan lagi perkhidmatan *pap smear*, maka ini akan kita mengambil maklum. Saya percaya Kementerian Kesihatan akan mengambil maklum tentang cadangan-cadangan beliau ini dan jawapan akan diberi dalam jawapan-jawapan bertulis kerana ia adalah lebih spesifik.

Demikian juga dengan sekolah daif khususnya di luar bandar di Sabah dan Sarawak yang sememangnya amat diperlukan untuk diperbaiki. Kerajaan akan

mengambil maklum dan perundingan dengan kerajaan negeri dan juga usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah ini akan diteruskan untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak akan terus mendapat perhatian.

Yang Berhormat Jelebu tadi ada membangkitkan tentang isu *mental illness*. Sememangnya di dalam negara kita hari ini, disebabkan kemajuan yang bertambah dan juga gejala sosial juga bertambah, maka isu *mental illness* ini adalah merupakan salah satu penyakit baharu yang begitu bertambah dan semakin merebak. Ramai daripada mereka ini khususnya anak-anak muda yang menghadapi masalah ini. Disebabkan itu, kerajaan haruslah dan akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan lebih banyak pakar-pakar psikiatri dan *therapist* psikologi akan dapat ditambah di dalam negara ini.

Yang Berhormat Kulai tadi ada membangkitkan tentang isu-isu berkait juga dengan isu kekurangan guru di sekolah-sekolah menengah dan sekolah kebangsaan. Kita akan mengambil maklum terhadap perkara ini untuk dilihat dalam bajet yang akan datang dan juga dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan dibentangkan tidak berapa lama lagi.

■1730

Selain daripada itu, saya juga— Yang Berhormat Hulu Rajang ada memberikan banyak cadangan khususnya berkait dengan masalah di luar bandar di kawasan beliau dan antaranya ialah mengenai pemberian subsidi baja padi dan meningkatkan prasarana pendidikan luar bandar, makanan untuk pelajar-pelajar di asrama di SMK Baleh dan juga beberapa fasiliti prasarana kesihatan di Hospital Kapit yang perlu diperbaiki. Beliau juga ada mencadangkan untuk menambah staf ataupun kakitangan bagi MPOB di Sungai Asap.

Jadi, itu sahaja isu-isu yang telah dibangkitkan. Mana-mana yang saya tidak dapat jawab, pegawai saya akan menjawab secara bertulis dan saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membahaskan rang undang-undang ini. Saya berharap kita semua dapat meluluskannya pada hari ini juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 12 Ogos 2020. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang]